

## Bab 1

Cahaya lampu di ibu kota tampak sedikit suram jika ia terlihat dari balik tingkap kereta sedan yang sedang mereka naiki saat ini. Titisan air hujan nampaknya enggan meninggalkan kaca tingkap itu. Hujan mulai reda namun rintiknya masih lagi jatuh titis demi titis menghempap lantai bumi.

“Hati-hati, mata kau boleh tertonjol keluar nanti kalau kau asyik melopong kat tepi tingkap macam tu.” Ejek Dara yang duduk di tempat bahagian penumpang hadapan, bersebelahan dengan pemandu teksi itu. Gadis itu tertawa kecil.

”Dira tak tahu pulak yang kat bandar ni memang banyak lampu-lampu macam ni. Dira ingatkan sikit je.” Sahut saudara kembar Dara yang bernama Dira. Sejenak, dia menatap Dara yang berada di tempat duduk penumpang di bahagian hadapan sebelum kembali menghalakan pandangannya ke arah lampu-lampu yang berada di persisiran jalan termasuk persimpangan.

”Cantiknya.” Sambung Dira lagi, nampak nadanya yang begitu kekampungan.

Dara hanya ketawa kecil di bahagian tempat duduknya. Dia tahu benar akan sikap adik kembarnya itu, Dira. Maklumlah, ini merupakan kali pertama buat Dira menjejakkan kakinya ke bandar besar. Sebelum ini, kakinya itu hanya melangkah ke sawah padi. Apa yang dia tahu hanyalah rumput, tanah liat, lumpur dan tanah kebun dan lampu-lampu yang sedang dilihat oleh Dira saat ini tidak akan pernah dia ketemui jika berada di kampung. Yang ada, mereka hanya menggunakan lampu kalimantan, lampu minyak tanah atau lampu suluh jika mahu keluar rumah. Syukurlah saat ini di kampung mereka sudah ada kemudahan lampu jalan. Jika tidak, dia yakin Dira pasti akan lebih jakun daripada ini.

”Ini sikit je Dira. Tunggu kejap lagi, akak akan tunjukkan pada Dira sesuatu yang lebih indah dari semua ni. Di apartment akak.” Ujar Dara dengan penuh rasa bangga sehingga mengundang rasa debar di hati Dira. Tidak sabar rasanya untuk dia menikmati keindahan itu.

"Betul ke akak?" Tanya gadis itu dengan bola matanya yang berpinar memandangi ke arah Dara. Ia bahkan sudah mencondongkan sedikit badannya ke depan demi mendapatkan kepastian dari saudara kembarnya itu.

"Hummm." Jawab Dara sambil mengangguk.

"Yang penting sekarang, akak nak kau duduk dengan tenang. Jangan nak menggelupur sangat macam cacing kepanasan. Rimas akak tengok tau tak!. Kesian nenek, kene himpit dengan badan kau yang besar gedempol tu" Omel Dara sambil menjuihkan bibirnya membuatkan Dira tersedar akan kelakuannya tadi yang kelihatan agak kurang sopan. Ternyata nenek Munah, nenek mereka telah terhimpit kerana tubuh Dira yang mencondong dengan sedikit menyerong ke depan. Mereka duduk bertiga di belakang dengan Atuk Irul membuatkan nenek Munah terpaksa merelakan dirinya diapit oleh suami dan cucunya. Ditambah pula dengan Dira yang ternyata tidak boleh duduk diam di saat-saat sempit begini membuatkan Nek Munah tidak mampu untuk terus menahan sabarnya demi sang cucu yang kekampungan.

"Ma...maaf nek." Ucap Dira sambil cuba memperbaiki posisi duduknya. Baginya, adalah lebih baik jika saat ini dia hanya merenung kembali lampu yang ada di sekitar jalan raya itu.

Hujan ternyata tidak begitu lebat. Titisan air yang menempel di tingkap kereta ternyata memberikan kesan yang lebih menarik. Sepertinya ada lampu tambahan yang dipantulkan oleh titisan hujan. Melihat kota yang luas membuatkan Dira kembali teringat kampung halamannya yang permai. Desanya itu memang tenang, tidak bising seperti di bandar. Baru beberapa jam saja dia tiba di bandar, telinganya ini sudah lelah mendengar suara hiruk-pikuk yang datang entah dari mana.

Di bandar itu memang indah, banyak cahaya yang terang benderang yang berasal tidak hanya dari langit bahkan dari bangunan-bangunan pencakar langit yang bertingkat-tingkat dan mewah. Terlalu banyak menghiasi ruang bandar ini. Tidak seperti di desa yang selain dari lampu di setiap rumah, cahaya yang ada itu datangnya dari pantulan bulan dan bintang yang menghiasi dada langit malam. Mungkin disebabkan itulah kakaknya, Dara lebih selesa tinggal di bandar berbanding di kampung. Suasana di sini kelihatan begitu meriah, sama seperti orangnya.

"Nah, kau pakai ni." Kata Dara sambil menghulurkan sehelai gaun hitam lengkap dengan butiran labuci yang berkilauan di bahagian pinggangnya.

Rancangannya pada malam ini, Dara akan menghadiri jamuan makan malam bersama keluarga Adrian. Lelaki yang sebentar lagi akan menjadi suaminya dan makan malam ini adalah makan malam yang cukup berharga bagi Dara. Maka disebabkan itu, penampilan Dira yang merupakan saudara kembarnya pun tidak boleh diabaikan begitu saja. Mana tidaknya, bakal suaminya itu bukannya calang-calang, dia adalah anak kepada salah seorang ahli perniagaan yang terkenal di Kuala Lumpur.

Agak lama juga Dara mencari sebelum akhirnya dia dapat merasakan bahawa gaun hitam yang diberikan kepada Dira tadi adalah pilihan yang terbaik jika hendak dibandingkan dengan gaun yang lain.

"Tak naklah akak, Dira lagi suka gaun yang ni." Dalih Dira sambil tangannya itu mula mengambil sehelai gaun yang berwarna coklat, yang tergantung di dalam almari pakaian milik Dara. Gaun itu tampak lebih sesuai dengan padanan tubuhnya.

"Tak boleh!! Kau lagi sesuai dengan gaun inilah Dira!!." Bentak Dara dengan nada suaranya yang kedengaran sedikit keras. Tidak ingin berkrompromi, tangan Dara pantas merampas gaun coklat yang ada di tangan Dira lalu mencampakkannya begitu saja.

"Gaun tu hanya akan buat kau nampak macam nenek-nenek!!." Tambahnya lagi membuatkan Dira mengerutkan dahinya.

"Tapi Dira nak pakai yang ni kak." Ujar Dira lagi.

"Akak cakap tak boleh! tak bolehlah!! Apa yang susah sangat kau nak faham ni hah??. Akak nak kau pakai gaun hitam ni!!." Tegas Dara sambil tangannya itu memaksa Dira agar mengambil gaun pilihannya itu.

"Muktamad!!." Tegas Dara membuatkan Dira kembali terdiam, hanya mampu menahan nafas kesal.

"Dahlah Dira. Kau pakai je apa yang kakak kau suruh tu." Celah Nek Munah dan Atuk Irul yang datang dari arah luar. Dia terdengar akan pergaduhan di antara Dira dan Dara.

"Lagipun inikan acara formal dan Dira sendiri pun belum pernah lagi kan datang ke acara majlis macam ni?." Sambung Nek Munah lagi dibalas dengan alis kening Dira yang naik tinggi.

"Kenapa?. Nenek tu sebelum ni pernah ke pergi majlis-majlis mewah macam ni?." Tanya Dira dengan riak wajahnya yang polos.

"Humm Dira...Dira... kau dah lupa ke Dira?. Nenek dengan atuk ni dulu kan dah pernah pergi ke bandar ketika majlis pertunangan Dara. Mestilah nenek tahu." Jawab Nek Munah sambil tertawa kecil.

"Macam budak-budak!." Sambungnya lagi disulami dengan hilai tawa Dara dan juga Atuk Irul.

Dalam hati, Dara merintih. "Malangnya nasib kau." Gumam hatinya sambil memandang sang adik.

Ini adalah kali pertama buat Dira menjejakkan kakinya di bandar besar. Entah kehidupan apalah yang Dira nikmati di desa sampaikan Dara sudah memiliki kerjaya yang bagus di bandar, Dira pula malah menolak untuk mengikutinya berjuang membina kerjaya di kota metropolitan bahkan sebentar lagi Dara akan melangsungkan perkahwinan dengan seorang lelaki yang tampan dan berjaya sedangkan Dira pula masih belum ada tanda-tanda yang dia mahu menamatkan zaman bujangnya. Jika dihintung dari taraf kehidupan, sudah terang lagi bersuluh, Dira sudah jauh ketinggalan di belakang Dara. Kalah dengan kakaknya sendiri.

Dira hanya mampu terdiam menahan kedinginan yang mula menyerang setiap inci tubuhnya yang terdedah. Bahkan sesekali hembusan angin nakal dan dingin membuatkan Dira menyumpah seranah di dalam hati saat gaun kembang semangkuk yang dipilih oleh kakak kembarnya itu terselak sedikit kerana ditiup angin. Bukan dia seorang sahaja yang memakai pakaian sebegitu di dalam restoran mewah ini tapi entah kenapa, Dira tetap merasa malu apabila bahagian tubuhnya kelihatan terdedah sebegitu. Apatah lagi disebabkan gaun itu, dia

terpaksa menanggung kedinginan yang tidak terkata seperti ini. Gaun ini bukanlah tipikal gaun kegemaran Dira. Kalau tidak disebabkan Dara, tak inginlah dia nak pakai gaun macam ni!. Gaun ni memang tak layak nak duduk di dalam almari pakaiannya.

”Senyumlah sikit. Tengok tu, dorang dah sampai.” Bisik Dara, berjaya mengalihkan fikiran Dira saat dia melihat sebuah kereta sedan mewah yang berwarna hitam kilat kini berhenti betul-betul di hadapan restoran itu.

Terlihat dua orang yang Dira kira sebagai pasangan suami isteri turun dari bahagian tempat duduk penumpang. Mereka berdua terus tersenyum saat melihat kelibat Dara, Nek Munah dan Atuk Irul disusuli pula oleh seorang lelaki yang turun dari perut kereta. Lelaki itu mendatangi Dara sambil tersenyum mesra.

Lelaki setampan itu belum pernah Dira lihat sekalipun di dalam mimpi. Ketampanan yang tidak mampu untuk Dira rungaikan dengan kata-kata apatah lagi untuk membandingkannya dengan lelaki-lelaki yang ada di kampung halamannya. Lelaki itu pasti tunangan kakaknya, Dara. Lelaki itu pasti adalah Adrian.

“Hummm ini adik kembar awak ke Dara?” Tanya Anita, mamanya Adrian. Lirik matanya mula memperhatikan Dira. Dira yang perasan dirinya kini mula menjadi buruan mata Anita berasa tidak senang duduk kerana tidak biasa diperhatikan sedemikian rupa.

Dara mengangguk, mengiyakan pertanyaan yang diajukan oleh bakal ibu mentuanya itu.

“Ya aunty. Kenalkan, ini adik Dara. Adira Salsabila dan dia adalah saudara kembar Dara. Mirip kan?”

Sikap manja yang ditonjolkan oleh Dara itu tadi ternyata mampu membuatkan Dira merasa sedikit iri hati. Iri bukan bermaksud benci. Iri kerana dia juga ingin mendapatkan sikap hangat yang seperti Dara dapatkan saat ini.

Anita yang mendengarkan kata-kata itu mula tersenyum sambil mengangguk lembut. Sinar matanya menandakan kalau dia ini adalah orang yang baik-baik. Riak wajah keibuan itu tampak begitu jelas sepertinya dia sangat menyayangi Dara seperti anak kandungnya sendiri.

"Dia pun cantik jugak, kan ma?." Kali ini giliran Tengku Mazli, ayahnya Adrian mula berbicara dan kata-katanya itu mendapat persetujuan penuh dari Anita membuatkan Dira merasa semakin disanjung bila mana bakal ayah mentua Dara memujinya sebegitu. Setidak-tidaknya, dia juga dapat merasakan yang dirinya ini memang kembaran Dara yang cantik.

"Dan Dira, kenalkan ini, Adrian. Dia adalah lelaki bertuah yang selalu akak ceritakan pada Dira dulu." Ujar Dara dengan penuh keyakinan dan Dira bersumpah, dia sendiri malu apabila mendengarkan kata-kata yang terpancul keluar dari bibir kakak kembarnya tadi. Masakan tidak, ucapan Dara tadi seolah-olah mahu mengatakan bahawa mereka berdua ini adalah kakak adik yang suka bergosip pasal lelaki.

Tanpa sedar, Dira menundukkan wajahnya dalam-dalam.

"Adrian...Tengku Adrian."

Dira tersentak seketika saat mendengar suara garau itu. Adrian menghulurkan tangannya di depan wajah Dira yang tadinya menunduk memaksa gadis itu untuk menyambut huluran tersebut dengan hati yang bergetar saat telapak tangan mereka berdua bersentuhan.

"Ad...Adira Salsabila." Ucapnya dengan penuh rasa gugup.

Adrian melepaskan tangan itu.

"Humm jomlah kita masuk sekarang, saya pun dah lapar ni." Katanya sambil kakinya itu melangkah masuk ke dalam restoran mewah tersebut. Yang lain pula hanya menurutinya dari arah belakang kecuali Dira.

Mereka tidak menyedari ternyata Dira masih tertinggal di lobby restoran tersebut, menatap tangannya dengan suatu perasaan aneh di dada.

"Hei!!!. Dia itu calon suami kakak kau!! bakal abang ipar kau!!. Jangan cuba-cuba nak jatuh cinta pada dia pulak!!." Teriak batin Dira yang tiba-tiba mengancam. Gadis itu mula menggeleng keras. Suara hatinya itu bahkan lebih seram dari amaran Dara. Lantas dia menampar pipinya itu berulang kali supaya dia tersedar dari khayalan dan fantasi. Hanya kerana lelaki itu bersalaman dengannya, itu sudah cukup untuk membuatkan Dira terbang ke

alam lain sepertinya masuk ke dalam suatu dimensi yang lain di mana hanya ada dia dan lelaki itu di sana.

"Kenapa awak tak masuk?."

Pertanyaan Adrian yang tadinya berjaya membuatkan Dira tersedar dari fikirannya yang mengarut tentang Adrian. Pantas saja Dira mengangguk dan mendahului Adrian dengan tingkahnya yang kelihatan agak kelam kabut. Lelaki aneh ini ternyata berjaya membuatkan dia seperti kera yang dibakar bulunya. Hilang arah dibuatnya!. Inilah kali pertama mereka berdua bertemu dan ini juga adalah kali pertama buat Dira merasakan seolah-olah dirinya telah dipukau oleh sesuatu. Sesuatu yang belum dia ketahui akan selok-beloknya, apakah akan membawanya ke jalur kebenaran ataupun kesesatan!.

## Bab 2

Dira sudah siap mahu berangkat dengan bagasinya yang berwarna hitam. Sejak dari subuh tadi lagi, Dira sudah sibuk mengemas pakaiannya untuk dibawa pulang ke kampung halaman. Sengaja memberikan alasan dengan mengatakan ada sesuatu perkara yang harus dia selesaikan di sana, dia memutuskan untuk pulang sehari lebih awal meninggalkan atuk dan nenek mereka yang masih mahu menemani Dara.

"Dira betul ke nak pergi ni?. Tak terlalu cepat ke?. Dira sampai hati ke nak tinggalkan akak sedangkan lusa adalah hari perkahwinan akak dengan Adrian?." Tanya Dara dengan air mata yang sudah mulai mengalir membasahi pipi mulusnya. Dia tidak rela jika harus membiarkan Dira pergi tanpa menunggu hari istimewanya berlangsung. Sebentar lagi, Dara akan menjadi isteri orang sementara Dira pula?. Tergamak sekali Dira tidak mahu menyaksikan hari bahagianya itu. Kata saudara kembar! tapi kenapa harus seperti ini?.

"Maafkan Dira kak. Dira betul-betul mintak maaf. Dira tak boleh nak tunda lagi, lusa akan ada orang yang nak datang ke kampung kita tu, dia nak beli lembu Dira dengan harga yang begitu tinggi. Takkanlah Dira nak lepaskan pembeli tu." Jelas Dira yang sebenarnya tidak sampai hati juga mahu meninggalkan Dara di saat hari bahagianya yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

"Lembu?." Dengus Dara dengan riak wajahnya yang kelihatan begitu kesal.

"Dira lebih pentingkan lembu dari kakak Dira sendiri?." Bentak Dara, cuba untuk melepaskan amarahnya.

Wajar kan?. Kalau dia merasa kesal dengan sikap adik kembarnya sendiri!. Bayangkan saja, adik kembar yang disayanginya itu ternyata lebih memilih lembu daripada menghadiri majlis pernikahannya bersama Adrian. Ini bermakna lembu itu jauh lebih berharga di mata Dira berbanding dengan dirinya. Rungut Dara!.

Saat ini jika Dara teriak berguling-guling sekalipun, ia tidak akan pernah mampu untuk mengubah apa-apa. Dira tetap dengan pendiriannya yang kukuh, pendiriannya yang mahu



pergi dari tempat itu. Bahkan sebutir air mata yang menitis dari kelopak mata Dara juga tidak akan pernah mampu untuk memujuk sang adik agar tetap bertahan di rumah itu.

"Jangan nangis kak." Pujuk Dira sambil tangannya itu cuba untuk menghapus air mata Dara namun terus ditepis kasar oleh Dara.

"Dira janji, sebaik saja proses jual beli lembu tu selesai, Dira akan terus datang ke majlis perkahwinan akak." Ujar Dira, cuba untuk mencipta janji namun kata-katanya itu malah membuatkan Dara terus menangis seperti anak kecil membuatkan Nek Munah dan Atuk Irul bertambah pening saat mendengarnya.

"Kau lebih pentingkan wang dari aku Dira!!." Tempik Dara yang kelihatan seperti anak kecil yang baru ditinggalkan oleh ibunya yang mahu pergi ke tempat kerja.

"Dasar mata duitan!!." Raung Dara.

Deruan helaan nafas panjang mula keluar dari bibir mungil Dira saat dia harus mendengar sumpah seranah dari saudara kembarnya itu. Andai saja Dara mengerti akan isi hati Dira saat ini, tangisan Dara itu jelas membuatkan Dira bertambah sakit hati kerananya. Bukannya dia tidak sedih jika kakak kembarnya itu sedih tapi ada sesuatu yang lebih menyedihkan daripada itu. Kejadian di restoran semalam jelas menampakkan bahawa Dira terlihat seperti orang yang tidak berguna bagi Dara. Sikap Anita, Tengku Mazli bahkan sikap Adrian sendiri pada Dara begitu hangat, harmoni, baik sehingga membuatkan hati Dira ingin menangis kerana terlalu terharu. Dia sangat bahagia saat melihat ada orang yang memperlakukan Dara seperti ahli keluarga mereka sendiri walaupun mereka tahu Dara itu juga berasal dari kampung, sama seperti dirinya. Tiada apa yang perlu dia risaukan tentang Dara. Tidak seperti dirinya, yang terpaksa bekerja keras di kampung bagi menyara atuk dan neneknya yang sudah semakin tua dimamah usia.

"Akak dengar dulu apa yang Dira nak cakapkan ni." Dira mula meraih kedua-dua bahu milik Dara dan memulakan bicaranya dengan riak wajah yang tampak begitu serius.

"Saat perkahwinan akak dengan Abang Adrian terjadi, itu maknanya kehidupan akak akan berubah bukan hidup Dira. Dira harus tetap mencari wang untuk Dira, atuk dan nenek bagi

meneruskan kelangsungan hidup di kampung. Saat akak dah berkahwin nanti, akak dah jadi tanggungjawab Adrian. Hanya akak bukan kami jadi Dira mohon, akak tolonglah faham situasi Dira sekarang. Akak tetap akan kahwin dengan Abang Adrian tak peduli sama ada Dira ada ke tak. Doa Dira sentiasa ada bersama akak.”

Dara menatap wajah Dira dengan pandangan mata yang cukup sembab. Dia faham satu sifat Dira yang tidak pernah mahu menyusahkan orang lain. Itu yang membuatkan Dara jarang balik ke kampung mereka. Dia tidak mahu melihat kehidupan Dira yang selalu dibebani masalah. Dia tahu satu-satunya alasan mengapa Dira tidak mahu pergi jauh dari kampung mereka adalah kerana atuk dan nenek. Walaupun kenyataan itu selalu dinafikan oleh Dira. Diralah yang seharusnya bahagia sekarang. Perjuangannya itu terkadang membuatkan Dara berasa malu pada dirinya sendiri. Dibandingkan dengan dirinya yang berjaya mendapatkan lelaki kaya sebagai calon suami tetapi dalam masa yang sama, masih ada Dira yang menyara kehidupan atuk dan nenek mereka dengan penat lelahnya sendiri tanpa pernah mengeluh walau sekelumit pun. Malah kali ini Dara menangis, dia merasakan dia telah kalah dengan Dira. Kalah dalam kecekalan hidup.

Sudah hampir enam jam berlalu selepas keberangkatan Dira yang kembali ke desa halaman. Ini bermakna, hari telah siang dan tiada apa yang perlu dilakukannya saat ini. Semuanya telah dibereskan oleh pihak lelaki dan tidak meninggalkan sebarang sisa kerja bagi pihak keluarga Dara. Bahkan saat ini mereka menyuruh Dara agar berehat, mengumpul tenaga fizikal mahupun batin untuk digunakan ketika majlis perkahwinan mereka yang bakal menjelang nanti.

Telefon pintar miliknya mula bergetar di atas meja, ia berdering menandakan ada panggilan masuk dari seseorang. Dilihatnya jam yang tergantung di dinding. Sudah pukul dua petang dan apa yang Helmi nak? tiba-tiba saja menelefonnya siang-siang buta!.

”Hello.” Sapanya melalui panggilan telefon.

”Awak free tak?” Tanya seorang lelaki di hujung talian tanpa perlu berbasa-basi.

”Tak.” Balas Dara.

“Saya penat!. Saya nak rehat sekarang.”

“Awak sakit ke?.” Terdengar suatu nada cemas dari bibir Helmi.

“Nak saya datang jenguk awak ke?.” Sambungnya lagi.

“Tak payah!!.”Tegas Dara namun masih dalam nada suara yang mendarat. Dia sememangnya tidak pernah meminati akan lelaki itu, Helmi...salah seorang kawan kampusnya dulu. Tidak pernah sama sekali!

Helmi hanya terdiam. Hembusan nafasnya yang teratur terdengar melalui corong telefon yang digenggam oleh Dara.

“Kalau tak ada apa-apa lagi, saya nak letak telefon-“

“Tunggu!.” Sergah Helmi saat mendengar Dara mahu memutuskan talian telefon.

”Saya call awak ni sebenarnya saya ada perkara sikit nak bincang dengan awak. Saya nak bahaskan sesuatu tentang kita.” Katanya membuatkan Dara kembali mendengus.

”Tentang kita?.”

”Tentang kita, sebelum awak bertunang dengan Adrian.” Celah Helmi, kata-katanya itu bagaikan kejutan halilintar yang datang menyengat cuping telinga Dara, membuatkan bulu romanya tegak berdiri. Darahnya seolah-olah mengalir di bawah kakinya, dia mungkin hampir terjatuh jika berada di dalam posisi berdiri tadi.

“Awak ada kat mana?.”

Adrian segera berlari sebaik saja memberhentikan kenderaan yang dipandunya di tempat letak kereta yang berada di salah sebuah hospital terkemuka di ibu kota. Adrian kelihatan begitu cemas saat dia berlari menyusuri lobby hospital demi menuju sebuah ruangan yang tertulis ICU.

Di sana, kelihatan Amar yang sedang berdiri tegak dengan riak wajahnya yang kelihatan begitu tegang. Entah apalah yang telah dilaporkan oleh pihak polis kepada lelaki itu. Apa yang

jas, dia kelihatan bingung dan tidak tahu bagaimana caranya untuk dia jelaskan perkara itu kepada Adrian.

“Apa?” Adrian menatap wajah Amar dengan renungan mata yang tajam. Riak wajah lelaki kacak itu tampak begitu tertekan.

“Apa yang dah jadi dengan dia?”

“Duduk dulu. Tenangkan diri kau dulu.” Pinta Amar namun ditepis oleh Adrian.

“Kau ingat aku boleh tenang ke selepas aku tahu dia kemalangan?” Bentaknya, melepaskan rasa kesal itu kepada Amar.

“Aku hanya boleh jelaskan pada kau kalau kau duduk bertenang.” Balas Amar dengan nada suaranya yang berbaur ancaman. Tidak mahu membuang masa terlalu lama, akhirnya Adrian mengalah. Lelaki itu memilih untuk duduk di sebuah kerusi panjang yang terletak di luar lobby hospital. Matanya masih tertumpu ke arah Amar, mengisyaratkan kepada lelaki itu agar segera menjelaskan perkara yang sebenar.

Amar juga turut duduk, berada dekat di sebelah Adrian. Sebelum menjelaskan perkara yang begitu menyakitkan, Amar sempat menarik nafasnya dalam-dalam sebelum menghembuskannya keluar seolah-olah sedang mencari kekuatan dalaman.

“Pihak polis beritahu pada aku, kereta yang dipandu oleh Dara berlanggar dengan sebuah kereta lain dari arah yang bertentangan. Kejadian itu dikhabarkan selepas Dara keluar dari hotel yang dia kunjungi pada waktu siang. Namun, belum sampai beberapa meter, dia-

“Hotel?” Adrian memotong bicara Amar. Sebelah keningnya juga turut terangkat.

“Hotel mana?. Bukan ke aku dah pesan pada dia supaya jangan keluar dari apartment sebelum majlis hari perkahwinan kami!”

“Itulah yang aku pelik tu. Aku...” Ujar Amar sambil mengusap wajahnya yang kelihatan agak gusar.

"Pihak polis dah buat siasatan tadi dan pihak hotel ada memberitahu yang Dara sebenarnya sudah beberapa kali datang ke hotel mereka untuk bertemu dengan seorang lelaki."

"Apa?."

"Aku harap kau tenang dulu. Ini mungkin hanya sangkaan aku tapi kalau...-"

"Siapa lelaki tu?." Sekali lagi Adrian memotong bicara Amar. Emosi Adrian mula berubah selepas mendengar alasan yang berbeza. Mendengar ada lelaki lain yang mungkin adalah penyebab kepada hal yang terjadi kepada Dara membuatkan hatinya seperti ingin memuntahkan larva panas!.

"Siapa lelaki tu?."

Amar mula tidak keruan. Dipejamkan anak matanya itu rapat-rapat sebelum akhirnya dibuka kembali. Mahu atau tidak, dia harus mengatakan hal ini kepada Adrian.

"Aku sendiri tak tahu siapa lelaki tu yang sebenarnya tapi apa yang pasti, dia dan Dara sepertinya sudah selalu bertemu di hotel tersebut. Menurut saksi yang melihat kejadian itu, mereka berdua tidak pernah datang atau pergi bersama tetapi apa yang pasti, Dara memang menemui lelaki itu di sana."

Kedua-dua tangan Adrian mengepal, menggenggam penumbuk itu dengan erat. Bodoh!. Itu adalah perkataan yang paling layak untuk menggambarkan keadaan dirinya saat ini. Mulutnya diketap rapat sehingga menampakkan rahang lelaki itu yang mulai mengeras.

Mengapa hal ini harus terjadi pada dirinya?. Dua hari sebelum pernikahannya bersama wanita itu?. Dia fikir, dengan membiarkan wanita itu tidak berasa tertekan dengan pernikahan mereka yang bakal berlangsung tidak lama lagi akan membuatkan keadaan menjadi tambah lebih baik namun apa yang terjadi adalah sebaliknya!.

Tidak!!. Bukan ini yang diinginkan olehnya. Tidak sama sekali!. Wanita itu telah menduakan dirinya dan menjadikannya seperti lembu yang dicucuk hidung!. Dia tidak akan membiarkan dirinya menjadi mangsa tipu daya oleh seorang gadis kampung!!.

Memang celaka!! Entah kenapa, sedikit sebanyak hati kecilnya itu mula merasa syukur dengan apa yang telah menimpa diri Dara saat ini. Persetan dengan wanita yang ada di ruang ICU itu. Kini apa yang dia harus fikirkan adalah pernikahannya. Tidak mungkin kerana onar yang dibuat oleh Dara, dia pula yang harus menanggung malunya?. Apa pula kata kenalan rakan bisnesnya jika mereka tahu orang yang mereka kenal sebagai lelaki genius dengan begitu mudahnya dibodohi oleh seorang gadis kampung?.

"Ahh, ya!!....gadis?." Bahkan Adrian sendiri tidak percaya kalau wanita itu masih perawan ataupun tidak. Terlintas di dalam benak Adrian tentang siapa yang harus menanggung semua masalah ini. Lelaki kacak itu pantas berdiri dari tempat duduknya membuatkan Amar tersentak seketika. Lelaki itu juga turut bangun dari tempat duduknya.

"Aku nak kau bawa pompuan kampung tu datang ke sini!." Kata Adrian sambil melemparkan pandangannya jauh ke lorong kosong yang ada di bangunan hospital tersebut.

"Dia yang harus bertanggungjawab untuk semua ini." Gumamnya sebelum melangkah pergi meninggalkan Amar yang masih lagi terpinga-pinga dengan seribu persoalan di hati.

"Pompuan kampung?. Siapa?."

"Hei!!." Separuh berlari, Amar meraih bahu Adrian dan membuat lelaki itu terpaksa berpaling semula.

"Pompuan kampung?. Siapa?." Tanya Amar dengan dahinya yang berkerut.

Dia memang harus menyalahkan gadis itu. Tidak!! Meskipun gadis itu tidak bersalah tapi setidak-tidaknya, dia tidak mahu menanggung malu ini seorang diri. Harus ada seseorang yang menerima tempiasnya, seseorang yang mempunyai kaitan dengan Dara. Walaupun tidak secara langsung, dia tahu sedikit sebanyak Dara juga tahu akan perangai kakak kembarnya, Dara. Bagi Adrian, mereka berdua itu tiada bezanya. Dua-dua sampah!.

"Ad, siapa pompuan kampung tu?... siapa?."

### Bab 3

"Dira?." Dira terkejut sambil jari telunjuknya itu menunding ke arah dirinya sendiri. Matanya pula masih memandang ke arah Nek Munah dengan riak wajah yang penuh kehairanan. Bayangkan saja, belum sampai enam jam dia menghabiskan waktunya di kampung halaman, dia terpaksa kembali lagi ke bandar itu buat seketika selepas mendengar berita mengenai musibah yang menimpa saudara kembarnya, Dara dan sekarang dia sudah mendengarkan satu lagi hal yang lebih mengejutkan. Ia terucap dari mulut sang nenek.

Lupakan saja soal jual beli lembu yang Dira tunggu-tunggu selama ni. Kini di hadapannya, Adrian berdiri bersama orang tuanya, Nek Munah, Atuk Irul serta seorang lelaki yang dikenali sebagai Amar, orang yang datang menjemputnya dari kampung tadi. Mereka semua sedang mengelilingi Dira seolah-olah Dira ini adalah pencuri yang telah ditangkap basah dan yang patut mereka hakimi.

"Maafkan kami, Dira. Kami tak tahu perkara macam ni akan terjadi pada Dira." Ucap Nek Munah dengan riak wajah yang bersalah.

"Kerana Dara, Dira terpaksa menanggung semua ni."

"Kau harus kahwin dengan aku, Adira Salsabila!." Tegas Adrian dengan nada suaranya yang kedengaran begitu lantang. Dira memandang ke arah Adrian sekilas. Kepalanya mula menggeleng berulang kali, seolah-olah tidak percaya dengan apa yang didengarinya tadi.

"Tapi kenapa harus saya?." Tanya Dira, cuba untuk membantah tindakan Adrian.

"Habis tu kalau bukan kau siapa?. Pompuan yang dah nak mampos tu?." Bentak Adrian, membuatkan semua orang yang berada di situ terkejut.

Mujurlah orang yang berada di ruangan itu hanya ada mereka saja. Cuba bayangkan jika ada orang lain yang tengah menghidap penyakit jantung berdiri di tengah-tengah mereka,

nyawanya pasti akan terbang melayang selepas mendengar suara Adrian yang bergegar memenuhi ruang yang mereka tempati saat ini.

Sepertinya kemarahan Adrian sudah tidak dapat dibendung lagi. Hanya kerana seorang wanita yang bernama Dara itu sudah cukup untuk membuatkan hidupnya hancur berantakan!. Memperbodohkan dirinya dengan nama cinta palsu dan bahkan mungkin telah memperdayanya dengan majlis perkahwinan mereka yang hampir saja terjadi dan apa yang ada di balik semua masalah itu?. Pompuan kampung yang sedang berdiri di hadapannya itu malah ingin lari begitu saja?. Berpura-pura kalau dirinya tidak ada sangkut paut dengan semua ini?.

Huh!! bahkan dari kekrabannya dengan Dara saja, Adrian bertambah yakin kalau Dira sebenarnya tahu tentang semua ini!.

Di balik degupan jantungnya yang kian resah, Dira mencuba untuk memberanikan dirinya. Dia menatap sepasang mata milik Adrian dengan pandangan yang begitu tajam. Dadanya ini terasa semakin sesak. Bukan niatnya untuk berlagak di hadapan lelaki itu tetapi dia sememangnya sudah memasang senjata seolah-olah dia telah bersedia untuk berhadapan dengan Adrian. Jangan lelaki itu ingat yang Dira ini takut pada dirinya!.

"Seperti yang nenek saya cakapkan tadi, ini semua bukan salah saya jadi kenapa pulak saya yang kena menanggung akibatnya?. Inikan masalah awak dengan Dara!. Bukan dengan saya!. Jadi tidak adil rasanya kalau awak meminta saya untuk bertanggungjawab di atas kesalahan yang tak pernah saya lakukan!!." Tegas Dira membuatkan Adrian tersenyum sinis.

"Kau ingat kau siapa nak bentak-bentak aku macam ni?. Macam kau pulak yang jadi mangsa dalam masalah ni!."

"Dah memang macam tu pun!. Memang saya yang jadi mangsa di antara masalah awak dengan Dara!. Korang semua menjadikan saya korban!. Korang semua cuba menjadikan saya sebagai kambing hitam untuk menyelamatkan maruah keluarga korang kan? terutamanya kau!!." Tunding Dira tepat ke arah wajah Adrian.



"Aku nak kau tahu yang aku ni memang seorang gadis kampung yang bodoh tapi kau jangan ingat kau boleh perbodohkan aku. Aku tahu apa maksud kau lakukan semua ni. Kau nak kahwin dengan aku semata-mata nak selamatkan reputasi kau kan?. Kau tak nak kalau reputasi kau sebagai orang bisnes yang berjaya hancur kalau orang lain tahu pasal hal ni. Bahkan kau sanggup tuduh kakak aku curang sedangkan dia tak pernah curang di belakang kau!"

"Dia memang curang!"

"Tak!! Dara tak pernah curang!!" Teriak Dira membalas ucapan Adrian dengan anak matanya yang berkaca-kaca.

Dira tidak boleh terima kalau Adrian menuduh Dara seperti itu. Mereka tidak ada bukti. Saksi mereka mungkin saja boleh berbohong. Dia tahu persis bagaimana sikap saudara kembarnya itu. Gadis itu benar-benar mencintai Adrian dan lelaki itu tidak seharusnya menuduh Dara yang mencintainya dengan setulus hati, dengan sesuatu yang belum jelas terbukti!

Air mata Dira diam-diam menitis titis demi titis, meluahkan segala rasa amarahnya yang tidak mampu ditahan lagi. Emosinya kini benar-benar diuji oleh bakal suami kakaknya sendiri. Menuduh kakaknya dengan suatu tuduhan yang langsung tak masuk akal!. Kesalahan itu tidak akan pernah Dira maafkan dengan begitu mudah!

"Aku kenal Dara. Aku yakin dia bukan seperti itu. Kau kekasihnya, kau tunangannya dan bahkan kau adalah calon suaminya. Kau sepatutnya lebih kenal siapa Dara yang sebenarnya. Kau tak boleh macam ni....kau harus percaya kalau Dara-"

"Dengar sini pompuan sial!"

Belum sempat Dira mahu mengutarakan bicara yang selanjutnya, lelaki itu tiba-tiba merangkul pergelangan tangan Dira dan menaikkannya ke atas membuatkan gadis itu tersentak lalu mengangkatkan sedikit wajahnya untuk menatap wajah Adrian yang lebih tinggi darinya.

Mata mereka berdua saling bertentangan. Bola mata kedua-duanya merah. Bezanya, yang satu itu merah kerana terbakar api kemarahan dan yang satu lagi merasa terluka seolah-olah mata itu berdarah kerana terlalu menyimpan banyak luka.

“Kau akan tetap kahwin dengan aku esok sama ada kau suka ataupun tak, kau tetap akan jadi isteri aku!!.” Tegas Adrian sebelum melepaskan tangan Dira dengan kasar. Semua yang menyaksikan kejadian itu hanya mampu terdiam, membisu seribu bahasa. Nafas mereka terkumpul di dada masing-masing, tidak mampu untuk diluahkan keluar. Dira masih tidak percaya dengan apa yang dilakukan oleh Adrian tadi, beraninya lelaki itu memperlakukannya sebegitu bahkan di depan orang tuanya yang seharusnya meminta persetujuan dari Dira terlebih dahulu.

“Aku tak nak!!.” Jerit Dira sambil berlari, cuba untuk menghalang Adrian dari pergi.

“Aku tak nak!!.” Tegas Dira sekali lagi sambil menggeleng-gelengkan kepalanya berulang kali. Gadis itu menangis di hadapan Adrian.

“Kau bakal suami Dara dan kau hanya akan berkahwin dengan Dara.”

“Kau ingat aku kesah ke?.” Dengus Adrian membuatkan Dira berhenti menangis di hadapannya.

Kedua-dua anak mata Dira menatap wajah kakak Adrian. Agak lama dia merenung ke arah lelaki itu. Inikah sikap lelaki sejati yang dicintai oleh kakak kembarnya itu?. Lelaki dengan renungan matanya yang tajam dan bersikap dingin seperti ini?. Mungkinkah?.

Adrian menggenggam lengan Dira sambil membisikkan sesuatu yang membuatkan hati Dira luruh. Tidak berdaya dengan segala kata yang baru saja terhembus di telinganya. Lelaki itu seolah-olah membuatkan dirinya kehilangan pilihan, menyisakan dirinya dengan sesuatu yang amat menyakitkan. Malah ucapan itu benar-benar mengalahkan Dira.

Dira membatukan dirinya di hadapan cermin. Wajahnya tampak lesu, tidak menunjukkan sebarang reaksi sama sekali. Hanya titisan air mata yang menempel di wajahnya yang telah siap ditata rias. Hasil karya dari tangan seorang wanita yang telah dibayar oleh Adrian untuk mendandaninya bagi majlis pernikahan mereka berdua hari ini.

Akhirnya, tanpa pernah menduga, Dira kini sudah rasmi menjadi isteri seseorang. Meskipun ia bukanlah lelaki yang Dira harapkan dari dulu setidaknya-tidaknnya dia telah menjadi isteri kepada seorang lelaki yang begitu diharapkan oleh saudara kembarnya, Dara. Bila teringat tentang saudara kembarnya itu, tak ada yang boleh dilakukan oleh Dira saat ini selain dari mengutuk dirinya sendiri. Dia merasakan bahawa dia telah mengkhianati Dara dengan menjadi isteri Adrian dalam keadaan Dara masih lagi koma.

Dalam hati, tentu Dira menangis. Lelah yang terpaksa ditanggungnya selama dua hari ini terasa kian berat saat dia harus merelakan dirinya terjerat di bawah bumbung yang sama dengan Adrian. Entah sampai bila, dia sendiri tidak tahu. Membayangkan wajah lelaki beku itu saja sudah cukup untuk membuatkan Dira ketakutan apatah lagi jika harus tinggal bersama dengannya?. Rasanya masa depan suram sedang menanti Dira di depan pintu gerbang.

Dira menoleh saat pintu kamarnya itu terbuka. Adrian datang dan menutup daun pintu itu kembali. Lelaki itu berjalan, cuba untuk menghampiri Dira yang sedang berada tidak jauh darinya.

"Mama dan papa dah pergi. Aku dah suruh driver aku hantar nenek dan atuk kau balik ke kampung." Ujar Adrian sambil menatap wajah Dira di cermin solek.

"Mulai hari ini, kau akan tidur dalam bilik ni dan aku akan tidur di bilik sebelah. Kalau ada apa-apa..." Adrian membalikkan tubuhnya yang hendak membuka daun pintu kembali, dia menoleh sedikit ke arah Dira.

"Jangan tanya aku."

Blam!!!

Dira tersentak seketika saat pintu kamarnya itu dihempas dengan kuat. Apa yang difikirkan oleh lelaki itu sepertinya akan terus berada di luar jangkauan Dira. Bertanya padanya?. Huh!. Dira jamin kalau dirinya tidak akan pernah berani untuk melakukan hal itu.

Sinar matahari sudah mulai masuk memenuhi ruang jendela kamar, menembusi tirai putih yang bergantung. Merasa sedikit silau, lelaki itu menggerakkan tubuhnya dengan malas di

atas katil. Bergolek ke sana ke sini, membalikkan lagi badannya bagi mencari posisi yang lebih nyaman untuk menyambung tidur.

Mata Adrian sedikit terbuka selepas melihat ke arah jam kecil yang berada di atas meja. Ia sudah menunjukkan hampir pukul 10.00 pagi. Ini sudah kesiangan jika mahu disebut bangun awal pagi dan rasa malasnya itu telah menyebabkan dirinya hanya mampu berbaring di atas katil seperti orang yang tidak mempunyai semangat untuk hidup.

Lelaki itu duduk sambil menyandarkan bahunya di kepala katil dan menyentuh dadanya yang sedikit berdebar. Hari ini dia cuti. Tepatnya, ayahnya telah menyuruhnya agar bercuti sempena hari perkahwinannya bersama Dira. Pernikahan dan cuti yang sangat tidak ia harapkan ternyata akan terjadi.

TUK!! TUK!! TUK!!

Bunyi pintu yang diketuk dari arah luar telah menyebabkan Adrian terpaksa menolehkan kepalanya sedikit. Bibirnya tidak mahu menjawab apatah lagi berniat untuk membuka daun pintu itu sehinggalah bunyi itu kedengaran lagi untuk kali yang kedua.

TUK!! TUK!! TUK!!.

Reaksi lelaki itu masih tetap sama. Masih selesa berdiam diri di atas katil dengan kerutan dahi yang menandakan bahawa dia mulai merasa terganggu dengan suara ketukan di pintu kamarnya itu.

TUK!!! TUKKKK!!! TUKKKK!!!.

Baiklah, kali ini Adrian mengalah bukan kerana dia baik hati tetapi tidak lain tidak bukan adalah kerana dia geram dengan bunyi pintu itu, membuatkan hatinya telah mempersiapkan kata-kata yang tepat untuk digunakan bagi menyembur si pengetuk pintu yang sememangnya kurang ajar dan tidak reti bahasa!. Lelaki itu telah bersedia untuk turun dan mahu membukakan daun pintu kamarnya.

Clek!.

Pintu kamar telah terbuka dan sepertinya Adrian harus menelan kembali setiap patah perkataan yang tadinya hendak dihamburkan kepada si pengetuk pintu setelah dia mendapati tiada sesiapa pun yang berdiri di depan pintu kamarnya. Tidak ada orang di sana. Itu tandanya, tidak ada orang yang harus dia marahi saat ini. Dia akan terlihat seperti orang gila jika marah-marah sendirian!.

Sebelum kembali masuk ke dalam kamar, ada sesuatu yang tidak lazim ditangkap oleh kedua-dua anak mata Adrian.

Di atas meja makan, terdapat beberapa hidangan makanan yang mungkin akan mengundang selera bagi sesiapa pun yang melihatnya pagi ini. Memancing rasa penasaran lelaki itu untuk datang mendekat ke arah dapur dan melihat makanan yang sudah siap terhidang rapi di atas meja makannya.

Wap panas dari ikan goreng dan sambal udang di atas piring pun sudah cukup untuk membuktikan bahawa makanan ini baru saja disajikan. Membuatkan Adrian boleh meneka secara langsung siapa dalang di balik semua makanan yang menggoda selernya itu.

Tanpa harus membuang waktu lagi, Adrian terus melangkah keluar dari dapur, mahu menuju ke sebuah kamar yang berada bersebelahan dengan kamar tidurnya. Mengetuk pintu itu dengan rasa yang tidak sabar sehingga akhirnya si penghuni kamar tersebut pun keluar.

"Ada apa?." Tanya Dira sambil anak matanya memandang ke arah Adrian dengan riak wajah yang selamba.

"Kau yang masak semua makanan tu kan?."

Dira melirik ke arah meja makan, melihat ke arah yang sedang ditunjukkan oleh jari telunjuk Adrian.

"Ya."

"Ini adalah kali pertama dan terakhir kau buat semua benda tu. Aku harap kau takkan mengulanginya lagi!!." Ujar Adrian dengan nadanya yang tegas, memandang dingin ke arah Dira.

“Kenapa pulak?. Nenek aku selalu sediakan makanan untuk atuk aku kat kampung.” Tanya Dira yang mula berasa hairan dengan sikap Adrian yang mahu melarangnya dari melakukan sesuatu yang menurutnya wajar untuk dilakukan.

”Nenek?.” Dengus Adrian sambil tersenyum senget. Dia kemudian menyilangkan kedua-dua tangannya di dada sambil tertawa kecil saat melihat Dira.

”Kau ingat yang kita ni betul-betul pasangan macam suami isteri yang kat luar tu ke?.”

”Malangnya memang macam itulah kan?.” Sahut Dira dengan riak wajah yang polos.

Entah kenapa, Adrian tiba-tiba terasa aneh. Baru kali ini seorang gadis yang baru dikenalnya beberapa hari yang lalu, menumpang di kondominium miliknya dan mengatakan bahawa dirinya itu adalah sesuatu yang malang.

Apakah gadis itu kurang vitamin?.

Malas mahu berdebat dengan gadis desa ini, Adrian memilih untuk mengatur langkahnya kembali. Dia tidak ingin diserang penyakit gila di pagi hari yang pasti akan membuatkan dia beremosi sepanjang hari.

No!. Dia hanya ingin bersantai-santai hari ini. Tanpa sebarang kekecohan atau pergaduhan dan kalau boleh, tanpa makhluk perosak ini.

“Kau hanya boleh berada di dalam bilik ini sahaja. Jangan pernah kau cuba-cuba lakukan sesuatu tanpa arahan aku!. Kalau aku tak panggil kau keluar, kau jangan cuba-cuba nak keluar dari bilik ni!. Faham??!.” Tegas Adrian sebelum membalikkan tubuhnya itu.

“Kau ugut aku?.”

Niat Adrian yang tadinya ingin melangkah masuk ke dalam kamarnya terus terhenti gara-gara suara seorang gadis yang baru didengarinya tadi. Kata-kata itu cukup menyakitkan hati Adrian sebagai seorang lelaki.

”Tak maksud aku, kalau kau tak suka dengan aku, tak payahlah suruh aku duduk sini, tinggal dengan kau!! lagipun ini semua bukan keinginan kau jugak kan?.” Protes Dira

membuatkan Adrian kembali terdiam. Lelaki itu kembali membalikkan badannya, agak lama juga Adrian berdiri di hadapan pintu bilik Dira tanpa sepatah kata. Sejenak, lelaki itu sempat menatap datar ke arah Dira, cuba menyembunyikan apa yang sedang dirasakannya saat ini.

”Bukan kerana aku kau ada di sini tapi kerana dia. Anggap sajalah ini adalah akibat yang harus kau tanggung disebabkan dia. Kau hanya perlu diam dan jalankan apa saja yang telah aku perintahkan!” Tegas Adrian yang tidak mahu arahannya dibantah. Lelaki itu lantas kembali ke arah Dira, cuba mendekati gadis itu. Menolak isterinya membuatkan langkah kaki Dira sedikit terundur ke belakang. Pantas saja daun pintu itu ditarik oleh Adrian dari arah luar sebelum sempat Dira mahu menyusun kalimat bagi membalas ucapannya tadi.

Sebenarnya dalam hati Dira ingin bertanya, apakah kesalahannya?. Dia mahu meminta penjelasan dari lelaki itu. Semua ini benar-benar membelit dirinya, membuatkan dirinya terus terpuruk di dalam bangunan ini tanpa boleh lari. Bukan dengan ancaman seperti yang dilakukan oleh Adrian tadi. Dia hanya mahukan penjelasan di balik semua ini dan sebaiknya, mungkin segala pertanyaan ini harus ditunda terlebih dahulu. Menyimpannya rapi di dalam lubuk hatinya yang paling dalam dan bila tiba masa yang sesuai nanti, dia akan bertanya kepada Adrian setelah lelaki itu terbuka sedikit ruang buat dirinya.

## Bab 4

Sejadah merah hati itu sudah terlipat rapi di atas lantai. Kini tiba pula giliran telekungnya yang berwarna putih yang dipakainya tadi untuk dilipat. Seperti biasa, hatinya pasti akan berasa sangat tenang setelah mencurahkan segala isi hatinya kepada Yang Maha Esa. Mengadukan segala kegundahan yang selama ini tersimpan.

Dira teringat akan kampung halamannya. Setelah selesai menunaikan Solat Mahgrib, Dira pasti akan bertemu dengan Ezra. Pemuda kampung yang selalu menantinya di bawah pohon mangga di depan masjid. Lelaki yang selalu menyambutnya dengan senyuman manis. Menyapanya setiap kali ada kesempatan.

Dira tidak hanya berdua dengannya. Masih ada Nuri, Indah dan Rafidah yang selalu bersamanya pergi ataupun pulang dari masjid. Ada juga Saiful yang selalu menemani Ezra setiap kali lelaki itu menunggu kedatangan Dira dan kawan-kawannya. Bersama mereka, Ezra dan Dira akan pulang ke rumah bersama. Saling bertukar cerita dan ia sesekali terlihat begitu jelas bahawa Ezra selalu memperhatikan Dira.

Gadis itu tersenyum. Kebiasaan yang pernah mereka lalui dulu kini mungkin hanya akan tinggal kenangan. Di sini, dia sudah tidak boleh mendapatkan hal yang sama seperti di kampung.

Kehangatan yang selalu dia dapatkan ketika malam hari kini telah diganti dengan dinginnya yang begitu pekat tanpa kerdipan bintang. Dira yakin, hembusan udara dingin yang masuk melalui aliran udara menandakan bahawa malam ini langit terasa kelabu kerana mendung. Sama seperti nasib dirinya saat ini. Ia kelam, gelap malam yang mendung.

Setelah menggantungkan kelengkapan solatnya di balik pintu, Dira berjalan menuju ke arah jendela kamarnya. Hembusan angin menerpa lembut, menyentuh kulit wajahnya yang begitu mulus saat dia membuka jendela tersebut. Mahu mencuba menghirup udara sejuk yang serta merta membawa ketenangan bagi hatinya yang dingin. Sedingin embun pagi yang buta.



Terbayang akan nasib cintanya yang bahkan belum mencapai tahap mula, dirinya sudah harus berhenti di sebuah jalan yang baginya buntu. Jalan yang secara tidak sedar telah ditarik oleh Dara untuknya, kerana Dara, dia kehilangan cintanya.

Gadis itu mendesah perlahan. Ini adalah kali pertama buat dirinya jatuh cinta dan ini juga adalah kali pertama buat dirinya patah hati. Bukan dari lelaki itu sebaliknya dari dirinya sendiri yang tergamak merosakkan perasaan sendiri dengan menerima aturan pernikahan ini.

Dulu, Dara sering berteriak kepadanya dengan mengatakan bahawa Ezra itu ternyata mencintai Dira. Namun dek kerana kebisuan Ezra tentang perasaan mereka telah membuatkan Dira ingin kembali berteriak dengan mengatakan bahawa dia sangat mencintai Ezra. Ya, walaupun saat ini ia sudah terlambat untuk dia mengungkapkan perasaan itu tetapi Dira selalu ingin berkata begitu. Demi hatinya. Hati yang selalu dia jaga untuk Ezra seorang.

Tapi, Dira tidak boleh melakukannya. Dia harus sedar diri bahawa statusnya kini bukan lagi anak dara. Dia telah menjadi isteri seseorang. Mana dia nak taruk mukanya ini saat dia harus meluahkan semua perasaannya terhadap lelaki itu?.

Dira meletakkan sejambak bunga mawar merah yang dia beli di depan bangunan hospital tadi. Bunga segar itu diletakkan ke dalam pasu yang berada di atas meja, bersebelahan dengan katil wad Dara. Dara masih lagi tertidur. Gadis itu terlihat sangat polos seolah-olah dia tidak pernah membawa beban apapun sebelum dia terlantar koma. Tidak ada yang perlu disalahkan. Dira tidak akan sesekali menyalahkan Dara di atas segala yang telah terjadi pada dirinya.

Tidak ada.

Bahkan dalam keadaan kakaknya yang seperti ini, Dira ingin memeluknya dan tidur di samping saudara kembarnya itu. Mungkin dengan begitu, Dira dapat bermimpi tentang Dara yang mungkin juga akan menceritakan tentang kejadian sebelum kemalangan itu berlaku. Setidak-tidaknya, gadis itu boleh menafikan segala tuduhan dan dakwaan Adrian terhadapnya yang mengatakan bahawa Dara itu adalah seorang pendusta!.

"Cepatlah bangun. Dira yakin akak tak bersalah." Dira menundukkan tubuhnya lalu memeluk Dara dengan erat. Jauh di sudut hatinya, dia benar-benar ingin saudara kembarnya itu kembali sadar dan mengatakan hal yang sebenarnya terjadi. Tentang dirinya.

"Katakan pada mereka kalau sebenarnya akak tak bersalah." Setitis air mata Dira mengalir keluar saat dia melepaskan pelukannya itu dan menatap wajah Dara. Agak lama dia menatap wajah saudara kembarnya itu.

"Saat akak dah sadar nanti, Dira nak akak jadi saksi cinta Dira terhadap Ezra. Dira nak akak tengok Dira hidup bahagia bersama lelaki yang Dira cintai." Dira mengetap bibir bawahnya. Dia bahkan sendiri tidak yakin namun dia tetap ingin mengatakannya juga walaupun dia tahu itu semua hanyalah sekadar secebis harapan saja.

"Bangun kak dan Dira akan kembalikan semula lelaki tu pada akak."

Dira membuka daun pintu kamarnya tepat di saat Adrian juga mahu keluar dari kamarnya.

"Kau dari mana?."

Dira yang mendengarkan pertanyaan yang diajukan oleh suaminya itu tadi hanya membalas dengan riak wajah yang selamba.

"Aku baru balik dari hospital, jenguk Dara."

"Kau pergi jenguk pompuan jalang tu?." Bidas Adrian tanpa ada sedikit pun perasaan bersalah membuatkan Dira hampir rebah seolah-olah tidak percaya perkataan itu boleh terpancul keluar dari bibir lelaki yang sangat dicintai oleh Dara. Rasa sedih selepas melihat keadaan Dara di hospital masih lagi belum reda, kini dia terpaksa pula menelan kesedihan itu di saat dia harus mendengar ucapan kasar yang keluar dari bibir Adrian.

"Jalang?. Berani-beraninya kau hina kakak aku!! Jangan kau berani cakap macam tu lagi!!." Pekik Dira membuatkan Adrian tersenyum sinis.

"Ohh ya, aku lupa." Lantas Adrian melipat kedua-dua tangannya di dada, memeluk tubuhnya sendiri.

"Mestilah kau bela pompuan jalang tu! disebabkan pengkhianatan dialah, kau boleh jadi isteri aku sekarang. Isteri kepada seorang lelaki yang kaya raya, yang punya harta melimpah ruah sampai ketujuh keturunan pun tak akan habis makan! kan?!." Bidasnya lagi membuatkan Dira tergamam seketika, kelu lidahnya ini untuk berkata-kata.

Gadis itu hanya mampu terdiam di tempatnya. Terpuruk lesu dengan ucapan biadab yang keluar dari mulut Adrian. Kenapa malangnya nasib Dira?. Terpaksa menjadi isteri kepada seorang lelaki yang tidak berperasaan seperti Adrian.

"Tapi sayang....aku tak sebodoh itu kerana aku akan pastikan yang kau tidak akan dapat menikmati walau satu sen pun dari harta aku!. Kau dengar?." Herdik Adrian sebelum pergi meninggalkan Dira yang masih tercegat di depan pintunya. Agak lama juga Dira mendingamkan diri, membiarkan waktu itu menyedarkan dirinya.

"Tuuuu....tunggu!!." Dira yang telah tersedar selepas beberapa detik pantas berlari anak untuk mendapatkan Adrian yang masih belum jauh darinya. Gadis itu cuba menghalang Adrian dari berlalu pergi. Dia merentangkan kedua-dua tangannya, menghalang langkah Adrian dari mara ke depan.

"Apa maksud kau?. Kau ingat aku hadap sangat ke dengan harta mak bapak kau yang kau bangga-banggakan sangat tu?. Atau kau ingat aku hadap sangatlah dengan wajah hensem kau yang kononnya ramai pompuan-pompuan tergila-gilakan tu??. Macam tu?."

"Yelah, kenapa?. Apa yang aku cakapkan tadi salah ke?." Adrian mula menaikkan sebelah keningnya, menatap wajah Dira dengan renungan mata yang tajam.

Dira menjuihkan bibirnya, mahu muntah rasanya saat melihat sikap Adrian yang terlihat begitu santai seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku padahal dia telah merendahkan harga diri Dira dan meletakkan posisinya di tempat yang paling hina!.

"Memanglah salah!." Dira memperbaiki posisinya. Berdiri tegak di hadapan Adrian dengan gaya yang sama seperti tadi. Melipat kedua-dua tangannya di atas dada meskipun ini bukanlah gaya dirinya. Dia bukannya tipikal gadis yang sombong dan berlagak seperti Adrian namun di saat berhadapan dengan lelaki itu, Dira harus menjadi seperti itu.

"Kau ni memang jenis manusia yang tak pernah dapat kasih sayang eh?" Tanya Dira yang kemudiannya membuatkan dahi Adrian berkerut.

"Maksud kau?"

"Tak! tak!" Gadis itu mula menggeleng-gelengkan kepalanya sebagai tanda dia harus mengubah kembali pertanyaan yang dia ajukan tadi.

"Maksud aku, sebelum ni kau betul-betul cintakan Dara?"

Pertanyaan itu semakin membuatkan Adrian terpaksa memejamkan kedua-dua anak matanya untuk seketika sebelum kembali dibuka. Bibirnya terkatup rapat seolah-olah dia enggan menjawab pertanyaan yang diajukan oleh gadis yang kini sedang berdiri di hadapannya.

"Aku tak pernah tertarik dengan kau!. Betul aku cakap ni, aku tak tipu sebab dah ada lelaki lain yang bertakhta di hati aku."

"Lelaki?. Pemuda kampung?" Teka Adrian dengan nada suaranya yang kedengaran sinis.

"Tak kisahlah tapi apa yang penting, dia adalah seorang lelaki yang sopan dan baik hati. Itu yang membuatkan aku jatuh cinta pada dia." Sambung Dira lagi, cuba untuk membela perasaannya terhadap pemuda kampung yang Adrian katakan tadi.

Mendengar hal itu, Adrian terus tertawa terbahak-bahak.

"Lelaki macam tu pun kau nak banggakan?. Kenapa?. Dia lagi kaya dari aku?"

"Sekurang-kurangnya dia tak sombong macam kau!" Balas Dira berjaya membuatkan Adrian kembali terdiam. Wajahnya berubah menjadi mendatar, sedatar jalan yang baru saja disapu minyak tar.

"Jawab soalan aku. Sebelum ni, kau betul-betul cintakan Dara?. Kau betul-betul sayangkan dia?. Sayangkan dia dengan setulus hati kau?" Tanya Dira, mengulang pertanyaan yang sama.

"Kalau bagi kau?"

"Bagi aku tak!"

Adrian sekali lagi mengerutkan dahinya selepas mendengar jawapan balas yang diutarakan oleh Dira tadi.

"Sebab kalau kau betul-betul cintakan dia, sayangkan dia, kau akan tunggu dia sampai dia tersedar dari koma dan kau akan tanya pada dia tentang semua ni. Bukannya kau mintak aku untuk menanggung kesalahan yang mungkin tidak pernah dilakukan oleh Dara!." Jelas Dira dengan nada suaranya yang kedengaran begitu lantang.

"Tapi kalau dia betul-betul lakukan benda tu macam mana?"

"Kalau tak?"

"Aku tanya kau ni, kalau dia betul-betul lakukan benda tu macam mana?" Tegas Adrian, menekan setiap patah kata yang keluar dari bibirnya. Dia ingin mendengar sebuah jawapan dan bukannya pertanyaan yang dibalas dengan pertanyaan. Itu bukanlah tipikal Adrian!

Dira tidak mampu untuk menjawab soalan itu. Seandainya bagaimana jika ternyata Dara benar-benar melakukan hal itu?. Dia kenal Dara tetapi kehidupan di kota sangat jauh berbeza dengan apa yang ada di kampung. Dira tidak berani jamin apa yang telah dilakukan oleh Dara sepanjang dia berada di bandar ini.

"Tapi....tapi aku percaya pada Dara." Gumam Dira setelah mendengar suara hatinya yang paling dalam.

"Dia mencintai kau dan dia pasti tak akan lakukan hal-hal macam tu pada kau."

"Kalau macam tu, kau simpan jelah rasa kepercayaan kau tu. Suatu saat nanti, aku pasti akan mentertawakan rasa kepercayaan kau terhadap dia!. Aku akan membawanya di depan mata kau dan membuatkan kau tidak akan pernah yakin lagi dengan perasaan kau yang sangat naif tu!" Balas Adrian yang kemudian tertawa. Tawa yang terdengar tidak bahagia, tawa yang berbaur kemarahan. Entah bagaimanalah caranya untuk Dira menghuraikan nada ketawa itu namun apa yang jelas, saat ini Adrian tertawa seolah-olah sedang mentertawakan kebodohan Dira yang begitu percayakan Dara.

Dira malas nak bergaduh dengan Adrian. Dia sudah nekad memutuskan untuk berpaling. Tunggu dan lihat, Dira percaya suatu saat nanti Adrian akan menyesali akan setiap perbuatan dan ucapannya terhadap Dara. Dira jamin akan hal itu. Lelaki yang suka menuduh sesuka hatinya itu akan Dira takluk untuk mendengar segala penjelasan dari Dara saat kakak kembarnya itu tersedar nanti.

Ya, setidaknya-tidaknya lelaki itu akan menanggung sedikit rasa malu kerana sudah berani meremehkan perasaan seorang wanita.

“Nak pergi mana tu?” Tanya Adrian yang tiba-tiba saja melihat kelibat Dira di ruang dapur. Bukannya terkejut malah Dira memandangnya dengan riak wajah yang selamba.

“Nak makan, aku lapar.” Keluh gadis itu sambil meneruskan hayunan kakinya untuk melangkah ke arah peti ais, mahu mencari sesuatu yang boleh dia gigit dan telan namun sebelum niatnya itu berjaya direalisasikan, Adrian terlebih dahulu datang menahan tangannya.

“Ehh tunggu!. Ini rumah aku!. Kondo aku!. Kau tak boleh nak sesuka hati buat macam tu!.” Tegah Adrian dengan riak wajahnya yang kelihatan tegang, tidak suka dengan sikap Dira seolah-olah gadis itu tidak menghormati dirinya sebagai tuan rumah.

Namun Dira seolah-olah tidak mempedulikan larangan dari suaminya itu bahkan dia menepis tangan Adrian dengan lagak selamba. Tidak peduli akan memek muka yang ditonjolkan oleh lelaki itu saat ini.

”Ahhh kesah pulak!. Peduli apa aku!. Aku ni kan pompuan kampung yang tak ada adab dan etika!.” Bidas Dira sambil tersenyum.

Untuk sejenak, jantung Adrian rasanya telah terhenti dari berdegup. Kalimah itu....sepertinya dia pernah mendengarnya sebelum ini. Ahhh lebih tepat kalau sebenarnya dia pernah menuturkan ayat sebegitu sebelum ini tetapi bukan pada Dira, pada seseorang yang memiliki wajah yang persis dengan Dira.

Dan untuk beberapa detik berikutnya, apa yang Adrian rasakan terlihat seperti nyata. Adrian bertanya pada dirinya, senyuman itu...siapa yang sebenarnya berdiri di hadapannya saat ini? Dira atau Dara?!!.

## Bab 5

Adrian menghela nafas beratnya lagi kali ini. Dalam hitungan jam, entah sudah berapa puluh kali lelaki itu menghela nafasnya sampaikan setiausahanya menegur kalau meja pejabatnya itu boleh roboh jika Adrian terus bersikap sebegini.

Dokumen-dokumen di atas mejanya ternyata tidak mampu untuk mengalihkan fikiran Adrian saat ini. Kegundahannya itu seolah-olah membuatkan seluruh sendinya menjadi kaku dan tidak bergerak. Matanya hanya sibuk melihat kertas-kertas itu tanpa mahu menyentuhnya. Bukan niatnya tapi fikirannya saja yang tidak mahu berkerjasama.

Batinnya mengutuk. Siapa lagi yang mampu membuatnya seperti ini kalau bukan Dira?

Dira.....atau Dara?

Adrian membetul-betulkan rambutnya dengan riak wajah yang gusar.

"Hummm dah mula dah!" Keluhnya membayangkan satu-satunya alasan yang membuatkan dirinya hampir menjadi gila.

Dira.....atau Dara?

Malam itu, sejak perdebatan kecil yang berlaku di antara dia dan Dira terjadi, Adrian sudah mula hilang fokusnya. Di depannya ada seorang gadis berpakaian sederhana, yang begitu teguh sekali mengatakan bahawa dirinya adalah Dira tetapi di mata Adrian, ia seolah-olah ingin memberitahu kepada fikirannya bahawa gadis itu sebenarnya adalah Dara. Mungkin saja, wanita itu telah mengubah penampilannya dengan memakai T-shirt berseluar panjang, bergaya seperti orang kampung hanya untuk mengenakannya.

Sejenak, kepala Adrian tiba-tiba menjadi sakit pada malam itu dan dia telah memutuskan untuk kembali tidur di kamarnya. Dia fikir, dengan begitu dia boleh terbebas dari fikiran antara Dira atau Dara. Namun ternyata, seksaan itu bahkan menunggunya sehingga menjelang pagi bahkan saat Dira menyediakan sarapan di atas meja pun, Adrian masih beranggapan kalau itu adalah Dara. Bahkan, dia juga sudah menanyakan hal itu kepada Dira lebih dari sepuluh kali.

Dia malu....terlihat seperti orang kurang siuman, dia akhirnya mengambil keputusan untuk meninggalkan Dira begitu saja.

Biasanya dia tidak pernah ambil peduli namun bila berhubung dengan perkara itu, dia bahkan memilih untuk meninggalkan Dira. Entah kenapa, perasaan yang sedang dialaminya kini seolah-olah tersangkut.

"Aku kenal dengan seorang pakar psikologi dan itupun kalau kau perlukan bantuan."

Suara seseorang yang datang dari hadapannya telah berjaya membuatkan Adrian tersentak dari lamunan panjangnya. Amar ternyata sudah duduk di hadapannya dengan wajah sedih yang sengaja dibuat-buat.

"Hotak kau!." Maki Adrian yang tentu saja tahu kalau itu semua hanyalah gurauan bodoh dari Amar untuk mengejeknya.

"Kau ingat aku gila ke?." Sambungnya lagi dengan riak wajah yang kelihatan masam mencuka.

Amar tersenyum. Ringan tangannya, menunding ke arah rambut Adrian yang terlihat kusut masai. Secara tepatnya, Amar menunding ke arah tangan Adrian yang sedang meramas-ramas rambutnya sendiri sebagai tanda fikirannya sedang bercelaru.

Refleks, lelaki itu pantas menurunkan tangannya. Dia sendiri tidak sedar dengan apa yang telah dia lakukan tadi, semuanya berlaku secara spontan dan sekaligus memberikan tanggapan kepada Amar bahawa ada sesuatu yang mengganggu fikiran Adrian.

"Kenapa kau tak pergi jenguk dia?."

"Jenguk siapa?." Tanya Adrian. Kini soalan berbalas soalan. Adrian mula mencuba menyibukkan dirinya dengan dokumen-dokumen yang berada di atas meja.

"Siapa lagi?. Daralah!. Aku nak kau pastikan dulu kalau yang bersama dengan kau sekarang ini sama ada Dara ataupun pompuan kampung tu!." Sambung Amar membuatkan sebahagian anggota tubuh Adrian tiba-tiba terasa membeku namun dia tetap berusaha menutupinya dengan raut wajah yang bersahaja.



"Pandai-pandailah kau ni!" Rungut Adrian sambil melirik ke arah lelaki itu sejenak sebelum kembali pada aksinya yang berpura-pura sibuk.

"Lagipun untuk apa aku pergi jenguk pompuan tak guna tu?" Tambahnya lagi.

"Aku tahu kau cuba sembunyikan sesuatu dari aku dan buktinya kau terus respon dengan apa yang aku cakapkan tadi tanpa membantahnya terlebih dahulu! Sepatutnya kau beritahu dulu apa yang ada dalam fikiran kau tapi ini tak. Kau terus laju tanya aku untuk apa kau pergi jenguk Dara."

"Dah memang betul pun! untuk apa aku pergi tengok pompuan tak guna tu?"

"Yelah...tak perlulah kau cuba nak tegakkan benang yang basah Ad." Bidas Amar sambil ketawa terkekeh-kekeh.

"Reaksi kau tadi jelas menunjukkan kalau apa yang aku katakan tadi memang betul."

Sebaik saja mendengarkan kata-kata itu, Adrian terus menghentikan kerjanya. Matanya dihalakan ke arah Amar, menatap wajah sahabatnya itu dengan pandangan yang begitu kelam. Sejenak, dia terfikir....kenapa dia terus memberi respons terhadap kata-kata Amar tadi? Sahabatnya itu memang selalu tepat dalam soal meneka apa yang sedang berlegar di dalam fikirannya. Ini sudah ke berapa kali Adrian tertangkap basah memikirkan sesuatu. Dengan alasan yang sama, Amar selalu berjaya membuatnya mati kutu.

"Ahhh mengarutlah!!" Dengus Adrian.

Wajah polos itu tampak seperti tidak berdosa. Bagaikan seorang gadis yang baru saja lahir dengan raut wajah yang begitu sejuk mata memandang. Seolah-olah baru diturunkan dari salah sebuah syurga yang membuatnya terlihat begitu indah walaupun dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Sudah lima minit berlalu sejak Adrian menatap wajah Dara dalam diam. Wanita itu terbaring, tidak sedarkan diri setelah menyakiti Adrian dengan sesuatu hal yang begitu memeritkan. Menimbulkan rasa benci hanya dalam sekelip mata.

Dira beritahu kalau Adrian itu sebenarnya tidak pernah mencintai Dara. Andai saja Dira tahu, kerana cintanya Adrian yang terlalu besar terhadap Daralah yang telah membuatkan lelaki itu sudah tidak mampu untuk merasakan erti cinta yang sesungguhnya. Baginya, cinta itu cumalah sekadar permainan dan dia adalah wataknya dan Dara pula adalah orang yang telah menjerumuskan dia ke dalam jurang kesakitan. Bukan dia tidak sedih tetapi dia telah menyimpan kesemua kesedihan itu sendirian. Kemarahan itu akan meledak tepat di saat Dara tersedar dari lenanya yang panjang.

Baginya, dia tidak pernah percaya kepada sesiapa pun bahkan pada keterangan pihak polis yang pernah diberitahu oleh Amar kepadanya. Dia pasti akan bertanya langsung kepada Dara sebelum sempat Dira mengusulkan hal itu, Adrian terlebih dahulu telah memasang niat untuk bertanya secara semuka dengan Dara.

Namun seperti yang Adrian fikirkan sebelum ini, seandainya kalau benar Dara itu telah mengkhianatinya bagaimana?. Dia tidak ingin terlihat bodoh untuk kedua kalinya selepas kehilangan gadis itu. Pertama, dia telah kehilangan Dara dengan cara gadis itu bertemu dengan lelaki lain yang tidak pernah Adrian ketahui sebelum ini. Kedua, dia tidak ingin ketika sedar nanti, Dara akan terus menghilang untuk kedua kalinya pula. Walau bagaimanapun, Adrian adalah manusia. Tidak mungkin dia boleh mengawasi gadis itu 24 jam. Maka, satu-satunya jalan untuk mengikat Dara agar tidak lari darinya adalah dengan mengahwini Dira!.

Adrian tahu ini kejam. Dira tidak bersalah tetapi walau bagaimanapun dia tetap harus melakukannya. Hanya Dira saja yang boleh dia gunakan sebagai alat. Gadis polos itu pasti tidak akan berani untuk lari darinya setelah diberi sedikit ancaman seperti waktu itu. Jadi sekarang, Adrian tenang dengan Dira di sisinya.

Hatinya mencintai gadis yang sedang terbaring ini. Namun hatinya kacau dan ingin saja gadis ini segera lenyap dengan segala pengkhianatannya tetapi dia tidak mampu untuk melakukannya, dia tidak mahu Dara lari darinya. Dia tahu ini adalah kejam namun bukti dan saksi yang ditunjukkan oleh Amar ketika itu perlahan-lahan menjadi alasan yang kuat bagi Adrian untuk terus membenci Dara.

Kenapa dia harus menunggu Dara sedar dengan menyimpan Dira yang selalu membuatnya teringat akan gadis itu?.

Kenapa mereka berdua harus terlahir sebagai kembar?. Kenapa bayangan Dara seolah-olah melekat pada diri Dira?.

Adrian mencengkam besi katil wad Dara dan memejamkan kedua-dua anak matanya buat seketika. Rasa pening terus menyerang ke bahagian kepalanya, memikirkan Dira atau Dara..... dia tidak tahu.

"Dia bersamaku sekarang." Gumam Adrian seolah-olah Dara dapat mendengar apa yang dia katakan.

"Adik yang kau sayangi kini berada di dalam tanganku.... kau harus bangun dan menyelamatkan dia dari aku Dara."

Adrian kembali membuka anak matanya yang tertutup tadi. Namun Dara, masih sama seperti tadi dengan kedua-dua matanya terpejam rapat.

"Kau tahu apa akibatnya kan kalau aku dah bencikan seseorang?. Dan saat ini aku bencikan kau Dara!! Aku benci!!." Sambung Adrian dengan riak wajahnya yang kelihatan begitu tegang. Terlihat jelas akan kekecewaannya terhadap gadis itu.

"Aku harap kau akan segera bangun sebelum aku hancurkan hidup pompuan kampung tu!! Kau faham??!!."

Setelah meluahkan segala yang terbuku di hatinya, Adrian segera melangkah keluar meninggalkan wad ICU yang menempatkan Dara. Tidak peduli akan gadis yang diajaknya berbicara tadi masih lagi koma ataupun tak, terbaring seperti mayat yang bernyawa. Apa yang dia tahu, dia ingin gadis itu bangun. Tidak pasti atas alasan apa, untuk dirinya ataupun adik yang kini terikat dengan pernikahan tanpa cinta.

Suara alunan muzik itu berhasil membuatkan Adrian tersentak beberapa kali. Dia benci tempat yang bising. Baginya tidak ada hiburan yang menarik di bar mahupun di lantai dansa. Dia

pening. Fokusnya kini hanya ingin mencari seorang lelaki yang dari tadi lagi sibuk menghubunginya.

"Kau dah datang?." Seseorang menepuk bahu Adrian dari arah belakang. Bertanya dengan nada suara yang sedikit keras agar mudah didengari oleh Adrian.

Adrian menoleh dan mendapati lelaki yang menepuk bahunya tadi adalah Amar.

"Jomlah kita ke sana." Amar menunjukkan satu anak tangga dari sisi kanan kelab malam yang mereka kunjungi itu.

"Kat sini bising!." Sambung Amar lagi.

Amar mula berjalan menaiki anak tangga itu satu persatu dengan diikuti oleh Adrian dari arah belakangnya. Mereka berdua memasuki sebuah ruangan yang tertulis perkataan VIP di bahagian depan pintunya.

Orang pertama yang dilihat oleh Adrian saat melangkah masuk ke dalam ruangan itu adalah Daniel, Johnson, Mazlan, Syukri, Fariz, Nick dan dua orang gadis pelayan yang sedang menempel di sisi Nick.

Amar dan Adrian pun turut bergabung bersama mereka. Memesan beberapa minuman untuk mereka teguk malam ini.

"Humm mimpi apa korang berdua datang berkumpul kat sini?." Kata Adrian yang mula melabuhkan pinggulnya di sisi Syukri.

"Ada apa ni hah?. Ke korang semua sekarang ni tengah putus cinta?." Tanyanya membuatkan Daniel dan Nick tertawa bersama.

"Bukan kami tapi Mazlan." Tunjuk Nick pada seorang lelaki yang berbadan tegap sepertinya sedang merenung, menatap gelas kosong yang ada di tangannya.

"Pompuan yang dia tergila-gilakan tu dah jatuh cinta pada pemandu peribadi dia sendiri." Sambungnya lagi dan kali ini turut mengundang tawa Amar. Manusia yang lebih dekat dengan

Adrian ini sepertinya memang mempunyai satu hobi iaitu suka mentertawakan penderitaan orang lain.

"Kan saya dah cakap yang saya memang tak tertarik langsung dengan pompuan tu." Celah Fariz dengan gaya santainya.

"Tuan je yang selalu berlebihan."

"Kau tak pernah jatuh cinta ke?" Tanya Mazlan yang sebenarnya soalan itu ditujukan kepada Fariz. Namun disebabkan situasi dan keadaannya kini berbeza, Adrian pula yang terpaksa menelan liur saat melihat lelaki berbadan tegap itu menangis hanya kerana cintanya bertepuk sebelah tangan.

"Hell!!."

"Kau sendiri pun tahu kan yang sekarang ni umur aku dah 32 tahun dan Suhaila adalah satu-satunya wanita yang berjaya membuatkan aku jatuh cinta tapi dia malah memilih kau daripada aku!!."

Fariz hanya mengelakan nafasnya yang panjang. Malas untuk berdebat. Enggan untuk bergaduh. Maka akhirnya dia telah memilih untuk menambah minuman berwarna merah pekat itu ke dalam gelas minuman majikannya, Mazlan. Lebih baik rasanya jika Mazlan merenungnya seperti itu tadi daripada terus menangis nasib cintanya yang terlalu malang.

"Hei, Ad!."

Adrian menoleh ke arah Nick yang masih lagi ditemani oleh dua orang wanita seksi di sisi kiri dan kanannya. Dahinya berkerut saat melihat dua butang teratas baju kemeja lelaki itu sedikit terbuka sehingga membolehkan tangan dari salah seorang wanita nakal itu masuk, menyentuh kulit dada Nick dengan lagaknya yang begitu menjijikkan.

"Macam mana kau boleh terlepas sampai ke sini?. Bukan ke kau dah kahwin dengan pompuan yang...siapa namanya?. Aku ingat-ingat lupa!." Nick menjentikkan jarinya saat dia merasa lupa dengan nama isteri Adrian.

"Adira." Balas Adrian sambil meneguk minuman yang telah disediakan oleh pelayan bar tadi.

"Adira??. Eh bukan ke nama dia Adara?."

Adrian berdeham.

"Huhh dasar bodoh!."

Meskipun Nick berasa kurang senang dengan kata-kata kesat yang terkeluar dari mulut Adrian tadi, Nick lebih memilih untuk berdiam saja saat ini. Dia tidak boleh terlihat marah di depan dua orang wanita yang kini berada di sisinya. Dia tidak mahu reputasinya sebagai seorang lelaki budiman tercalar hanya kerana Adrian.

"Terpulanglah pada kau Ad tapi kedatangan kau ke sini jelas membuktikan yang kau sebenarnya sedang ada masalah dengan isteri kau kan?." Teka Nick yang mula berlagak pandai.

Isteri?. Huh!! Adrian menyumpah di dalam hati. Bahkan dia malas mahu mengakui kalau wanita yang sudah dinikahnya itu sebagai isteri.

"Macam mana kalau aku kenalkan kau dengan kawan aku?. Dia cantik dan juga seksi. Macam mana?. Kau nak tak?." Tawar Nick tiba-tiba.

"Tak payahlah."

"Kau kena tengok dulu orangnya Ad, baru kau boleh ambil keputusan!." Pujuk Nick membuatkan Amar berasa kurang senang.

"Tolong hentikan benda yang mengarut ni Nick!. Kau jangan pernah cuba-cuba nak tawarkan salah seorang pompuan simpanan kau pada Adrian!." Ujar Amar dengan renungan matanya yang tajam.

Selama ini, apa yang Amar tahu, Nick selalu gagal menawarkan wanita-wanita mainannya itu kepadanya, Syukri, Mazlan, Johnson dan juga Daniel dan sekarang, dia cuba nak tawarkan pada Adrian yang sudah pun beristeri?.

Dasar gila!!.

"Lahh dah tu kenapa?. Tak salah kan?." Nick mengangkatkan sedikit wajahnya, menagih jawapan daripada Amar.

"Lagipun aku yakin, selepas korang tengok Alia, korang mesti nak try dia!." Tambah Nick. Kata-katanya itu mengudang rasa tidak puas hati Daniel.

"Kata-kata kau tadi memang betul-betul menjijikkan Nick." Keluh Daniel sambil meneguk minuman yang ada di gelasnya.

"Korang akan tahu nanti!!." Kepala Nick dianggukkan berulang kali dan tidak lama kemudian lelaki itu mengalihkan pandangannya ke arah pintu ruangan mereka yang tiba-tiba saja terbuka.

"Hah itupun dia!!." Ujar Nick sambil tersengih membuatkan beberapa orang rakannya termasuk Adrian tertarik untuk melihat orang yang baru sahaja masuk ke dalam ruangan mereka.

Gadis berambut paras bahu dengan warna yang sedikit keperangan, dia tersenyum saat matanya itu menangkap sosok tubuh Adrian yang sedang duduk di antara Amar dan juga Daniel.

"Hai." Ujarnya namun sapaannya itu tidak mendapat sahutan dari sesiapa pun. Hanya Nick saja yang menahan ketawa saat melihat reaksi bodoh dari empat orang rakannya. Lupakan saja soal Mazlan yang masih lagi merana. Kini Adrian sudah mulai terpana dengan senyuman manis yang menampilkan deretan gigi putih bersih milik wanita itu.

## Bab 6

Sinar matahari mulai tampak menembusi ruang kamar Adrian. Kicauan burung mulai terdengar, mengganggu telinga lelaki itu dengan suara merdunya. Membuatnya ingin kembali terlelap sebelum akhirnya sinar terang matahari itu mulai memaksanya untuk membuka mata.

Dengan malas, Adrian bangun dari lenanya. Menyandarkan bahunya di hujung katil dan merenggangkan anggota tubuhnya. Matanya sibuk mencari sosok wanita yang dia bawa malam tadi ke rumahnya. Wanita yang berjaya membuatnya mabuk kepayang dengan menyentuh setiap inci kulit wanita itu. Ia terasa begitu lembut dan juga harum. Tubuh yang tidak pernah dia bayangkan sebelumnya kini mampu membuatnya tergila-gila. Ya, meskipun harus diakui bahawa ini adalah kali pertama buat dirinya melakukan hubungan semacam itu dengan seorang wanita namun dia berani jamin kalau ternyata rasanya begitu luar biasa dan kalau boleh, Adrian ingin menikmatinya sekali lagi pagi ini.

"Alia?!" Lelaki itu merenung ke arah pintu bilik air yang berada di dalam ruangan kamarnya. Ia terasa begitu dingin menandakan tidak ada orang di dalamnya.

"Alia!! You kat mana?" Adrian mula turun dari katilnya, memungut pakaian yang berselerakan di atas lantai dan melemparkannya ke dalam bakul pakaian kotor. Hanya boxer hijau sahaja yang berjaya dipakai olehnya sebelum keluar menuju ke arah balkoni kamarnya.

Suasana masih terasa sunyi. Muncul kemungkinan di dalam benak Adrian yang menduga Alia mungkin telah pergi dari pagi tadi. Entah untuk alasan apa tapi dia yakin kalau wanita itu telah keluar dari kondominium miliknya.

Adrian mendesah perlahan. Sedikit berat apabila mendapati wanita yang memberikannya sedikit kehangatan yang begitu luar biasa akhirnya pergi begitu saja, meninggalkan dirinya sendirian di pagi buta. Meninggalkan rasa yang ingin ditagih oleh Adrian saat mereka berdua bertemu nanti.

Ruang makan itu turut terasa sunyi. Tiada masakan ataupun suara bising seperti kelmarin. Kelmarin, percubaan Dira yang mahu menyediakan sarapan buat dirinya ternyata berakhir dengan omelan panjang dari Adrian buat gadis kampung itu.



Dalam hati, Adrian tersenyum puas. Merasa syukur kerana ternyata bebelannya yang begitu ampuh kelmarin telah berjaya memusnahkan niat Dira yang sebelumnya menggebu. Setidaknya, hari ini tiada sarapan yang akan berakhir di dalam tong sampah seperti kelmarin.

Langkah kaki lelaki itu terhenti betul-betul di hadapan pintu kodominium miliknya. Dua hari kehadiran Dira sepertinya mula menempel di ruang hatinya, sepertinya ada sesuatu....tetapi apa?.

Dia menoleh pula ke arah pintu kamar Dira yang tertutup. Sepertinya, di sana juga terlihat cukup sunyi. Tidak ada suara dari dalam ataupun sosok Dira yang mengintip seperti yang dilakukannya dua hari lepas.

Meskipun berat, Adrian akhirnya memilih untuk mengabaikannya begitu saja. Tidak peduli dan tidak mahu ambil tahu!. Setidak-tidaknya, dia boleh hidup dengan tenang tanpa ada gangguan dari gadis yang menurut Adrian hanya mempunyai otak sebesar telur burung puyuh.

Gadis yang tidak berguna!.

Musim sunyi sepertinya sedang melanda ruangan kondominium milik Adrian hari ini. Ya, anggap sajalah ia begitu, dengan melihat kesunyian yang terjadi saat ini sepertinya ia adalah suatu musim sunyi yang sedang menyelubungi kehidupan peribadi Adrian. Hanya kedengaran suara dari televisyen yang menampilkan segmen berita kurang menarik pada waktu pagi ketika cuti hujung minggu. Membosankan?. Tentulah!.

Adrian sekali lagi melirik ke arah pintu kamar Dira. Gadis kampung yang sudah satu minggu lebih tinggal bersamanya. Andai saja semua ini bukan kerana gadis itu, pasti saat ini Adrian boleh merentangkan sayapnya berkelana mengelilingi kota mencari hiburan dan kalau bukan kerana nasihat mama yang selalu mengatakan bahawa dirinya bukan lagi seorang lelaki bujang, pasti pagi-pagi lagi dia telah keluar merewang entah ke mana.

Cis!! Menganggap gadis kampung itu masih melekat di rumahnya sudah cukup untuk membuatkan kepala Adrian berdenyut tak keruan.

Direnungnya lagi kamar yang tersangat mendatar itu. Direnungnya dalam-dalam. Otaknya mula ligat berfikir, apa yang membuatkan gadis kampung itu sangat selesa tinggal di dalam biliknya selama empat hari?. Okeylah mungkin saja Dira akan keluar dari bilik tidurnya setelah mendapati Adrian tiada di rumah, pergi ke pejabat atau bertemu dengan kawan-kawannya tapi pompuan itu memang betul-betul tak sedar diri!. Tak ada adab langsung dengan tuan rumah!. Dahlah menumpang rumah orang, di rumah Adrian pulak tu. Setidak-tidaknya, walaupun wajah Dira itu agak memualkan sekurang-kurangnya dia harus muncul di hadapan Adrian walaupun hanya untuk beberapa saat. Anggap saja itu sebagai tanda kehadiran bagi Dira yang masih lagi berada di dalam genggamannya.

Bosan memikirkan Dira yang entah bila nak keluar dari kamar itu, Adrian lebih memilih untuk bangun dari tempat duduknya dan mengambil jaket kulit yang tersadai di bahu sofanya. Lebih baik dia keluar mencari keseronokan daripada menunggu Dira yang tak ubah macam hantu pontianak itu. Ada tapi macam tak ada!.

"Tak guna!." Marah Mazlan lalu memukul kepala Amar dengan gulungan kalendar kecil yang berada di tangannya. Wajahnya kelihatan merah menyala, menahan marah saat Amar mentertawakan dirinya. mengejek pukulan yang baru saja dia layangkan tadi.

"Kau sepatutnya kena sedar yang pompuan macam dia tu takkan tertarik dengan lelaki layu macam kau!." Ejek Amar sambil tertawa terbahak-bahak. Lelaki itu berusaha berlindung di balik tubuh Fariz yang sedang duduk di antara keduanya.

"Tak guna kau Amar!. Apa maksud kau?. Kau kata aku layu?." Marah Mazlan dengan riak wajahnya yang tampak begitu kesal. Lelaki itu sekali lagi cuba untuk memukul kepala Amar walaupun sebahagian besar dari pukulan tersebut mengena tubuh Fariz yang dianggap oleh Amar sebagai kubu.

"Kau mesti tahu apa maksudnya Lan. Dibandingkan dengan milik kau, milik Fariz nampak lebih gagah perkasa." Sahut Daniel yang mula masuk campur, menambahkan lagi kemurkaan Mazlan.

"Kau!."

Fariz menutup kedua-dua telinganya. Bos gilanya saat ini sedang mengamuk dan diam adalah suatu keputusan yang paling bijak buat masa ini.

“Korang cuba nak cakap pada aku yang sebenarnya Suhaila tertarik pada Fariz adalah disebabkan benda tu??.” Teriak Mazlan, suaranya terdengar begitu gusar.

“Suhaila pernah tengok secara tak sengaja.” Jawab Amar dengan santai.

“Tapi sekejap je.” Sambungnya lagi.

Daniel turut tertawa selepas mendengar kata-kata yang terbit dari bibir Amar. Ucapan yang membuatkan kedua-dua bola mata Mazlan tiba-tiba besar membulat.

“Apa??... apa maksud kau?”

“Dahlah tu tuan, saya mintak hentikanlah benda yang mengarut ni. Jangan bahaskan perkara ni lagi.” Pinta Fariz tiba-tiba, cuba untuk meleraikan. Riak wajahnya juga kelihatan merah menyala mungkin kerana sedang menahan malu. Masakan tidak, sekumpulan orang kaya itu telah membuli dan mempermalukannya di hadapan majikannya sendiri, Mazlan dan sebentar lagi lelaki itu pasti akan kembali merenungi nasibnya seperti kelmarin.

”Apa yang korang cuba nak sampaikan pada aku ni hah?? Fariz, cuba cakap dengan aku sekarang, apa sebenarnya yang dah berlaku di antara kau dengan Suhaila??.” Desak Mazlan dengan memek mukanya yang kelihatan begitu bersungguh-sungguh, menantikan sebuah jawapan daripada Fariz.

”Betul ke dengan apa yang aku dengar tadi hah?. Jadi apa yang dikatakan oleh dua orang gila ni pasal kau betul lah?. Suhaila pernah tengok kau....-”

”Itu hanyalah satu kemalangan tuan.” Jelas Fariz.

“Masa tu Suhaila sangkakan kalau saya ini adalah tuan. Jadi dia....-“

“Jadi betullah?? Suhaila....dia....”

“Ehhh apa hal yang kecoh-kecoh sangat ni?.” Celah Nick. Kehadiran Nick bersama seorang wanita di sisinya berjaya merosakkan suasana yang sedang berdrاما di kafe itu.

Adrian yang dari tadi hanya berlagak sebagai penonton bisu kembali mengalakan pandangannya ke arah wanita yang dibawa oleh Nick.

Bukan Alia, namun dia tetap berharap kalau wanita yang Nick bawa tadi itu adalah Alia.

“Jangan tanyakan apa yang dah terjadi bro kerana mungkin saja dia akan menangis kalau kau terus-menerus tanya dia soalan macam tu.” Balas Daniel sambil anak matanya itu melirik ke arah Mazlan yang sudah mulai menenggelamkan wajahnya di sandaran sofa.

Rasa gundah gulana pasti sudah kembali menari-nari di relung hatinya yang paling dalam.

Mengerti dengan keadaan itu membuatkan Nick memimpin tangan wanita yang dia bawa tadi untuk duduk bersama di sebelah Adrian.

“Hei Ad!.” Sapa Nick santai yang hanya dibalas dengan kedua-dua kening Adrian terangkat.

“Sejak bila pulak kau datang ikut berkumpul kat sini Ad?. Kenapa?. Cuti hujung minggu kau membosankan ke?”

Adrian hanya tersenyum seadanya. Meneguk segelas jus oren yang hanya tinggal separuh. Ingin saja dia memberikan jawapan ‘ya’ bagi menjawab pertanyaan yang diajukan oleh Nick tadi. Pagi minggunya ini teruk dan terpaksa membuatnya untuk turut ikut bergabung dengan sekumpulan temannya yang kebanyakannya masuk air termasuklah Amar.

”Aku rasa aku nak jumpa dengan si Black Women, Nick.” Celah Amar selamba yang terus dihadahi siku oleh Adrian.

”Maksud kau?. Alia?”

”Yelah, pompuan mana lagi yang ada kulit eksoktis macam dia tu?”

”Diamlah Amar!!.” Rungut Adrian, menahan geram.

”Kau kena ingat Ad yang kau tu dah ada isteri.” Celah Daniel yang turut mengundang tawa dari Nick.

“Alahhh kau releks je lagipun...hah itupun dia. Panjang pun umur!”

Adrian dan tiga orang lagi kawannya kecuali Mazlan turut mengalihkan pandangannya, mengikut arah pandang Nick yang tertuju pada pintu masuk kafe tersebut. Terlihat seorang wanita berkulit hitam manis menggunakan pakaian santai berwarna sedikit cerah dari tona kulitnya. Baru saja diperkatakan oleh mereka tadi, akhirnya wanita ini muncul di depan mata.

”Hai semua.” Sapa Alia sambil tersenyum ramah namun senyumannya itu hilang saat matanya bertembung mata dengan Adrian.

”Hai Ad.”

Merasa ada sesuatu yang sedikit aneh tentang Alia. Adrian hanya membalas senyuman sekadarnya bahkan saat wanita itu duduk di sebelahnya yang kosong, wanita itu hanya berbual-bual dengan kawan-kawannya yang lain tetapi tidak dengan dirinya seolah-olah Adrian tidak pernah wujud.

”Bagaimana hubungan kau dengan Adrian?. Adakah hanya untuk satu malam atau...”

“Hubungan apa?” Tanya Alia, menyelar ucapan Nick. Kedua-dua keningnya juga turut bertautan sejenak sebelum mengambil sepotong kentang goreng yang terhidang di hadapannya.

“Aku rasa kami berdua tak pernah ada apa-apa hubungan selain...kenal...-“

Saat ini Alia sudah melemparkan renungan kesal ke arah Adrian yang juga sedang menatapnya dengan penuh rasa hairan di dada. Hubungan di atas ranjang hanya dianggap sebagai hubungan perkenalan?. Apa masih jauh lagikah tindakan yang harus Adrian lakukan untuk mendapatkan status yang lebih dekat lagi dengan wanita itu?

Mungkin akan terdengar sangat cepat jika ini dikatakan cinta. Adrian lebih suka mengatakan kalau perasaan yang saat ini dia pendam terhadap Alia hanyalah sebatas rasa minat. Kata Nick, Alia memang cukup pakar dalam adengan panas layaknya seperti orang dewasa yang lain. Namun kenyataan yang dia dapatkan pada malam itulah yang membuatnya sedikit ragu pada

pendapat kawan-kawannya, mengenai Alia dan Adrian ingin menggali rasa penasaran itu lagi sampai ke dasarnya. Dia mahu menemukan sebuah jawapan yang akan memuaskan hasratnya.

“Betul ke?” Renungan Amar dialihkan ke arah Adrian yang hanya mampu terdiam.

“Aku ingatkan kau bawa pompuan ni balik malam tu.”

“Ya, dia membawa saya ke kondonya malam itu tapi...” Celah Alia dengan riak wajah yang malas.

“Pembantunya yang kekampungan tu dah halau saya dari sana malah dia tak izinkan saya untuk menghantar Adrian masuk ke dalam bilik tidur.” Sambung wanita itu sambil menjuihkan bibirnya.

“Huh menyampah!”

“Halau awak?” Tanya Adrian.

“Bukan ke awak yang tidur dengan saya malam tu?”

“Apa?” Alia ternganga kerana terkejut dengan soalan yang baru didengarinya tadi. Sejenak, dia menatap wajah Adrian dengan dahinya yang berkerut sebelum akhirnya tertawa.

“Apa yang awak cakapkan ni Ad?. Dah terang-terang kalau pembantu aneh awak tu halau saya tanpa sempat saya masuk ke dalam kondo awak dan sekarang, awak cakap yang awak bermimpi kalau kita berdua pernah tidur bersama?. Tolonglah sedar Adrian!”

”Tak! Tak!!” Riak wajah Adrian mulai tampak serius. Alia mula kehilangan tawanya selepas melihat Adrian yang seolah-olah sedang memikirkan sesuatu, berusaha mengingatinya kembali.

“Saya yakin kalau kita berdua dah pernah tidur bersama malam tu, Alia malah ada tompokan darah di atas cadar katil saya. Itu sudah cukup untuk menjadi bukti kalau kita berdua memang pernah tidur bersama!”

Perkataan Adrian membuatkan keadaan tiba-tiba menjadi suram. Baik Nick dan rakan-rakannya yang lain pun turut terdiam. Bahkan Mazlan juga rela menghentikan kekecewaannya terhadap Suhaila sejenak demi mahu melihat reaksi dari Alia saat ini.

Apakah yang Adrian maksudkan itu adalah darah keperawanannya Alia?.

Seolah-olah mengerti dengan maksud ucapan Adrian, wanita itu pun tersenyum hambar.

“Jangan menghina saya Ad.”

Amar menepuk-nepuk bahu Adrian yang masih lagi kelihatan kebingungan.

“Kau yakin ke yang kau dah buat benda tu?”

Kali ini Adrian tidak menjawab. Bodoh rasanya jika dia harus mengatakannya lagi. Sudah jelas bahawa dia memang melakukannya tetapi kalau bukan dengan Alia, perempuan yang dia bawa malam itu lalu dengan siapa?.

## Bab 7

Maggie dalam cup itu sudah cukup mengembang saat ini. Tanpa sedar, Dira sudah merendam maggie tersebut dalam air panas lebih dari tiga puluh minit. Jangka waktu yang ditentukan dalam penyediaan maggie hanyalah dalam beberapa minit saja, barulah ia enak untuk dinikmati. Dalam hati, Dira mula mengutuk sikapnya sendiri, selama beberapa hari segalanya tampak aneh. Dira hilang fokus dan apa yang dilakukannya dalam dua tiga hari ini semuanya serba tak kena, hanya merugikan dirinya sendiri.

Seperti sekarang, maggie yang dinanti-nantikannya pun sudah bengkak gara-gara dirinya yang tak henti-henti berkhayal.

Ini semua kerana lelaki itu. Lelaki yang sudah menghancurkan hidupnya hanya dalam waktu satu malam. Benci?. Tentu saja!. Siapa yang rela jika kesuciannya direnggut begitu saja apatah lagi orang itu adalah Adrian, lelaki ego yang tak guna!. Dira tidak rela. Sungguh tidak rela!. Walaupun hanya mampu menangis tetapi hatinya tidak henti-henti mengutuk Adrian yang harus bertanggungjawab dalam hal ini.

Kembali teringat pada malam saat Adrian pulang dalam keadaan mabuk. Bersamanya, ada seorang wanita yang Dira sangkakan adalah pembantunya. Adrian pulang dengan wanita yang memapah tubuhnya.

Tidak suka dengan cara wanita itu yang bertanya di mana bilik tidur Adrian ditambah pula wanita itu menyangka Dira adalah sebagai orang gaji, membuatkan rasa sakit hatinya itu semakin menjadi-jadi. Dira marah-marah malah turut mengusir wanita berkulit hitam manis itu dari kondominium milik Adrian. Tidak pedulilah jika wanita itu mahu menganggapnya sebagai pembantu rumah yang kurang ajar. Setidak-tidaknya, dirinya itu jauh lebih berharga jika hendak dibandingkan dengan wanita penggoda lelaki yang sudah beristeri. Ya, meskipun harga dirinya kini sudah dirampas oleh Adrian pada malam itu.

Niat baik Dira yang tadinya hanya mahu menghantarkan Adrian ke kamarnya ternyata mengundang padah. Entah apa yang merasuk Adrian sehingga lelaki itu tergamak berbuat kasar terhadap Dira. Lelaki itu merentap bajunya dengan kasar sehingga terkoyak lalu menodainya sedangkan dia tidak tahu apa-apa tentang permasalahan hatinya dengan Dara.



Ya...Dara!.

Adrian memperkosa Dira dengan menganggap kalau wanita itu adalah wanita yang sudah mengkhianatinya. Dia memaki dengan kata-kata kasar bahkan mencium Dira sampai kulitnya terasa pedih akibat dari gigitan Adrian. Hatinya sakit. Bukan dia yang melakukannya tetapi kenapa dia pula yang harus menanggung dosa-dosa ini?. Berteriak meminta tolong juga tiada gunanya pada malam itu. Mereka hanya tinggal berdua. Di dalam bilik dan tidak akan ada orang yang mendengar teriakan seorang Dira yang sedang meraung kesakitan.

Bila pagi menjelang, Dira terasa jijik dengan apa yang telah terjadi di antara dirinya dengan Adrian membuatkan Dira memutuskan untuk menghindari lelaki itu selama beberapa hari. Hatinya masih belum mampu bahkan mungkin tidak akan pernah mampu untuk menerima apa yang telah Adrian lakukan terhadap dirinya.

"Aghhh!!." Lamunan Dira tentang kejadian buruknya telah menyebabkan kuah panas dari maggie yang berada di dalam cup itu terkena jarinya. Dia sedar bahawa dia sudah mengelamun lagi dengan hanya mengacau maggie tersebut tanpa memakannya.

Entah kenapa, rasa laparnya terus menghilang begitu saja setiap kali dia teringat tentang kejadian pada malam itu. Memaksanya untuk kembali semula ke kondominium sebelum Adrian pulang. Mujurlah pagi tadi Adrian telah keluar. Kalau tidak, mungkin saja dia akan mati kebulur di dalam bilik jika Adrian tidak pergi dari rumah itu. Dia akan berusaha untuk menghindari lelaki jahat itu, menjaga jaraknya sedaya yang boleh.

Adrian keluar dari perut keretanya dalam keadaan fikirannya yang sedang bercelaru. Riak wajahnya tampak gusar. Jantungnya terus mengempam darah dengan laju. Rasanya sepertinya mahu mati kerana aliran darahnya yang sangat kencang itu begitu menyeksa. Langkah lebarnya dihayunkan saat ini demi menuju ke tingkat kondominium miliknya secepat yang mungkin.

Menolak daun pintu bilik Dira dengan kuat dan menarik wanita itu keluar dari sana. Melayangkan beberapa pertanyaan yang sebelum ini begitu mengganggu mindanya.

"Dira!!."

Bilik yang Adrian harapkan mampu melepasi amarahnya ternyata dalam keadaan kosong. Darahnya berderau saat dia tidak menemukan keberadaan Dira di sana, membuatnya mula berfikir yang bukan-bukan. Pantas saja dia berlari menuju ke arah almari pakaian dan membuka pintunya selebar-lebarnya.

Kosong!

Adrian panik saat mendapati tiada sehelai pun pakaian wanita itu di dalam almari. Emosinya meninggi saat otaknya mengirim signal bahaya yang mengatakan kemungkinan wanita itu sudah melarikan diri. Hatinya menyumpah sebelum dia kembali berlari keluar dari kondominium miliknya.

Dalam fikirannya saat ini, dia harus pergi ke tempat di mana Dara terbaring. Poin terbesar kemungkinan Dira berada di sana namun kalaulah perempuan kampung itu tidak ada di sana maka Dira harus bersedia kerana Adrian akan datang ke kampungnya dengan beberapa buah traktor besar untuk meratakan seluruh kampung itu demi mencari keberadaan Dira. Itu sumpah lelaki itu!

Di balik sikapnya yang begitu membuak-buak mahu menangkap Dira, hatinya tiba-tiba mencelah saat kakinya tiba di tempat letak kereta. Dia melihat sosok tubuh Dira yang berjalan mara ke arahnya- tepatnya ke arah kondominium dengan plastik putih di tangannya.

Dengan pantas, Adrian berlari dan menangkap pergelangan tangan Dira sampaikan wanita itu terkejut kerananya.

"Ap...Apa yang kau lakukan ni??."

Pertanyaan Dira yang masih lagi terkejut dengan sikap Adrian tadi tidak mendapat sebarang jawapan pun dari lelaki itu. Nampaknya Adrian benar-benar marahkan Dira. Diheretnya tangan wanita itu agar masuk ke dalam kondominium miliknya. Tidak peduli buruan mata jiran tetangga yang sedang memandangi ke arahnya. Mereka semua sudah cukup kenal dengan perangai Adrian. Apa yang ada di dalam kepala lelaki itu saat ini adalah Dira. Ada urusan yang harus dia selesaikan dengan perempuan kampung itu!

"Argghhh!" Dira terpekik saat Adrian dengan seenaknya menolak tubuhnya di atas sofa, sebaik saja mereka berdua melangkah masuk ke dalam kondominium itu.

Adrian membuka dua butang baju kemejanya di bahagian atas saat dia merasakan dadanya itu mulai sesak sepertinya baru saja kehabisan stok oksigen untuk dihirup. Baru kali ini dia dapat merasa lega. Setidak-tidaknya, Dira kini sudah ada di depan matanya. Menatapnya dengan sorot mata yang ketakutan.

"Apa?." Tanya Dira, cuba untuk menutupi rasa sakit di hatinya. Melihat wajah Adrian hanya akan membuatnya teringatkan perbuatan kejam lelaki itu terhadapnya. Ego dan tidak mempunyai perasaan!.

Adrian mengusap wajahnya yang tampak gusar.

"Kau pergi mana?."

"Aku pergi mana pun itu bukan urusan kau!." Dengus Dira sambil mengalakan pandangannya ke arah lain. Bukannya kesal atau marah sebaliknya Adrian memilih untuk lebih bersabar.

"Mana semua pakaian kau?. Kenapa almari kau kosong?."

Dira tidak menjawab. Dia masih lagi membatu, membisu seribu bahasa.

"Dira?."

"Aku ingatkan aku hanya akan sementara saja di sini..."

Adrian tersentak saat melihat Dira yang tiba-tiba saja menangis dengan wajahnya yang tertunduk ke bawah.

"Aku tak pernah terfikir kalau aku akan tinggal di sini untuk waktu yang lama..... aku nak keluar dari tempat ini secepatnya!. Aku nak pulang ke kampung!. Aku tak nak tinggal di sini dengan kau!!." Ujar Dira membuatkan Adrian tersenyum sinis.

"Sayangnya, kau tak boleh melakukan hal itu." Balas Adrian dengan perasaan gemuruh yang mulai melanda dadanya.

Apa yang sebenarnya diinginkan oleh Dira?. Sudah cukup bagus Adrian menahan emosinya sesaat tadi. Kini dia malah menyinggung perasaan Adrian dengan mengatakan bahwa dia tidak mahu tinggal di rumah ini bersama lelaki itu. Lelaki tinggi, tampan dan kaya.... wanita mana yang sanggup menolaknya?.

Ya....kecuali wanita yang satu ini. Dia bahkan menangis kerana harus tinggal dengan lelaki itu.

"Aku tak nak!!. Kau jahat!!. Ego!!. Pentingkan diri sendiri!!. Kejam dan kau adalah seorang perogol!!." Teriak Dira membuatkan Adrian membutangkan anak matanya. Mulutnya tergamam saat mendengar kalimat yang baru saja terbit dari bibir Adira Salsabila!.

"Kau cakap apa???. Tolong katakan lagi sekali!!." Mohon Adrian, cuba untuk mendapatkan kepastian yang lebih jelas dari wanita itu.

"Aku...aku apa?." Tanya Adrian sekali lagi sambil jari telunjuknya itu menunding ke arah dirinya sendiri.

Dira yang sedang menangis akhirnya kembali bangun dari tempat duduknya dan melangkah, cuba untuk mendekati Adrian. Dia berjalan dengan plastik putih masih berada di genggamannya.

"Aku cakap....kau jahat! ego!! pentingkan diri! kejam dan kau adalah seorang perogol!!." Teriak Dira lalu tangannya itu mula memukul Adrian dengan plastik putih yang penuh dengan barang yang dibelinya tadi. Membiarkan lelaki itu meraung kesakitan di saat kepalanya itu dilibas dengan barang-barang yang ada di dalam plastik tersebut.

"Tenang!!. Bawa bertenang!!." Adrian akhirnya meraih kedua-dua tangan Dira. Menahannya agar emosi wanita itu lebih terkawal.

"Apa?. Apa maksud kau tentang...." Adrian berbicara dengan hati-hati. Jiwa Dira saat ini hancur berantakan. Mungkin ini disebabkan dari kesan Adrian yang mengheretnya tadi membuatkan jiwanya berselerakan atau jatuh di mana-mana.

"..... tentang kejadian malam itu?."

Dira memilih untuk tidak menjawab. Hanya itu kejadian yang terjadi di antara mereka. Mereka hanya bersama dalam beberapa hari saja dan musibah itu sudah menimpa Dira, amat menyakitkan dan sikap diam perempuan itu akhirnya membuatkan Adrian tersedar akan satu hal. Dia duduk di atas sofa manakala Dira pula jatuh terduduk di atas lantai.

Dia benar-benar seorang perogol.

"Kau yakin dia orangnya?." Tanya Amar sambil tangannya mengambil sepucuk surat dari seorang lelaki yang berkaca mata. Membuka isi sampul surat tersebut dengan seribu pertanyaan di hati.

"Ya, saya sangat yakin. Maklumat yang saya perolehi mengatakan bahawa kalau mereka berdua dulu pernah belajar di satu universiti yang sama. Hanya berbeza jurusan saja. Walaupun tidak ramai yang tahu tentang hubungan mereka berdua tetapi saya sangat yakin kalau lelaki itu adalah orang yang tuan cari." Ujar lelaki yang dikenali sebagai Syamir itu membuatkan Amar mengangguk-anggukkan kepalanya berulang kali.

Dia kemudian memasukkan lembaran foto yang dia lihat tadi ke dalam sampul.

"Baiklah, kalau tak ada apa-apa lagi, aku minta diri dulu."

Amar menghulurkan tangannya, mahu bersalaman dengan lelaki itu.

"Terima kasih atas bantuan kau."

Amar kembali melepaskan jabat tangan itu dan menoleh ke arah sosok gadis berkacamata yang berdiri di samping Syamir, sedikit membelakangi lelaki itu dan Amar.

"Saya pergi dulu, Fatin." Sapanya yang kemudian mendapat sedikit respons dari perempuan itu.

Gadis yang dikenalnya sebagai Fatin itu menoleh, tersenyum dan terus menutup wajahnya dengan sebuah buku tebal yang dia pegang membuatkan Amar turut tersenyum sebelum akhirnya mereka berdua terpisah.

“Apa yang dia nak tahu?” Tanya Fatin, merapatkan dirinya dengan Syamir sebaik sahaja dia melihat Amar sudah menghilang. Jiwa stalker-nya ternyata masih aktif sehingga sekarang apatah lagi apabila ia berhubung kait dengan Amar yang sering membuat hatinya menjadi tak keruan.

“Kau nak tahu?” Soal Syamir dibalas dengan anggukan serius dari gadis itu.

“Kau nak bayar aku berapa?”

Kedua-dua anak mata Fatin membutang. Bucu buku yang dipegangnya sudah cukup untuk menyakiti lengan Syamir dan dia bersedia untuk melukakan lelaki itu jika Syamir mahu main-main dengan dirinya lagi.

“Baiklah! baiklah!. Aku akan cakap tapi sebelum tu aku nak kau mintak maaf dengan aku dulu.” Tuntut Syamir dengan nada suaranya yang separuh merajuk.

“Baiklah, maafkan aku.” Balas Fatin ringkas.

“Sekarang cepat cakap.” Sambung Fatin lagi.

Syamir mengelakan nafasnya sebelum kembali menyambung bicara. Lengannya masih lagi terasa berdenyut dan gadis ini dengan mudahnya bertanya dengan nada suara yang memerintah. Lupakan saja soal ucapan maaf yang tidak dianggap itu, ucapan maaf itu bukannya lahir dari hati yang tulus.

”Dia hanya nak tahu pasal seseorang yang telah menyebabkan perkahwinan Adrian dan tunangnya hancur.”

”Adrian?. Bukan ke dia kawan si pendek tu?” Tanya Fatin penasaran dengan menyebut perkataan pendek, dituju khas untuk Amar.

”Aku dengar, perkahwinan dia berjalan dengan lancar.”

Pantas Syamir menggeleng kerana kesal dengan sikap pekerjanya ini. Selalu saja mengambil mudah tentang sesuatu perkara.

"Sebab itulah aku nak kau rapat dengan Amar. Dia tu dah termasuk sebagai salah seorang pelanggan kita tapi kau selalu je ambil mudah, boleh pulak tak tahu menahu pasal masalah ni." Omel Syamir membuatkan kedua-dua kening milik Fatin terangkat.

"Dah tu apa kaitannya pulak aku kena rapat dengan si pendek tu?"

"Lagipun sejak bila pulak kau anggap dia sebagai pelanggan kau?. Bukan ke sebelum ni kau selalu tolong dia atas dasar kawan?" Rungut Fatin sambil menjuihkan bibirnya.

Mendengar hal itu, tidak semena-mena kepala Syamir terasa sakit. Bukan Fatin namanya kalau tidak membalas semua ucapannya itu dengan cepat dan tanpa berfikir.

"Baiklah, nampak gayanya aku memang kena ceritakan hal ini pada kau. Pertama, soal perkahwinan Adrian, memang ia berjalan lancar sesuai dengan rancangan lelaki itu. Kedua, kenyataan yang harus kau sembunyikan dari pengetahuan sesiapa adalah kenapa Amar datang ke tempat kita dan meminta aku untuk menyelidiki kes ini dan yang terakhir ini adalah akar dari permasalahannya. Gadis yang seharusnya berkahwin dengan Adrian mengalami kemalangan dan sekarang koma di hospital, dua hari sebelum perkahwinan mereka berlangsung." Jelas Syamir dengan panjang lebar, hanya dalam satu helaan nafas.

"Apa?" Fatin terkejut saat mendengar cerita itu lalu menutup mulutnya yang sedikit ternganga.

"Jadi yang kahwin dengan Adrian tu...?"

"Dia adalah Dira, adik kembar Dara yang kini menjadi tawanan Adrian." Balas Syamir dengan pantas.

"Tawanan?. Maksudnya?" Pertanyaan Fatin hanya dibalas dengan anggukan oleh lelaki itu.

"Tapi kenapa?. Takkanlah disebabkan kemalangan mereka berdua boleh-"

"Bukan kemalangan tapi kecurangan." Balas Syamir dengan nada suaranya yang tegas.

## Bab 8

Dira membawa sejangkang bunga mawar merah yang dia beli di depan bangunan hospital pagi tadi ke ruangan Dara. Langkahnya sangat lambat menandakan jiwanya tidak sepenuhnya berada di tubuhnya yang mulai kurus kering itu. Sepertinya ia terbang melayang entah ke mana, membawa seluruh semangatnya untuk pergi. Mungkin penampilannya pada hari ini tidak terlalu berbeza dengan dirinya beberapa minggu yang lalu ketika dia datang ke sini. Masih lagi mengenakan baju T-shirt dan seluar panjang berwarna hitam.

Dira memasuki ruangan Dara yang hanya dihuni oleh dirinya dan Dara. Dira sengaja meminta kepada Adrian dengan balasan dirinya akan melakukan apapun yang diperintahkan oleh lelaki itu.

Adrian yang jahat!. Ego dan kejam!. Setelah kejadian pada malam itu, tidak ada sepatah kata maaf pun yang keluar dari bibirnya. Semuanya seolah-olah mengalir begitu saja seperti tiada apa-apa yang berlaku. Semuanya mengalir tanpa adanya muara. Dipaksa menghilang entah untuk di arus bahagian mana. Dira seolah-olah tersesat dengan jalan yang diambil oleh lelaki itu. Meninggalkannya dengan jejak yang terhapus begitu saja. Memaksanya menganggap andai saja kalau semuanya tidak pernah terjadi.

Mungkin otaknya boleh beranggapan sebegitu tapi bagaimana pula dengan tubuhnya?.

Adakah semuanya boleh kembali seperti sedia kala?. Bagaikan sebuah pasu yang telah pecah, walau dicantum bagaimanapun ia pasti akan terlihat retaknya.

Wanita itu menghela nafas. Melihat wajah saudara kembarnya yang tenang membuatnya ingin sekali menggantikan posisi Dara saat ini. Tidak mengapalah jika dia yang harus terbaring koma seperti ini. Larut dalam sebuah mimpi yang entah macam apa. Setidak-tidaknya dia tahu baik buruknya mimpi itu pastilah tidak nyata. Berbeza dengan hal buruk yang menyimpannya, ia benar-benar terjadi.

Bibirnya mula memuncung ke depan. Merintih di dalam hati atas perbuatan kakak kembarnya itu. Hatinya tetap saja menolak untuk percaya tentang berita kecurangan yang dilakukan oleh Dara. Mendatangi seorang lelaki di hotel, dia yakin kalau itu bukanlah saudara kembarnya.



Mungkin ada kesilapan di sini. Kesilapan yang akhirnya membuatkan dirinya menjadi sampah oleh Adrian.

Ironinya.....dan itu sungguh terjadi.

“Bila akak akan bangun?” Lirih Dira sambil menggenggam tangan Dara yang masih tidak sedarkan diri.

”Dah hampir sebulan tapi kenapa masih belum ada tanda-tanda yang akak akan bangun?. Bila sebenarnya akak akan bangun?.

Air matanya sudah menitis membasahi pipi mulusnya. Hatinya sakit dengan hari-hari yang terpaksa dia jalani. Terpaksa mengikuti apa jua yang diperintahkan oleh lelaki yang sangat dia benci. Kakaknya yang telah membuatnya terperangkap dalam situasi yang begitu sulit dan bahkan membuatnya kehilangan kesempatan untuk meraih cintanya sendiri.

Ini tidak adil!. Sejak dulu, dia selalu mengalah dengan beban yang terpaksa dia tanggung sendirian. Berharap jika Tuhan akan memberikan sesuatu yang benar-benar indah untuk dirinya. Bersujud bahkan di saat semua orang tengah lena tertidur, dia bangun untuk meluahkan segala rasa sakitnya hanya untuk mengadu pada sang pemilik hidup. Rasanya seperti sia-sia....kebahagiaan yang dia dambakan sepertinya kian menjauh dari hidupnya.

*”Ya Allah....*

*”kalau memang ini belum waktunya untuk aku berbahagia, ku mohon...kuatkanlah hatiku untuk menahan beban ini....kuatkan kakiku untuk kujadikan sebagai dasar aku berdiri....kusandakan hatiku yang sempat menjauh dariMu Ya Allah....*

Dira menangis dengan hati yang terus berdoa. Meramas jari-jemari Dara yang sudah basah dengan titisan air matanya. Dia juga manusia. Adakalanya dia merasa lelah dengan hidup ini. Hidup yang sangat jauh dari segala impiannya. Impian seorang gadis kampung yang sederhana di mana dia impikan ketika dewasa kelak, dia mahu berkahwin dengan seorang lelaki yang dia cintai dan juga mencintainya, mempunyai anak-anak comel, diberkati Allah dan hidup tenang sehingga ke hari tua.

Namun ini?. Jangankan sampai tua, melihat wajah Adrian saat lelaki itu pulang ke rumah pun sudah menjadi mimpi buruk bagi Dira. Lalu bagaimana dia akan bertahan?.

“Dari mana?.”

Langkah Dira yang tadinya mahu masuk ke dalam kamar, terhenti di ruang tamu kondominium mewah milik Adrian. Melihat lelaki itu yang sedang membelek-belek surat khabar yang belum sempat dia baca pagi tadi.

“Jenguk Dara.” Balas Dira seadanya. Ingin saja dia segera berlalu dari terus berhadapan dengan lelaki itu sebelum suara Adrian yang menjengkelkan itu dia dengari.

“Kenapa lama sangat?.” Tanya Adrian yang masih lagi setia dengan surat khabar yang terus dibelek-beleknnya membuatkan Dira bertambah aneh kalau Adrian itu boleh membaca isi berita tersebut dengan cepatnya.

“Aku ingatkan kau lari.”

“Macam mana aku nak lari kalau nasib Dara sekarang ada di dalam tangan kau?.” Gumam Dira di dalam hati. Wanita itu tahu bahawa Adrian yang menanggung segala kos rawatan Dara sepanjang kakak kembarnya itu berada di hospital dan tidak mungkin dia boleh lari dari lelaki itu. Tidak!. Dia tidak mahu disebabkan dia, Dara pula yang terpaksa menjadi mangsa!.

“Masakkan aku makanan. Aku lapar!.” Arah Adrian sambil meletakkan lembaran surat khabar itu di atas meja. Tangannya pula meraih remote TV yang ada di hadapannya untuk melihat program rancangan yang menarik.

Sejujurnya Dira merasa penat saat ini apatah lagi hari ini adalah hari minggu, jadi nak tak nak, penat ataupun tak, Dira harus terjun ke dapur sekarang untuk menyediakan makanan buat Adrian. Lagipun dia tidak boleh membantah kan?. Teringat kembali akan ancaman Adrian yang katanya akan menarik balik semua kos biaya rawatan Dara jika Dira mencari masalah dengan dirinya.

Seandainya Dira mempunyai banyak wang, sudah pasti ditendangnya Adrian itu sejak beberapa minggu yang lalu. Menanggung sendiri kos perubatan Dara tanpa perlu mengemis lagi pada lelaki yang telah menghancurkan hidupnya.

Baru saja wanita itu mahu membuka peti ais untuk mencari bahan yang akan dia masak untuk suami diktaktornya, Adrian tiba-tiba datang mendekat.

“Tak payah masak. Malam ni kita akan pergi rumah mama, menginap kat sana.” Ujar Adrian membuatkan Dira berpaling ke arahnya, lelaki itu sedang sibuk melayari skrin telefon pintarnya.

Ingin sekali Dira bertanya kepada lelaki itu namun saat ini dia tidak berdaya. Dia tidak mahu dianggap sebagai seorang pembangkang. Akhirnya Dira lebih memilih untuk menjalani kehidupannya seperti biasa. Tidak melawan dan hanya mempunyai satu jawapan saja iaitu;

“Baiklah.”

Kereta mewah yang dipandu oleh Adrian kini selamat tiba di perkarangan rumah banglo orang tuanya. Hujan tiba-tiba turun dengan lebatnya membuatkan Dira terpaksa berlari dari garaj kereta yang sememangnya terpisah dari ruang beranda rumah banglo tersebut. Diikuti oleh Adrian dari arah belakang, lelaki itu langsung tidak bertanya apakah dia kebasahan ataupun tidak. Walaupun nampak macam remeh tetapi Adrian tampaknya terlalu dingin untuk melakukan hal tersebut.

Benar-benar tipikal lelaki yang sangat layak untuk diduakan.

Setibanya di rumah, mereka berdua terus diminta untuk menuju ke ruang makan yang ternyata Anita dan Tengku Mazli sudah menunggunya dari tadi lagi. Mereka berdua tersenyum saat melihat anak dan menantu mereka. Terlihat jelas Anita sangat menitikberatkan apa yang mahu dimakan oleh Dira malam ini.

“Dira kena makan banyak-banyak tau.” Pesan Anita sambil tangannya itu mula menambahkan sup tulang ke dalam pinggan yang ada di hadapan Dira.

“Dira nampak kurus sangat sejak kali terakhir kita berjumpa.”

Dira mengangguk. Tidak ada jawapan yang keluar dari bibir wanita itu. Hanya senyuman hambar yang mampu terukir di sudut wajahnya. Dia tidak mampu memberikan senyuman manis sebagai tanda bahawa dia baik-baik sahaja. Walaupun bohong, dia tidak mampu menutupi semua itu. Tubuhnya ternyata tidak mampu untuk membohongi keadaan. Jiwanya yang sedikit tertekan ternyata telah membuatnya kehilangan berat badan dan itu sangat jelas kelihatan.

"Dia okey je ma. Tak payahlah mama nak risaukan." Ujar Adrian yang terlihat begitu santai.

Wanita yang usianya sudah separuh abad itu mula mengerlingkan anak matanya ke arah Adrian. Bibirnya diketap rapat sebagai tanda dia geram dengan sikap anak lelakinya itu.

"Ad, lepas dah siap makan nanti, tolong jumpa mama dalam bilik pejabat papa. Ada perkara sikit yang mama nak bincangkan dengan kamu kat sana."

Adrian menoleh. Ingin bertanya kepada mamanya namun terpaksa dia batalkan saja hasratnya itu. Tampak begitu jelas riak wajah Anita yang tidak mahu diajukan sebarang pertanyaan. Bahkan Tengku Mazli, ayahnya Adrian juga seolah-olah tidak ingin melihat ke arah anaknya. Sepertinya dia tahu kalau Adrian sebenarnya ingin menanyakan sebab kenapa Anita mahu bertemu dengannya di ruang pejabat namun sengaja dia diamkan.

"Ada apa?." Tanya Adrian sebaik saja dirinya melabuhkan pinggulnya, duduk di atas kerusi yang bertentangan dengan Anita dan Tengku Mazli. Duduk sendirian seperti itu membuatkan dirinya terlihat seperti orang yang tertuduh. Bersedia untuk menghadapi beberapa pertanyaan, tuduhan mahupun dakwaan.

"Macam mana hubungan Ad dengan Dira?." Tanya Anita, memulakan sesi perbincangan.

"Menurut mama?."

"Jangan balas pertanyaan dengan pertanyaan!." Anita menghentak meja yang ada di hadapan mereka. Lirik matanya jelas menunjukkan bahawa dia tidak mahu berdebat.

"Okey je."

"Tapi papa tengok sikap korang berdua tak menunjukkan yang kamu berdua ni okey." Celah Tengku Mazli. Tidak seperti isterinya, Tengku Mazli terlihat lebih tenang saat berhadapan dengan anak lelakinya. Sangat berbeza dengan Anita yang saat ini wajahnya itu sudah berkerut retak seribu, gerun melihatnya.

"Sikap yang macam mana?. Setahu Ad, kami berdua okey je."

"Okey je?!!" Dengus Anita sambil memeluk tubuhnya.

"Wajah yang tertekan seperti itu Ad cakap okey je?"

Merasakan aura perdebatan, Tengku Mazli pun berdiri. Berjalan menghampiri Adrian dan duduk di atas kerusi, bersebelahan dengan anak tunggalnya.

"Dengar sini, papa akan mengatakan benda ni pada Ad bukan hanya sebagai seorang ayah tetapi juga sebagai mentua dari wanita yang telah Ad nikahi secara paksa." Terdengar seperti sindiran namun itulah hakikat yang terpaksa ditelan oleh Adrian. Namun Adrian masih lagi terdiam kaku, tenang mendengar hal yang akan disampaikan oleh ayahnya sebentar lagi. Terpaksa menahan emosi saat ayahnya menyebut perkataan paksa tadi.

"Pertama, jangan ingat yang kami berdua tak tahu apa yang Ad dah buat pada Dira, Ad ugut dia supaya dia kahwin dengan Ad. Kedua, punca permasalahan ini ada pada diri Ad dan juga Dara. Bukan Dira." Tengku Mazli menghelakan nafasnya seketika sebelum kembali menyambung bicara.

"Dan yang ketiga, jangan pernah Ad menyakitinya. Cukup dia menggantikan posisi Dara saat ini. Dia tidak bersalah. Tidak adil rasanya kalau Ad sakitkan dia hanya kerana masalah yang tidak pernah dia fahami sebelum ni." Ujar Tengku Mazli, merenung tepat ke arah Adrian. Lelaki itu tidak mahu membalasnya lagipun ada betulnya juga. Dia terpaksa mengakui perkara itu walaupun dia benci untuk mengakuinya. Dira tidak tahu apa-apa, apa yang dia tahu saat itu adalah kakak kembarnya akan menikah. Itu saja namun hari ini dia yang terpaksa menanggung akibat dari segala onar yang dicetuskan oleh Dara.

"Jangan pentingkan diri sendiri Ad. Jangan wujudkan jarak yang lebar di antara kamu berdua kerana itu hanya akan menyebabkan kesulitan untuk kamu meraihnya kembali suatu saat nanti." Pesan Anita tiba-tiba.

"Kita takkan tahu apa yang akan terjadi di masa depan tetapi cubalah mengenal Dira sebagai dirinya. Lupakan sejenak pasal hubungan persaudaraannya dengan Dara. Ingatlah, bayangkan dan kenanglah kembali bagaimana kamu bertemu dengan Dira buat pertama kali. Tanpa Dara....tanpa pernikahan dan tanpa sebuah kemalangan."

Seperti tersedut ke dalam lubang hitam yang penuh misteri, ucapan Anita tadi seperti menghipnotis fikiran Adrian. Terseret ke dalam arus putaran waktu yang membuatkan dirinya kembali mengenang saat pertama kali dirinya bertemu dengan Dira. Di depan sebuah restoran, di mana hanya ada Dira yang telah menarik semua perhatiannya.

## Bab 9

Gerimis turun dengan cukup lebat saat Adrian dan orang tuanya sudah berada di dalam perjalanan menuju ke restoran. Malam ini adalah malam di mana keluarganya dan keluarga Dara akan bertemu sebelum pernikahan mereka terjadi. Sekaligus memperkenalkan adik kembarnya Dara yang katanya sangat mirip dengan gadis itu.

Akhirnya, hanya tinggal selangkah lagi untuk dia menikahi gadis itu. Gadis yang membuatkan dia bahagia setiap waktu. Gadis yang penuh dengan kejutan, yang selalu membuatkan Adrian kehabisan kata-kata dengan gelagatnya. Gadis ceria yang sangat cocok untuk menemani hari-harinya yang sebelum ini kelam.

Tidak lama kemudian, kereta yang dinaiki oleh Adrian selamat tiba di pintu gerbang restoran tersebut. Melihat Dara dengan gaun hitam kembang separuh lutut, sedang berdiri mengadap pintu gerbang. Meskipun rintik hujan membasahi tingkap kereta, ia tidak sedikit pun menjejaskan pandangan Adrian terhadap Dara. Begitu terpesona dengan penampilan gadis itu yang biasanya sebelum ini Dara selalu terlihat elegan dengan pakaian formalnya tetapi kini dia terlihat lebih manis dengan gaun yang dipakainya.

Timbul rasa debar yang membuatkan Adrian sedikit kehabisan nafas kerana degupan jantung yang datang secara tiba-tiba dan membuatnya tersenyum sendirian sehinggalah dia tersedar akan sosok seorang gadis yang berdiri di sebelah Dara saat itu.

Senyuman Adrian mula mengendur. Gadis itu bukan Dara kerana gadis yang memakai gaun hitam itu adalah Dara. Adrian boleh mengenalinya. Gaya pakaian serta dandanannya yang cantik membuatkan Adrian hampir merasa tertipu dengan matanya sendiri.

Kenderaan yang mereka naiki bersama Anita dan Tengku Mazli selamat tiba di depan lobby restoran. Entah mengapa, rasa enggan untuk keluar dari perut kereta itu mula menyelimuti hati Adrian. Rasanya seperti dia tidak mahu turun namun tidak enak pula terhadap Nek Munah dan Atuk Irul yang tidak boleh dia abaikan begitu saja.

Tegur siapa pun jadilah. Terlihat jelas aura kebahagiaan yang terpancar dari wajah Dara dan untuk pertama kalinya, Adrian enggan untuk membahasnya. Sekali lagi, tatapannya itu justeru

tertumpu ke arah gadis yang berdiri di sisi Dara. Gadis yang sepertinya tengah sibuk dengan gaunnya yang ditiup angin. Mencoba mencegahnya meskipun sedikit terlambat.

Terlihat bahagian betis gadis itu saat hembusan angin menyingkap gaunnya dan entah kenapa, sejenak wajah Adrian mulai membahang. Dia merasa malu. Sejujurnya, dia pernah melihat wanita yang jauh lebih seksi daripada ini namun dengan kulit yang putih dan mulus seperti ini, belum pernah dilihatnya sama sekali. Sesuatu yang boleh membangkitkan sesuatu dalam dirinya yang seharusnya tidak boleh dia tujukan pada wanita itu saat ini.

Adrian mengetap bibir bawahnya seraya menutup mata dan berdoa agar fikiran kotornya ini akan segera terhindar dari benaknya. Tidak elok dia mempunyai perasaan yang sebegitu.

“Hummm ini adik kembar awak ke Dara?” Tanya Anita, mamanya Adrian yang membuatkan Adrian menghalakan pandangannya ke arah Dara yang membenarkan.

“Ya aunty. Kenalkan, ini adik Dara. Adira Salsabila dan dia adalah saudara kembar Dara. Mirip kan?”

Mama Adrian tersenyum dan mengangguk pada Dara. Bukan hanya itu bahkan Adrian sendiri tidak mengerdip saat memandang Dira.

”Dia pun cantik jugak, kan ma?” Celah ayah Adrian, Tengku Mazli.

“Manis dan juga mempesona.” Gumam hati Adrian.

”Dan Dira, kenalkan ini, Adrian. Dia adalah lelaki bertuah yang selalu akak ceritakan pada Dira dulu.” Ujar Dara membuatkan Adrian sedikit tersentak dengan ucapan itu. Adrian hanya tersenyum nipis. Ternyata gadis itu sudah pun mengenal dirinya sebelum ini. Cukup dikesali kerana Adrian sebelum ini tidak pernah terfikir untuk membahaskan soal Dira. Meskipun Dara adalah tunangannya.

Melihat Dira yang hanya menundukkan wajah, ia membuatkan Adrian mengambil inisiatif dengan menghulurkan tangannya pada gadis itu seraya mempamerkan riak wajahnya yang senormal mungkin.

“Adrian....Tengku Adrian.”



Terlihat sedikit malu-malu, Dira menyambut hulum tangan lelaki itu.

"Ad...Adira Salsabila."

Adrian dapat merasakan tangan Dira yang sedikit menggeletar mungkin kerana cemas atau kedinginan. Adrian kemudian melepaskan jabat tangannya dengan gadis itu.

"Humm jomlah kita masuk sekarang, saya pun dah lapar ni." Katanya yang sebenarnya cuba mencari cara agar mereka semua segera masuk ke dalam restoran.

Mujurlah alasannya tadi diterima oleh semua orang. Mereka terus masuk ke dalam restoran untuk menghindari hawa dingin kerana tempiasnya hujan.

Sedar akan sesuatu yang aneh, Adrian menoleh kembali ke arah belakang dan mendapati Dira masih lagi terpaku di depan pintu masuk. Dengan sedikit cemas, dia kembali keluar menghampiri sang gadis.

"Awak tak nak masuk?." Tanyanya dan entah kenapa soalnya sebegitu membuatkan Dira sedikit tersentak, mungkin terkejut.

Dia menoleh dan mendapati seorang lelaki yang bernama Adrian kini berdiri terpacak di depan pintu restoran dengan renungan matanya yang redup. Kedua-dua tangan lelaki itu dimasukkan ke dalam kocek seluarnya. Matanya sayu menatap Dira, lelaki itu kembali bertanya.

"Kenapa awak tak masuk?."

Mendengarkan pertanyaan itu membuatkan Dira terburu-buru mengganggu kepala dan mendahului Adrian dengan tingkahnya yang agak kelim kabut.

Sambil mengelakan nafasnya, lelaki itu tergamam sejenak.

"Hanya kerana seorang gadis, aku bersikap demikian."

Jam di dinding telah menunjukkan hampir pukul sebelas malam. Kedua-dua anak mata Adrian saat ini sudah tidak mampu untuk dipejam walaupun rasa mengantuk itu mula menghantui malamnya namun matanya itu tetap enggan untuk dipejam. Dia menyerengkan tubuhnya,

cuba mencari posisi yang lebih sesuai namun sebaik saja dia berpaling, dia melihat Dira yang sedang tertidur di atas lantai.

Sejenak, kedua-dua kening Adrian terangkat. Bagaimana mungkin Dira terlihat begitu lena dengan hanya tidur beralaskan selimut nipis dan hembusan udara dingin dari alat penghawa dingin?.

Ya, anggaplah ini keputusan yang dibuat oleh Adrian bagi menghindari mereka berdua tidur di atas satu katil. Walaupun kenyataannya sebelum ini mereka pernah tidur bersama tetapi itu cerita lain. Dia tidak mahu dirinya hilang kawalan walaupun tidak berada di bawah pengaruh alkohol dan menyuruh Dira tidur di lantai adalah satu keputusan yang paling bijak.

Dihulurkan tangannya ke arah wajah wanita itu kemudian berhenti sebelum tangannya benar-benar menyentuh kulit wajah Dira. Dia tidak ingin mengganggu tidur lena wanita itu. Dia hanya ingin tahu....seberapa jauh hubungan mereka. Tubuh mereka dekat namun hatinya masih merasa sangat jauh dengan wanita itu.

"Kenapa?."

Apa yang harus dia lakukan?. Dia menyentuh tetapi tidak merasa. Sepertinya ada sebuah lapisan lut sinar yang membataskan mereka berdua untuk bersentuhan. Tidak dapat merasakan di antara satu sama lain walaupun jaraknya sudah begitu dekat. Ingin saja dia menepis semua penghalang mereka tetapi dia tidak mempunyai kekuatan. Kekuatan yang bersumberkan dari sebuah alasan. Alasan yang tidak mampu dia jawabkan jika suatu saat nanti wanita ini bertanya.

Tangannya masih bergantung. Sibuk dengan fikirannya, dia sendiri tidak sedar bila dan bagaimana dia boleh terlarut dalam mimpinya yang kelam.

Dira duduk dengan tubuh dan wajahnya terlihat cukup lesu. Di sisinya masih ada Adrian yang sedang fokus memandu. Pagi ini, setelah sarapan, mereka berdua memutuskan untuk kembali semula ke kondominium. Sudah berapa kali Adrian melirik ke arah Dira yang di matanya kini terlihat sangat tak selesa. Dia sedar, kerutan tegang di wajah Dira menandakan dirinya sedang tidak selesa dengan keadaan sekarang.

"Kau lapar lagi ke?." Tanyanya tiba-tiba membuatkan Dira tersentak.

"Eh?. Tak! tak!. Aku dah kenyang." Jawabnya sambil menggelengkan kepala.

"Dah tu kenapa muka kau macam tu?." Tanya Adrian, cuba mengungkapkan apa yang sedang mengganggu fikirannya saat ini.

"Kau kurang makan?."

Wanita itu menundukkan wajahnya. Bibirnya terkunci. Wajahnya memerah. Namun dia tidak lapar. Hanya merasa sedikit kurang selesa saja. Ekor matanya diam-diam melirik ke arah Adrian yang berada di sebelahnya. Andai saja Adrian tahu apa yang membuatnya terlihat seperti orang kelaparan di mata lelaki itu, pasti sekarang ini Adrian pun tidak ingin bertanya.

Kembali teringat saat pagi tadi sebaik saja Dira membuka mata. Ada sesuatu yang menempel di pipinya membuatkan dia terpaksa menyentuh pipinya sendiri. Kedua-dua anak matanya terbuka kala dia sedar kalau yang tengah dia raba di atas pipinya itu adalah sebuah tangan. Cukup tersentak saat melihat tangan itu adalah milik Adrian. Lelaki itu tertidur dengan badannya menghadap ke arah Dira. Tangannya mungkin terjatuh dan mendarat manis di pipi wanita itu. Sedar atau tidak, Dira cukup menikmati sentuhan itu hanya untuk beberapa saat. Kenikmatan kecil yang hadir di pagi hari membuatnya ingin menampar wajahnya sendiri pagi ini.

Memalukan!.

"Hari ni kau tak payah masak!." Terdengar suara Adrian yang kembali memerintah.

Dira menoleh, melupakan sejenak makiannya untuk diri sendiri demi mendengar ucapan dari lelaki itu. Terdiam sejenak saat lelaki itu nampaknya seperti sedang mencari sesuatu di dalam jaket miliknya.

"Ini...". Lelaki itu menghulurkan dua keping kertas kecil yang bertuliskan 'tiket' di atasnya.

"Ini?." Dira menerima dua keping tiket yang diberikan oleh Adrian kepadanya. Membaca apa yang tertulis di atas kertas itu dengan begitu tekun.

"Kau nak pergi tengok wayang?"

Walaupun Dira berasal dari kampung tetapi Dira cukup tahu dengan benda yang dia pegang saat ini. Dia pernah melihat benda yang seperti ini di TV. Drama yang adengannya itu menunjukkan pelakon ingin pergi menonton wayang.

"Bukan aku tapi kita." Jelas Adrian dengan riak wajah yang selamba, masih fokus pada pemanduannya.

"Kii...Kita?" Dira membutangkan anak matanya sejenak. Menajamkan telinga dan pendengaran untuk memastikan kalau dirinya tidak salah dengar atau melihat.

"Jangan salah faham, ini bukan keinginanku tapi keinginan mama." Kata Adrian lagi seolah-olah sudah dapat menangkap apa yang sedang difikirkan oleh Dira.

"Bukan keinginan dia?"

Sejenak wanita itu kembali tenang. Jujur, hati Dira berasa syukur saat mendengarkan ucapan itu. Bersyukur kerana Adrian pantas menyedarkan dirinya yang hampir melambung dan terharu. Berterima kasih kepada lelaki itu yang telah mengingatkannya kembali kalau hubungan mereka tidak sebaik seperti yang orang lain sangkakan.

"Baiklah." Jawab Dira dengan nada biasa.

"Dan aku harap lepas ni kau hentikanlah makan makanan segera macam semalam. Tak bagus untuk kesihatan kau!" Pesan Adrian tiba-tiba membuatkan Dira menundukkan wajahnya dalam-dalam.

Dira tahu kalau ungkapan itu bukanlah bentuk perhatian Adrian untuknya. Mungkin terkesan dari omelan dan bebelan ibu mentuanya semalam membuatkan Adrian mengatakan hal yang sedemikian kepadanya.

"Baiklah." Balas Dira sambil mengelakan nafasnya. Meramas dua tiket yang ada di tangannya tapi tidaklah sampai merosakkannya.

"Ingat, aku akan jemput kau kat taman dekat dengan kondominium. Jadi kau datanglah sebelum pukul dua." Perintah Adrian, memberitahu rancangannya.

"Baiklah."

"Nanti pakai pakaian yang elok sikit untuk keluar jalan-jalan!. Jangan pakai pakaian kampung pulak. Faham?."

"Faham..."

"Bersihkan kondo tu sebelum kau nak keluar nanti!!."

"Ya..."

"Dan jangan pergi mana-mana selagi aku tak sampai sana. Faham?."

"Faham..."

Entah sedar atau tidak, jawapan singkat yang Dira berikan untuk Adrian membuatkan lelaki itu bertambah geram. Ditekannya pedal minyak kereta itu secara mendadak saat mereka berdua baru saja tiba di depan perkarangan kondominium membuatkan tubuh kecil Dira hampir melayang, nasib baik ada seatbelt yang telah menyelamatkan dirinya.

Jantung Dira rasanya hampir mahu gugur saat lelaki yang berada di sebelahnya itu menatap wajahnya dengan renungan mata yang tajam. Mengirimkan signal-signal bahaya yang menandakan kalau lelaki itu sedang marah pada dirinya.

Apatah lagi saat melihat lelaki itu mengetap bibirnya membuatkan rahang kerasnya itu jelas kelihatan. Memandang Dira seolah-olah mahu menerkam gadis itu.

"Jangan terlambat." Katanya kemudian melesap setelah Dira keluar dari perut kereta tersebut bahkan belum sempat gadis itu mahu memberikan satu jawapan seperti yang biasa dia lakukan, Adrian terus menghilang tanpa jejak.

"Baiklah..."

## Bab 10

Keadaan mesyuarat pada pagi ini kelihatan begitu tegang. Beberapa orang lelaki yang memakai kot berwarna hitam nampaknya seperti kehilangan kewibawaan di kala Adrian mengamuk dengan melemparkan dokumen-dokumen di atas meja. Semua terdiam. Kemarahan Adrian nampaknya sudah tidak dapat diredupkan lagi. Baginya, kesalahan yang telah dibuat oleh pekerja-pekerja bawahannya adalah sesuatu yang cukup besar. Itu semua sudah cukup untuk menjadi alasan buat lelaki itu mencekik mereka semua.

"Aku bagi korang satu lagi peluang!. Batalkan kontrak dengan pihak property!!. Cakap dengan dorang yang semua benda ni tak sama seperti yang dirancang!!" Tegas Adrian menekan setiap patah perkataannya.

"Faham?!!"

Semua hanya mampu terdiam. Tidak ada orang yang berani untuk menjawab termasuklah Amar, salah seorang rakan kongsinya. Sekumpulan pekerja yang dilantik oleh Adrian memang tidak boleh diharap!. Mereka semua hanya akan mengeruhkan keadaan lagi, boleh merosakkan hubungan kerjanya bersama Adrian.

"Korang semua pekak ke?." Bentaknya lagi, mencabar keberanian pekerja-pekerja yang ada di dalam ruangan itu.

"Faa....faham tuan." Sahut salah seorang lelaki yang memakai kemeja berwarna putih dengan nada suaranya yang teragak-agak. Terlihat seperti seekor kucing yang sedang berhadapan dengan serigala.

"Bagus, aku tunggu hasilnya sampai petang ni. Buat pembatalan kontrak tanpa ada ganti rugi dan kalau korang semua gagal..." Lelaki itu merenung ke arah pekerja bawahannya dengan renungan mata yang tajam.

"Bersiap sedialah untuk jadi penganggur!"

Sekumpulan pekerjaanya mula berasa ngeri dengan ugutan itu. Saling menyiku di antara satu sama lain sebelum akhirnya mereka meminta izin untuk keluar dari bilik mesyuarat tersebut.

"Kau ni Ad...kau rasa benda ni macam tak terlalu kejam ke?" Tanya Amar saat melihat Adrian sudah kembali tenang di tempat duduknya. Mujurlah mesyuarat ini dilakukannya bersama Amar, rakan kongsinya sekaligus merangkak sebagai sahabatnya di luar pejabat. Jadi dia tidak perlu terlalu mengawal emosinya tadi. Amar pasti akan mengerti.

Adrian mengusap wajahnya dengan kesal.

"Entahlah, aku rasa selama ni aku dah terlalu berlembut pada dorang."

"Hummm nasib baiklah aku ni rakan kongsi dalam syarikat ni. Kalau tak." Amar menjuih.

"Orang pasti akan ketawa tengok kebodohan pekerja kau!"

"Ya, aku harap dorang boleh selesaikan benda ni petang ni jugak." Keluh Adrian dengan nada suaranya yang kedengaran kecewa.

"Maksudnya kau nak sambung mesyuarat ni petang ni jugak?." Tanya Amar membuatkan Adrian menganggukkan kepalanya berulang kali.

"Aku harap kau faham." Ucapnya dengan lesu.

Fikiran Adrian bukan lagi tertumpu ke arah Amar yang menyetujui permintaannya melainkan pada Dira. Gadis itu terus berlegar-legar di ruang mindanya. Jam di pergelangan tangannya

dikerling sekali lagi, ia telah menunjukkan angka yang memaksa Adrian untuk berangkat ke kondominium miliknya.

"Dah pukul sebelas." Gumamnya di dalam hati. Kalau ikutkan, dia tidak boleh keluar dari pejabatnya sekarang. Terlalu banyak masalah yang harus diselesaikannya di sini apatah lagi apabila ia mengaitkan projek-projek yang sedang dia jalankan. Amar tidak boleh tahu tentang perkara ini. Dia tidak mahu Amar mentertawakan dirinya sekiranya lelaki itu tahu dia dan Dira mahu keluar bersama. Apatah lagi Amar ini mulutnya tidak boleh menyimpan rahsia, pasti akan dihebohkannya pada kawan-kawannya yang lain membuatkan bulu roma Adrian tiba-tiba berdiri tegak.

Oleh itu, adalah lebih baik mengikut arus daripada melawan arus.

Adrian mendesah perlahan. Dihalakan pandangannya ke arah Sarah, pembantu peribadinya yang sering mengikutinya jika ada mesyuarat di luar. Dia memanggil gadis itu.

"Sarah, saya nak awak hubungi kondominium saya. Katakan pada orang rumah saya kalau pertemuan kami terpaksa ditunda dua jam lagi kerana saya ada urusan penting." Pinta Adrian. Sarah hanya mengangguk.

Namun apa yang Adrian tidak tahu, saat gadis itu kembali ke ruangan kerjanya dengan telefon di tangan, Sarah tidak mengikutinya apa yang telah diperintahkan oleh Adrian tadi sebaliknya dia hanya diam di luar sambil melipat kedua-dua tangannya di dada.

Jam di tangan telah menunjukkan hampir pukul 3.15 minit. Dira hampir mengantuk dibuatnya. Adrian masih belum datang padahal ini sudah lewat satu jam lima belas minit dari waktu yang telah dijanjikan oleh lelaki itu. Dira sedang berada di taman, tidak jauh dari kondominium miliknya.

Masih terbayang dalam anak matanya bagaimana Adrian mengatakan kepadanya agar tidak terlambat dan kenyataannya, lelaki itulah yang lambat bahkan sangat lambat untuk datang menjemputnya di taman. Meskipun Dira hanya duduk menanti kehadiran suaminya, pinggangnya ini berasa lenguh kerana sudah terlalu lama duduk. Jika berdiri, kakinya pula yang terasa lenguh. Jadi nak tak nak, Dira terpaksa memilih untuk duduk.



Hari ini, Dira hanya memakai baju blous lengan panjang dengan seluar jeans warna biru muda, pemberian Dara dulu. Kata Dara, lebih baik Dira sesekali memakai seluar jeans daripada terus-menerus memakai seluar panjang berwarna hitam. Katanya, ia kelihatan kekampungan jika pergi ke mana-mana. Jadi untuk pertama kalinya, Dira mencuba untuk memakai seluar jeans, berharap agar pakaian itu akan membuatnya terhindar dari makian Adrian yang suka menilai dirinya sebagai kekampungan.

Sekarang semuanya terasa sia-sia. Seluar jeans itu hanya membuatkan kakinya terasa lenguh. Entah, mungkin kerana kesan dari seluar yang sedikit ketat atau kerana menunggu lelaki itu yang sampai saat ini masih belum muncul. Padahal jika dilihat dari sisi Dira, dia sememangnya sudah memanfaatkan waktu itu sebaik mungkin bahkan terkejar-kejar sehingga menyebabkan salah satu jarinya terluka kerana terhiris pisau ketika mahu memasak dengan cepat. Alih-alih Adrian pula yang terlambat, lewat satu jam lima belas minit.

Dira mengeluh kecewa. Untuk apa dia berusaha mengejar waktu hanya untuk lelaki seperti Adrian?. Di mana lelaki itu hanya mahu mempermainkan dirinya dengan membuatnya menunggu seperti ini?.

Meskipun begitu, entah mengapa hati kecilnya itu tetap mahu menyalahkan waktu. Dia tidak boleh lengah!. Mungkin saja ini adalah salah satu usaha Adrian untuk membuatnya mengalah dan melanggar perintah lelaki itu. Membuatnya seolah-olah telah melanggar satu perjanjian di mana Dira harus menuruti segala perintah lelaki itu walau apapun yang terjadi.

Langit sudah mulai mendung. Awan hitam mulai terlihat berarak menutupi sinar matahari. Menghilangkan terik yang panasnya sedari tadi telah membahang kulit. Namun begitu, fokus Dira masih lagi terpelihara. Dia tidak boleh lalai. Kata Adrian, dia tidak boleh ke mana-mana selagi Adrian tidak sampai dan dia.....harus menurutinya.

Hujan sudah turun dengan lebatnya saat Adrian keluar dari bangunan pencakar langit. Dilihatnya jam yang berada di pergelangan tangan, ia telah menunjukkan pukul 4.10 minit. Adrian mengeluh kesal dan terburu-buru masuk ke dalam kereta mewahnya yang sudah ada di depan perkarangan bangunan. Di fikirannya saat ini adalah bagaimana caranya untuk dia tiba di kondominium itu dalam waktu sepuluh minit.

Dipandunya Range Rover berwarna hitam, melintasi jalan raya. Untunglah jalan saat ini tidak terlalu padat membolehkan dia untuk menarik nafas lega, kemungkinan dia akan lebih cepat sampai. Walaupun sedikit terlambat, dia berharap wanita itu tidak akan menunggunya terlalu lama.

Hujan makin lebat saat Adrian tiba di persimpangan, dekat dengan kawasan kondominium miliknya. Di sana terdapat sebuah taman yang seharusnya menjadi tempat pertemuan di antara dirinya dengan Dira. Dan hujan, sepertinya akan menjadi satu-satunya alasan mengapa janji mereka berdua terpaksa dibatalkan.

Sekilas Adrian melihat seorang gadis yang tengah duduk di salah sebuah bangku yang ada di taman. Wajahnya tidak begitu jelas kelihatan namun dari segi penampilan, Adrian yakin bahawa itu bukanlah Dira. Lagipun lelaki itu tidak yakin yang Dira akan sebodoh itu untuk menunggunya dalam hujan.

Adrian mengeluh. Memang dirinya ini siapa?. Dia hanyalah seorang lelaki yang memanfaatkan keadaan di mana dia sudah memaksa seorang gadis agar menikah dengan dirinya. Tidak lebih!.

Adrian tiba di kondominium miliknya. Ia terlihat begitu sunyi saat pertama kali lelaki itu masuk ke dalam. Semua lampu terlihat padam. Bukan kerana tiada elektrik melainkan ia sengaja dimatikan kerana tidak ada orang di dalam.

Dia beralih pula ke dalam kamar Dira. Mengetuk daun pintu itu berulang kali dan mencuba memanggilnya. Membuang nafas pendek seketika sebagai tanda lelah di saat dia melihat bilik itu kosong tanpa penghuni.

"Kau ni bodoh ke atau kau memang tak ada otak?."

Dira tersentak saat seseorang tiba-tiba berteriak di belakangnya. Dia berpaling dan mendapati Adrian sedang berdiri di bawah payung biru tua yang dibawanya bersama.

"Kaki kau tu dah tak boleh nak guna lagi ke untuk berjalan?. Kau tahu kan taman ni dengan kondo kita tu bukan jauh mana! kenapa kau tak balik?. Kau ni memang tak ada otak ke?? duduk kat sini dalam hujan?!" Makinya membuatkan mulut Dira terus terkunci.

Selain kedinginan di bawah titisan hujan selama kurang dari dua jam, Adrian malah datang dan terus memarahi dirinya sambil mencaci maki?. Apakah hati kecilnya itu langsung tak nak bertanya kenapa dia duduk di sini?. Apa salahnya?.

"Aku-." Belum sempat Dira mahu menyuarakan pembelaannya, Adrian terlebih dahulu menarik tangan perempuan itu. Merapatkan tubuh mereka di bawah payung yang sama. Wajahnya masih terlihat marah membuatkan Dira tidak berani untuk bersuara.

Setibanya di kondominium, Adrian terus menolak tubuh wanita itu sehingga terjatuh ke atas sofa. Tidak peduli dengan lantai rumah ataupun sofa mahalnya akan basah kerana air hujan. Mulutnya masih terasa gatal, ingin memaki wanita itu lagi.

"Sekarang jawab aku!!." Kata Adrian yang mula menanggalkan tali lehernya yang berwarna hijau, hampir mencekik dirinya kerana emosi.

"Apa yang kau buat tadi dalam hujan?." Tanyanya dengan nada suara separuh teriak.

"Aaaa....aku...aku tunggu kau."

Walau terkejut, dalam hati Dira bersumpah. Dia berharap Adrian tidak akan lupa akan janji-janjinya yang menyuruh Dira untuk menunggunya di taman tadi.

"Tunggu aku?." Tanpa sedar, mata lelaki itu jatuh pada bibir Dira yang membiru. Matanya merenung sayu ke arah Dira.

"Berapa lama?."

Wanita itu melirikkan matanya ke arah jam yang tergantung di dinding.

"Duu...ddd...dua jam sepuluh minit." Jawabnya membuatkan kedua-dua anak mata Adrian terbuka lebar.

"Oh! Shit!!.. Dua jam??." Diusap wajahnya yang tampak gusar sambil menghentakkan kakinya ke lantai.

“Kau dah gila ke Adira Salsabila??!! Otak kau masih berada di tempatnya kan?. Bukan ke aku dah pesan pada kau yang aku nak kita tundakan pertemuan kita sampai pukul empat petang!. Yang kau masih nak tunggu aku di taman tengah-tengah hujan tu dah kenapa?!!.”

”Tunda?.” Mata Dira membutang sejenak. Menundukkan wajahnya kembali saat Adrian menatapnya dengan sayu.

”Tak...kau tak ada cakap apa-apapun.”

Jawapan polos itu bahkan membuatkan hati Adrian mula dirundum perasaan bersalah. Dengan kata lain, Dira tidak tahu?. Kalau begini ceritanya, mana sanggup untuk Adrian memarahinya lagi. Mungkin wanita itu telah keluar saat Sarah belum sempat menelefonnya.

Tanpa sengaja, matanya melihat satu plaster luka yang membalut jari telunjuk wanita itu.

”Luka?. Kenapa sampai boleh luka?.”

Dira yang sedar dengan pertanyaan Adrian itu tadi terburu-buru menyembunyikan lukanya di belakang tubuh namun pantas saja Adrian menarik tangan itu dan menggenggamnya erat sehingga wanita itu merintih. Malah tidak cukup dengan itu, Adrian turut menarik baju yang sedang membaluti tubuh Dira.

”Ni luka baru kan?.” Tanya Adrian kemudian mendekatkan wajahnya ke arah wanita itu.

“Ke kau sengaja lukakan diri kau?. Sengaja nak buat aku risau?. Sengaja nak tengok aku susah hati kerana kau?.”

Renungan lelaki itu membuatkan Dira bertambah resah. Tubuhnya tidak mampu untuk menjauh di mana salah satu tangan lelaki itu menarik blous yang dipakainya, yang akan memperlihatkan dadanya jika dia mencuba menarik tubuhnya ke belakang.

”Bukan.” Jawabnya gugup.

”Habis tu?.” Nafas segar Adrian mula terhembus. Membius urat saraf Dira untuk berkelakuan aneh. Gelisah. Aroma yang berbeza saat Adrian menciumnya pada malam itu. Tidak ada bau alkohol tetapi berbau lemon atau semacamnya.

"Kenapa kau tunggu aku?"

"Sebab kau yang suruh aku tunggu kau." Jawab Dira dengan riak wajahnya yang polos. Entah polos atau bodoh!.

"Kenapa?"

"Sebab aaa...aaa...aku hanya akan turuti segala kemahuan kau." Balas Dira lagi sambil memejamkan kedua-dua anak matanya. Tatapan Adrian ke arahnya membuatkan Dira bertambah takut.

"Polos sekali!." Gumam Adrian tiba-tiba.

Dira membuka anak matanya tepat di saat wajah Adrian sudah berada lebih kurang satu meter darinya. Intinya....tidak lagi serapat tadi.

"Jadi kalau macam tu, seandainya aku katakan yang aku nak meniduri kau, apa kau akan turuti kemahuan aku?"

Dira tersentak bukan kerana pertanyaan itu tetapi kerana wajah dan tubuh lelaki itu sudah kembali rapat dengannya. Hanya dalam sekelip mata, pipi mereka berdua sudah menempel.

"Jawab aku, apa kau juga akan melakukannya?"

Mulut wanita itu bergetar. Bibir hangat Adrian belum menyentuh bibirnya namun kelakuan nakal di permukaan kulit leher Dira membuatkan wanita itu bertambah tak keruan. Adrian menggigit kecil cuping telinga Dira sambil sesekali menggeselkan bibirnya yang hangat pada kulit mulus wanita itu. Dira benci akan hal itu. Tubuhnya kedinginan dan tubuh Adrian pula terasa begitu hangat saat tubuh besar itu sudah menghempap tubuhnya dengan kuat. Tidak memberikan ruang buat dirinya untuk bergerak. Satu pertanyaan mula muncul di mindanya, apakah dia harus melakukan perkara itu?

Jika ya...itu sama saja seperti dia membiarkan dirinya terluka lagi. Rasa sakit yang Adrian tinggalkan pada malam itu masih berbekas di benak Dira. Mungkin, dia masih belum bersedia untuk membiarkan lukanya dirobek buat kali yang kedua.

Namun jika tidak.....

"Apa yang akan terjadi pada Dara?."

## Bab 11

Dira duduk di atas sebuah bantal yang berbulu, terbentang di depan TV ruang tamu. Dengan bahu yang bersandar pada sofa, dia mencoba merengangkan seluruh ketegangan urat yang menempel di tubuhnya. Di kamarnya, saat ini Adrian sedang terbaring lena. Berkelana di bawah selimut nipis yang menutup tubuhnya separuh bogel saat Dira meninggalkannya sendirian. Dia malas mahu berlama-lama berada di sisi lelaki itu.

Katil yang cukup sempit membuatkan dirinya terpaksa mengalah dengan keluar dari kamarnya sendiri.

Tubuh Dira masih terasa sangat sakit. Setelah beberapa saat yang lalu, berada dalam kehujanan, Adrian datang dan menuntut haknya ke atas diri Dira. Dira tidak mampu untuk menolak namun dalam masa yang sama, dia juga tidak mampu untuk menyebut hubungan mereka itu sebagai cinta kerana kenyataannya, tidak ada cinta yang menyelimuti hubungan mereka berdua. Hanya ada hasrat Adrian yang selalu membuatkan Dira merasa jijik pada dirinya sendiri.

Rasa jijiknya bercampur bersama lelah. Dira turut menyandarkan kepalanya di bantal sofa dan memejamkan mata. Semoga, dia boleh terlena walaupun harus berada dalam keadaan seperti ini. Dia tidak peduli. Jika memikirkan kesedihan hatinya saat ini, dia tidak sanggup. Rasanya seperti munafik jika harus menangis apa yang telah dia lakukan bersama lelaki itu.

Menggunakan Dara sebagai alasan bahkan hanya akan membuatkan dia bertambah benci pada dirinya sendiri. Dia tidak mahu itu terjadi. Menahan segalanya di hati kecilnya mungkin adalah hal yang jauh lebih baik. Walaupun tidak akan membuatkan dirinya terlihat seperti wanita terhormat setidak-tidaknya membuatnya seperti wanita hingusan. Tiada apa yang dia harapkan saat ini melainkan boleh tidur dan melupakannya sejenak.

Sebentar saja, mungkin sehingga matahari terbit esok pagi.

Rasa nyaman dan empuk terus saja menjadi alasan bagi kedua-dua mata Dira yang enggan untuk terbuka. Bergerak ke sana ke mari, tetap merasa nyaman. Dia berfikir kalau ini semua mungkin hanya mimpi sampaikan mahu membuka kelopak mata sendiri pun Dira berasa berat hati.

Dira menguap. Sejenak, dia tahu itu adalah sebuah kamar tetapi bukan kamarnya. Ia tidak begitu asing. Dia merasa kalau dirinya pernah berada di sini.

Dira menghalakan pandangannya, melilau melihat keadaan di sekelilingnya sehinggalah dia tersedar akan sesuatu.

Ini adalah bilik Adrian!! Dia ingat sekali dengan aroma bilik itu. Mengingatkan dia pada malam di mana musibah itu terjadi. Semuanya masih terasa sama, terutama aroma bilik itu. Mirip Adrian.

Dengan pantas, dia melihat tubuhnya. Masih berpakaian lengkap. Ertinya hal buruk itu tidak terjadi saat dia tidur tadi. Pandangannya beralih pula pada pintu bilik mandi yang ada di dalam bilik tidur lelaki itu. Merasa lega saat menyedari bahawa dirinya sedang bersendirian.

Walaupun tidak tahu bagaimana dirinya boleh berada di dalam kamar itu, dengan pantas Dira melompat dari katil tersebut dan pergi dari sana. Berlama-lama di dalam bilik itu hanya akan membuatnya sesak. Bukan kerana sempit tapi kerana bayangan dirinya yang berteriak minta dilepaskan, ditindih oleh tubuh Adrian membuatkan seolah-olah paru-parunya sudah kehabisan stok oksigen untuk bernafas.

Sebaik saja dia keluar, ada sesuatu yang telah menarik perhatiannya untuk menghalakan pandangan ke arah dapur. Di atas meja makan tersebut, terdapat sehelai kertas putih yang ditindih oleh sebiji piring kosong yang berwarna putih. Tidak perasan jika hanya dipandang sekilas saja.

Penasaran, Dira pun datang mendekat. Mengambil kertas putih yang merupakan pesan dari Adrian sebelum lelaki itu pergi meninggalkan kondominium ini pagi tadi.

*"Ambillah wang ini. Pergi belanja barang dapur dan beberapa bahan makanan. Aku tak suka tengok kau asyik makan makanan segera!"*

Dira kemudian mengambil sampul berwarna coklat. Di dalamnya terisi beberapa lembaran wang kertas yang ternyata diletakkan di bawah kertas putih yang dia pegang. Sedikit tercengang saat dirinya menghitung lembaran wang kertas yang ditinggalkan oleh lelaki itu buat dirinya. Hatinya mula terdetik, jumlah sebegitu rasanya bukan untuk ditinggalkan bagi belanja bulanan saja bahkan cukup untuk setahun. Entah untuk apa tapi Dira tidak suka melihatnya.

Mini market di persimpangan jalan kondominium Adrian sepertinya menjadi pilihan terakhir untuk Dira berbelanja menghabiskan wang Adrian. Dia tidak tahu pasar basah berada di mana membuatkan dirinya terkadang mengeluh sendiri saat mendapati mini market itu hanyalah menjual sushi dan bahan-bahan masakan dari luar negara, tidak seperti di kampung halamannya yang menjual pelbagai aneka bahan masakan kampung.

Dia cukup sedar bahawa saat ini dia berada di bandar dan mini market ini terletak berhadapan dengan kondominium Adrian yang pastinya memfokuskan barangan dari luar negara sebagai produk jualan mereka dan bukannya bahan yang kekampungan. Di sini hanya ada mall, tidak ada pasar basah yang sering dia kunjungi ketika berada di kampung. Dira pening memikirkannya. Nak tak nak, terpaksa juga Dira memilih mini market ini untuk berbelanja barang dapur.

Mujurlah mini market ini masih menyediakan beberapa jenis sayuran, buah, daging mahupun ikan yang biasa Dira beli. Setidaknya, Adrian tidak akan mengamuk lagi kalau mendapati isi peti aisnya terasa sunyi.

"Dira."

Saat Dira sedang asyik berbelanja, seseorang yang tidak dia perasan dari tadi kini datang dan menahan dirinya membuatkan Dira sedikit tersentak dengan kehadirannya. Dira merenung ke arah sosok tubuh yang kini sedang berdiri di hadapannya.

"Dira?."

Kedua-dua anak mata wanita itu membutang, membulat sempurna saat melihat pekerja mini market itu. Agak lama mereka berdua bertentangan mata. Riak wajah Dira masih lagi terkejut.



Bibir wanita itu kaku. Bahkan troli yang dibawa oleh perempuan itu hampir terjatuh jika Ezra tidak menyambutnya dengan pantas.

"Macam mana dengan keadaan awak?." Tanya Ezra saat dirinya dan Dira sudah duduk di sebuah kerusi yang berada di depan mini market.

"Baik." Balas Dira dengan detakan jantung yang tak keruan. Tidak menyangka akan bertemu dengan Ezra di sana.

"Awak pulak?."

"Alhamdulillah, baik." Balas Ezra yang juga kelihatan tak senang duduk saat berada dekat dengan Dira. Gadis pujaan yang selalu dia impikan.

"Syukurlah." Masih dengan senyuman yang menghiasi bibirnya, tatapan mereka sangat ketara yang memperlihatkan bahawa mereka berdua sangat bahagia kerana boleh bertemu.

"Kenapa awak ada di sini Ezra?. Awak belanja kat sini jugak ke?." Tanya Dira yang sekaligus mengundang tawa dari lelaki itu.

Dari cara bicara Dira, Ezra boleh menyimpulkan bahawa gadis yang duduk di hadapannya saat ini masih sama dengan yang dulu. Belum berubah meskipun sudah hampir satu tahun mereka berdua tidak bertemu.

"Tak adalah, saya di sini bukan untuk belanja tapi bekerja Dira." Jawabnya dibalas lagi dengan Dira yang membulatkan matanya.

"Fariz yang rekomenkan saya untuk bekerja di sini."

"Fariz?." Dira bertanya.

"Maknanya dia pun kerja kat sini jugak ke?." Sambung Dira lagi.

Semangat persahabatan Dira masih menebal pada dirinya. Dia selalu bersemangat jika ia berkaitan dengan perihal rakan-rakannya. Hal ini membuatkan Ezra tersenyum dan rasanya mahu mencubit kedua-dua pipi gadis kesayangannya itu.

"Tak, dia kerja sebagai pemandu peribadi." Jawab Ezra lagi.

"Ooo macam tu."

Ezra mengangguk. Ada rasa sedih menghantui Dira kerana dia masih belum berkesempatan untuk bertemu dengan salah satu rakan baiknya sewaktu berada di kampung. Namun begitu, bertemu dengan Ezra adalah hal yang paling dia harapkan. Bukan dia tidak ingin bertemu dengan si dingin Fariz tetapi Ezra yang hangat selalu memancing Dira untuk melihatnya saja.

"Kalau awak nak tahu, Dira...lelaki yang bernama Fariz tu sekarang ni dah banyak berubah. Susah untuk didekati." Adu Ezra pada Dira yang berjaya membuatkan wanita itu ketawa terbahak-bahak.

"Laaa betul ke?. Kenapa berlagak sangat?."

Ezra mengangguk lagi. Rasa bahagia menyelimuti hatinya saat melihat Dira tertawa seperti ini. Dia tahu mengapa hatinya boleh terpaut dengan gadis ini. Wajahnya yang polos, senyumannya yang manis, tawanya yang menghiburkan serta kebaikan hatinya yang Ezra tahu itu adalah sesuatu yang begitu ikhlas.

"Ohh ya...awak pula macam mana?. Bagaimana dengan keadaan Dara sekarang?. Saya dengar selepas dia menikah, dia mintak awak untuk tinggal bersamanya kan?."

Pertanyaan Ezra yang tiba-tiba itu cukup terdengar menusuk jantung wanita itu. Beberapa saat yang lalu, jantungnya terasa penuh dengan kebahagiaan sehingga terasa seperti belon udara panas yang berterbangan di udara. Namun seiring dengan pertanyaan Ezra tadi, tak ubahnya menusuk belon udara panas itu sehingga pecah dan akhirnya terkandas. Membuatkan suasana hatinya kacau bilau sehingga terpuruk dalam lembah kesedihan.

"Diii...di...dia okey je." Balas Dira dengan gugup.

"Macam mana pulak dengan suami dia?. Dia baik ke?. Saya dengar dia hensem dan kaya raya."

Dira mengetap bibirnya. Renungan matanya tidak lagi fokus kepada Ezra. Dia tidak ingin disuruh membayangkan bagaimana sosoknya Adrian. Lelaki jahat itu sudah menghancurkan hidupnya sehingga berantakan seperti sekarang.

”Ya, dia memang seorang lelaki yang kaya raya.” Gumam Dira, terpaksa mengiyakan kenyataan yang begitu pahit itu kerana kekayaan lelaki itulah yang membuatkan dirinya terperangkap seperti sekarang. Bergantung harap pada lembaran wang yang dimiliki oleh lelaki tak guna tu!.

Berbeza Dira yang kembali merasakan sesak di dadanya, Ezra pula malah tersenyum dan merasa kagum saat mendengarnya.

”Dara pasti sangat bahagia sekarang.” Ucap Ezra yang membuatkan hati Dira makin tersentak.

”Bahagia?. Siapa?. Dara?.”

”Saya berharap suatu saat nanti saya boleh jadi seperti dia Dira. Saya juga ingin menjadi lelaki kaya yang boleh membahagiakan isteri saya kelak.” Ezra menatap wajah Dira dengan senyuman dan renungan yang tidak mampu wanita itu ertikan. Renungannya begitu tenang namun terlihat hanya terarah pada satu titik sahaja. Entahlah tapi apa yang pasti Dira takut untuk menekanya.

Wanita itu menundukkan wajahnya. Di bawah sana, jemarinya sudah meramas antara satu sama lain. Kegelisahannya sepertinya sudah mulai merasukinya.

”Isteri?.” Dira tergamam. Sesuatu yang lembut mula mengusap kepalanya. Mengelus rambutnya dan membuatkan Dira enggan untuk mengangkat kepalanya kerana dia mahu merasakan kenyamanan itu lebih lama.

”Ya, saya harap suatu hari nanti saya boleh mengahwininya.”

Adrian panik saat pertama kali membuka pintu kondominium miliknya, aroma hangat langsung terhidu, begitu menyengat. Bola matanya membulat saat dia melihat microwave itu jatuh dan terbakar, tidak jauh dari kaki kanan Dira.

Adrian yang menyadari keadaan itu pantas menarik wanita itu dengan kasar dan mengambil alat pemadam api untuk memadamkan api tersebut dengan cepat.

Dira terpinga-pinga. Mulutnya sedikit terbuka membuatkan Adrian benar-benar geram dengan wanita itu.

"Kau...!" Adrian mengetap bibirnya. Apa lagi yang harus dia katakan pada wanita ini? Koleksi kata makian yang dia ada sebelum ini sepertinya hampir habis untuk dia keluarkan buat wanita gopoh ini.

"Baiklah, sekarang kau cakap dengan aku. Macam mana benda ni boleh jadi?." Dengan kesabaran yang sudah berada di peringkat akhir, membuatkan Adrian mengepalkan tangannya yang sedang digenggam erat.

"Errr....errrr...errrr." Kepanikan telah membuat lidah Dira terasa kelu. Anggaplah dia gila kerana yang dia takutkan itu bukanlah api yang hampir membakar dirinya dan juga tempat tinggal Adrian sebaliknya genggam tangan serta raut wajah Adrian yang begitu menakutkan, mungkin sedang menahan marah padanya. Walaupun dia yakin yang lelaki itu tidak akan memukulnya namun dia tetap takut dengan keadaan Adrian saat ini.

"Apa yang terjadi Adira?." Terdengar suara garau lelaki itu yang menyentuh cuping telinganya. Semakin menambahkan rasa gugup wanita itu. Adira bahkan memejamkan kedua-dua matanya dengan bibir yang bergetar.

"Maaa....maaaa....maafkan.."

Mengucapkan dua kata itu saja sudah membuat Dira hampir kehabisan nafas. Paru-parunya memerlukan oksigen yang lebih saat matanya mencuba mengintip apa yang sedang dilakukan oleh Adrian sekarang.

Lelaki itu masih merapatkan wajah mereka. Entah apa yang difikirkannya saat ini dan Dira harus tetap bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan saat berhadapan dengan lelaki dingin itu.

"Apa yang ada dalam otak kau Dira?."

Dira membukakan kedua-dua matanya. Nada bicara Adrian sangat berbeza dari kebiasaannya bahkan tidak seperti tadi. Kini tatapannya meredup dan nada bicaranya sudah turun entah berapa oktaf ke bawah.

Dira terdiam. Posisinya saat ini sangat mirip dengan posisinya tengah hari tadi, dengan seorang lelaki. Seseorang yang mengelus ubun kepalanya dengan lembut dan menatapnya seteduh tatapan Adrian saat ini.

Entah kenapa....Dira merasa ada kerinduan yang tumbuh detik itu. Pada lelaki itu. Lelaki bernama Ezra.

## Bab 12

Teringat kembali akan kejadian silam di mana semuanya masih terasa nyaman dan cukup menyenangkan. Di bawah pohon mangga itu, Dira menunggu Ezra dengan sabar. Mendengar khabar kalau lelaki itu akan berhijrah ke bandar membuatkan Dira terburu-buru datang ke bawah pohon mangga, tempat temu janji mereka berdua. Berharap agar boleh bertemu dengan Ezra sebelum lelaki itu berangkat pergi.

"Sebenarnya di sini..." Ezra muncul mengejutkan Dira yang sedang duduk di bawah sebatang kayu panjang. Dia tidak melihat kedatangan lelaki itu tadi dan tiba-tiba Ezra sudah berdiri terpacak di hadapannya.

"Dah lama?"

Dira menggeleng. Kedua matanya masih lekat menatap Ezra yang kini duduk di sisinya. Lelaki itu mengenakan kemeja berwarna biru. Warna kesukaan Dira. Semakin tampan dengan sepasang kasut yang waktu itu Dira dan rakan-rakannya pernah hadiahkan ketika majlis ulang tahun Ezra.

Agak lama mereka berdua berdiam diri. Menikmati keindahan desa mereka yang sudah hampir dua puluh lima tahun mereka diami. Bersama keluarga mahupun rakan yang membuatkan hari-hari mereka penuh ceria.

Kedua-dua mata Dira fokus menatap Ezra, sedang lelaki itu sibuk dengan fikirannya, melayani perasaan sendiri. Rasa gundah tengah menari-nari di relung hatinya. Tidak sanggup menatap wajah Dira. Bukan kerana gadis itu tetapi kerana dia tidak sanggup dengan hatinya sendiri untuk melihat wajah seorang gadis yang akan ditinggalkannya.

"Dira...saya....saya dah jatuh cinta pada seorang gadis." Ucap Ezra perlahan sambil meramas jari-jemarinya sendiri. Dia tahu kalau Dira masih menatapnya meski entah dengan memek muka yang macam apa sekarang.

"Se...seorang gadis?"

Ezra mengangguk, membenarkan pertanyaan Dira. Kepalanya buntu untuk mengatakan apa pada gadis itu. Dia tidak berani. Keberaniannya masih lebih kecil jika hendak dibandingkan dengan sebutir biji sawi.

"Siii...siapa?"

Lelaki itu menghelakan nafasnya saat mendengar nada bicara Dira yang mendarat. Dia tahu bahawa Dira juga mempunyai perasaan yang sama dengannya. Entah kerana malu atau keberaniannya sama kecil dengan Ezra membuatkan mereka bisu akan cinta masing-masing.

"Dia....saya akan tinggalkan dia di kampung ni untuk sementara waktu." Ezra mengulum bibirnya sendiri sebelum beralih menatap Dira.

"Saya dah lama mencintainya tapi belum berani untuk mengatakan hal ini kepada dia."

"Lepas tu?." Ucapan Dira tersekat. Dia ingin bertanya lebih lanjut namun rasa sedih sepertinya menjalar di kerongkongnya dan membuatkan dirinya sukar untuk berbicara.

"Saya harap dia tak sedih sekarang. Saya akan pastikan kalau sekarang dia tidak akan menangis dengan kepergian saya." Ezra menundukkan wajahnya lagi. Tepat saat Dira mula menyedari erti ucapan lelaki itu tadi.

"Maksud awak?" Kedua-dua kening Dira terangkat. Dia takut untuk menyimpulkan siapa gadis yang Ezra maksudkan dengan 'dia'.

"Saya datang dan duduk di sini untuk pastikan sendiri kalau dia tidak akan menangis dan merasa kesepian dengan kepergian saya, Dira." Ezra tersenyum. Ucapannya sepertinya terbalik dengan tatapannya sendiri. Matanya berair menandakan kalau hatinya mungkin sedang mendung sekarang.

"Dii...ddd....dia tidak akan sedih ataupun menangis kalau awak berjanji akan kembali lagi Ezra." Bibir Dira berkata dengan sendirinya. Walaupun dia tidak tahu siapa gadis yang Ezra maksudkan tadi, hatinya akan menganggap kalau 'dia' itu adalah dirinya. Dia tidak peduli. Ezra sedang menatapnya. Itu yang lebih penting.

Pemuda kampung itu tersenyum lagi seraya mengangkat tangan kanannya ke udara. Meletakkan tangan itu di ubun kepala Dira dan menyisipkan doa di setiap helaian tangannya.

*Jika memang Allah merestui hatiku tetap memilikimu maka kau pun akan begitu. Akan tiba saatnya di mana hati kita akan membentuk satu cinta atas restunya.*

"Aku sumpah!! Kalau rumah aku tadi terbakar kerana perbuatan kau, aku takkan sesekali lepaskan kau Adira!!!" Adrian sudah bermati-matian menahan amarahnya saat ini. Di samping tangannya yang sedang sibuk merawat kaki Dira. Asyik membebel sekaligus mencaci tentang kecuaiannya wanita itu.

"Ma-maaf."

"Aku tak perlukan kata maaf kau!" Teriak Adrian membuatkan Dira sedikit tersentak.

Kalau Adrian tidak duduk di atas sofa tadi, pasti sekarang ini Dira sudah terjelupuk jatuh kerana terkejut dengan teriakan lelaki itu.

"Kau selalu cakap maaf kalau kau buat suatu kesalahan tapi tak pernah cuba nak berubah!!!" Bebel Adrian lagi yang kelihatan tak ubah seperti geng ahleng yang mahu menagih

hutang. Matanya melurut sambil mencekak pinggang meskipun sedang duduk di atas sofa, berhadapan dengan Dira.

"Kau simpan jelah kata maaf kau tu kalau kau masih lagi nak cuai macam ni!!." Ujarnya sambil mengemas kotak kecemasan yang dia bawa dari dapur tadi untuk mengubati kaki Dira.

Tadi, dia sempat panik saat melihat kaki wanita itu yang terus saja mengeluarkan darah. Dia fikir, setelah menyelamatkan Dira dari api yang terbakar, dia boleh menarik nafas lega tetapi ternyata kecuaiannya Dira kembali menuai luka. Sebilah pisau yang dia genggam itu terjatuh tepat di atas kaki kanannya dan tidak perlu ditanya lagi apa yang telah terjadi selanjutnya. Dira terdiam dengan matanya yang membutang, melihat darah yang mengalir di kakinya. Ingin saja Adrian menampar reaksi bodoh wanita itu.

"Aduh!!." Dira yang tadinya ingin berganjak dari sofa dan menuju ke kamarnya kembali terjatuh selepas menyedari luka yang dia rasakan ternyata lebih sakit dari apa yang dia fikirkan.

"Kau nak ke mana lagi?." Adrian bertanya dengan riak wajahnya yang kelihatan begitu tegang. Dia berfikir, tak boleh ke kalau perempuan tu duduk diam sekejap saja untuk tidak membuatkan Adrian menjadi panik? atau dengan kata mudah, berikan lelaki itu sedikit waktu untuk meletakkan kotak kecemasan yang ada di tangannya ke tempat asal.

"Aku...aku nak masuk bilik." Dira mengetap bibirnya. Kedua-dua jari telunjuknya sudah saling memintal antara satu sama lain. Dia tidak berani menatap Adrian. Dia juga tidak berniat mahu mengganggu lelaki itu. Ibarat kata, dia tidak mahu mencari pasal dengan serigala itu.

Meskipun mengeluh kesal, Adrian tetap mengalah. Dia menanggalkan kot kerjanya dan melemparkannya ke atas bahu sofa sebelum mendukung tubuh Dira. Tanpa banyak soal dan bahkan Dira pun tidak berani protes, membiarkan saja Adrian membawanya masuk ke dalam bilik tidur dan merebahkannya di sana.

"Jangan pergi mana-mana!. Duduk sini dan kalau kau perlukan sesuatu..." Adrian menghembuskan nafasnya seketika sebelum kembali menyambung bicara.

"Panggil je aku."



Adrian sudah meninggalkan Dira yang sedang merenung nasibnya sendiri di dalam kamar. Wanita itu tidak ingin melibatkan Adrian dalam masalahnya. Setidak beretikanya pun dia, sungguh Dira tidak ingin menarik Adrian ke dalam segala hal yang terjadi pada dirinya. Dia tidak ingin. Dia tidak mahu hubungannya bersama Adrian menjadi sesuatu yang membuatkan mereka sering bersama. Dia benci lelaki itu tetapi dia tidak boleh pergi. Bahkan satu-satunya hal yang paling diharapkan oleh Dira adalah untuk tidak berhubungan dengan Adrian sedaya mampu yang mungkin.

Titisan air dingin dari shower ternyata tidak mampu meredakan gejolak emosi Adrian yang masih membungkam. Fikirannya masih melayang teringat pada luka yang cukup dalam pada kaki wanita itu. Entah bagaimana rasanya tetapi saat pisau itu tertancap di sana, Dira hanya terdiam dan membuat darah Adrian mendidih seketika.

Lelaki itu tidak berharap Dira akan berteriak seperti orang yang kerasukan histeria atau berlari ke dalam pelukannya dengan manja. Tidak!. Hanya saja, sikap wanita itu yang terlalu menyimpan kesakitannya membuatkan Adrian bertambah kesal.

Apa Dira tidak boleh duduk diam untuk tidak membuatkan Adrian panik?. Tak boleh ke kalau wanita itu duduk diam-diam dalam rumah sekejap agar Adrian tidak berfikiran buruk tentang keadaannya? Atau wanita itu tidak boleh mengawal organ tubuhnya untuk melakukan sesuatu yang boleh membuatkan Adrian lebih tenang?.

Dia benci wanita itu. Wanita yang selalu berhasil membuatnya sakit kepala. Selalu membuatkan emosi Adrian naik turun bagai sebuah beban di trampolin. Dia juga sepertinya terlalu mahir dalam mencetuskan kemarahan lelaki itu, langsung mencapai titik terpanas bahkan hampir meledakkan seluruh jantungnya. Memang betul-betul melampau!!.

Adrian kesal melihat wanita itu tetapi dia tidak boleh bertenang jika wanita itu tidak ada di depan matanya. Bahkan saat ini, saat Adrian menatap pantulan dirinya di depan cermin, dia masih mengharap kalau bayangan ini adalah Dira.

Ini aneh. Dia yakin kalau saat ini kedua-dua tangannya ingin mencakar wajah yang begitu menyakitkan hati, wajah wanita yang bernama Dira. Memarahinya kerana telah membuatkan

Adrian ketakutan. Bahkan detak jantungnya saat ini masih belum boleh dikatakan sebagai degupan normal. Wanita itu benar-benar pencetus masalah!.

Adrian meraih tuala putih yang bergantung di tepi bilik mandinya. Mengeringkan tubuhnya dengan malas sebelum kembali melangkah ke dalam kamar tidurnya. Niatnya saat ini adalah mahu melihat apa yang sedang dilakukan oleh makhluk kampung itu. Semoga saja, dia tidak membuat sesuatu yang boleh membuatkan Adrian mati mengejut!.

Hembusan angin malam membelai lembut permukaan kulit Dira. Dengan memejamkan kedua matanya, wanita itu menikmati kesedihan hatinya saat ini. Ingin menangis saat dinginnya angin malam seolah-olah membuatkan hatinya yang dingin jadi menggigil.

Apa yang dia lakukan di sini?. Dia terlalu asing di sini. Tidak ada yang dia kenal dan dia inginkan di sini. Dia ingin berlari, mengajak kakinya yang terluka untuk lari jika ia sanggup. Entah itu pada Dara yang terbaring koma ataupun pada Ezra yang telah dikhianatinya.

Mungkin benar, mereka tidak pernah saling mengungkapkan cinta tetapi sesiapa pun pasti tahu kalau mereka berdua saling sayang. Saling berbagi kasih sejak duduk di bangku sekolah lagi. Baik Dara, kawan-kawannya Dira, semua tahu kalau cerita cintanya dengan Ezra dulu hanya terbatas oleh waktu. Namun siapa yang sangka kalau kisah mereka berdua akan menjadi rumit seperti ini. Bagai sebuah cerita yang tidak akan pernah tahu boleh dibawa ke mana. Buntu!. Bercampur aduk pada sesuatu yang boleh disebut sebagai kebohongan.

Dalam benaknya, Dira terus saja bertanya tentang apa yang bakal dikatakan oleh Ezra jika lelaki itu mengetahui kebenarannya?. Apa Ezra masih sudi menerima dirinya?. Dia tidak ingin pentingkan diri. Sejujurnya, Dira takut dan tidak sanggup kehilangan lelaki itu.

Tanpa terasa, titis air matanya kembali mengalir. Bagaimana mungkin dia boleh sekejam ini pada lelaki yang telah banyak menolongnya, membelanya habis-habisan saat rakan-rakannya yang lain memarahi Dira kalau gadis itu melakukan kecuiaan di sekolah dulu. Menemani Dira saat semuanya terasa berat kala Dara sudah tiada di sisinya.

Ezra telah memintanya untuk menunggu waktu itu dan sekarang?. Dira seolah-olah telah mengoyak hatinya sendiri.

“Aku dah agak dah!!.”

Dira membuang pandangannya ke arah lain. Berusaha menyeka air matanya saat mendengar suara Adrian yang tiba-tiba muncul di belakangnya.

“Kenapa kau ada kat sini?. Bukan ke kaki kau masih sakit?.” Tanya Adrian dengan nada tidak suka saat melihat Dira yang bersandar di penghadang, balkoni di bilik tidurnya.

Dira menggeleng sedikit, masih mencuba menutupi wajahnya dengan memanfaatkan cahaya samar dari bilik tidur itu. Dia memang sengaja tidak mahu menghidupkan lampunya. Takut nanti hal itu akan mengganggu perasaan yang sememangnya sedang merasakan kegelapan.

”Masuk!!.”

”Arghhh!!.”

Dira merintih sambil memegang kakinya. Tarikan tangan Adrian yang tidak tahu nak berlembut sama sekali telah membuatkan Dira terpaksa merasakan denyutan yang dia benci pada kakinya.

Merasa ada yang janggal, Adrian mengangkat dagu wanita itu dan melihat wajahnya. Matanya merah, hidungnya juga begitu serta suara yang baru saja Dira keluarkan. Adrian tidak bodoh untuk menyimpulkan itu semua.

”Kau menangis?.”

Dira menggeleng. Merasa pedih saat kesedihannya mendadak terpaksa ditelan membuatkan air matanya telah mendustai hati. Kedua matanya sudah kembali dipenuhi rembesan air mata.

“Memalukan!.” Kutuk Dira di dalam hati.

“Ka...kaki aku sakit jadi aku menangis.” Ucap Dira yang cuba berbohong. Dia menangis kerana hal lain dan malah hampir lupa dengan luka di kakinya. Namun dia tidak boleh mengatakan hal yang sebenarnya pada lelaki itu kerana mungkin saja Adrian akan menghinanya lagi seperti sebelum ini.

Melihat hal itu, Adrian hanya terdiam. Menatap Dira yang menangis dengan menundukkan sedikit wajahnya. Tangan wanita itu memang menyentuh betisnya sendiri. Terlihat seperti memegang kakinya yang sedang sakit namun Adrian tetap sedar. Sudah diberitahu dari awal lagi yang dia tidaklah sebodoh itu, dia tahu akan sesuatu. Melihat satu tangan Dira yang menggeletar, sudah cukup untuk membuatkan dia tahu bahawa sakit itu adalah luka yang tidak terlihat.

### Bab 13

Sekali lagi Adrian melirik ke arah Amar yang sedang tersenyum sendirian di hujung ruangnya. Dia tidak tahu apa yang lelaki itu bicarakan dengan seseorang di hujung talian telefon. Apa yang jelas, Adrian faham benar dengan senyuman Amar yang pastinya selalu berkaitan dengan seorang wanita dan ia adalah sesuatu yang 'panas'.

"Dasar gila!" Kutuk Adrian di dalam hati. Merasa muak dengan Amar yang terus-menerus tertawa dan kadang kala terdengar juga suara teriakan dari telefonnya. Mungkin seseorang yang sedang digoda oleh Amar tengah muntah-muntah atau terkinja-kinja sekarang. Entahlah!. Adrian malas nak ambil tahu!.

"Kau tau tak dia siapa?." Amar yang telah mematikan panggilannya kembali duduk di atas kerusi, berhadapan dengan Adrian. Hanya meja kerja lelaki itu yang menjadi pembatas di antara keduanya.

Adrian mengangkatkan kedua-dua bahunya kerana memang tidak mahu ambil peduli.

"Mangsa kau...mungkin."

Mendengarkan hal itu, kedua-dua mata Amar mula mengendur. Tawanya terhenti selepas Adrian dengan mudahnya mengatakan bahawa wanita yang bisung tadi adalah mangsanya.

"Aku masih waras lagi untuk mencari mangsa yang lebih baik Ad." Ketawanya yang kali ini dibalas dengan gedikan bahu oleh Adrian.

"Setidaknya, aku ingin mencuba yang masih perawan seperti isteri kau." Katanya langsung membuatkan Adrian melirik tajam ke arahnya.

Bagaikan sebuah kilat, lirikan mata Adrian begitu cepat mengenai kedua-dua alis Amar. Lelaki itu mengetap bibir saat melihat Amar tertawa dengan riak wajah innocent. Ingin saja Adrian melayangkan penumbuk buku limanya ini jika Amar tidak cepat-cepat menghentikan itu semua.

"Maaf, aku bergurau jahat!." Kata Amar sambil tersenyum.

"Tapi kalau ada...boleh juga." Tambahnya lagi, kali ini bukan hanya tatapan tajam saja yang dia dapat bahkan tatapan membunuh dari Adrian.

Sebenarnya Adrian tidak kisah kalau Amar mahu bicara tentang apa saja tetapi masalahnya kenapa lelaki itu perlu membawa-bawa nama Dira?. Adrian kan tak suka kalau nama wanita itu dibawa-bawa oleh mulut kotor Amar. Tidak ada faedahnya sama sekali. Bahkan yang ada malah membuatkan Adrian semakin berang saat mendengarnya.

"Berhenti cakap pasal hal tu lagi, kalau tak kau aku akan lemparkan keluar dari sini!." Ugut Adrian menyuruh Amar untuk segera mengunci mulutnya rapat-rapat. Intinya, sekarang tersenyum saja bahkan sudah dilarang.

Walaupun hatinya sedang tertawa terbahak-bahak melihat gelagat Adrian yang seolah-olah tidak acuh namun ternyata peduli dengan wanita yang tengah dibicarakannya. Amar mengangkat tangannya ke udara seolah-olah telah menyerah.

"Sekarang cepat katakan, apa yang membuatkan kau datang ke sini?." Tanya Adrian seraya membaca isi dari laporan kewangan syarikatnya dengan cermat namun masih boleh membahagikan otaknya untuk berkomunikasi dengan orang lain.

"Apa?."

Adrian menarik nafas panjang sebelum menghembuskannya keluar. Menatap Amar yang sudah seperti anak kecil dengan bermain bola keseimbangan yang ada di meja pejabat Adrian dengan malas. Matanya membulat seperti baru pertama kali melihat benda yang cenderung menggunakan teori fizik itu.

"Tak mungkin lah kau datang sini semata-mata nak naikkan darah aku kan?." Tanya Adrian. Pertanyaan Adrian tadi tidak diacuhkan oleh Amar sebaliknya dia masih fokus mengamati benda bulat itu seraya menggedikkan bahunya sekali.

"Atau kau memang sengaja nak datang sini sebab nak buat aku marah?!"

"Kau diamlah Ad!. Kau mengganggu fikiran aku tau tak!!" Tiba-tiba Amar merungut dengan nada suaranya yang kesal.

Adrian mengganggunya?. Sejak bila pula dia melakukan perkara sebodoh itu?. Bahkan Amar yang terlihat bodoh selama beberapa saat yang lalu, jelas tidak terlihat seperti orang yang sedang berfikir.

Amar mendengus kasar sambil mengeluarkan sampul coklat dari dalam saku jaketnya.

"Apa ni?." Adrian hendak mengambil sampul coklat yang telah diletakkan oleh Amar di atas meja sebelum akhirnya lelaki itu menariknya kembali membuatkan Adrian kebingungan.

"Pertama, sebelum aku serahkan sampul ni pada kau, aku nak tanya satu soalan, boleh?."

Adrian menyandarkan bahunya pada kerusi yang dia duduki. Walaupun sedikit penasaran dengan riak wajah Amar yang tampak serius, dia berusaha untuk tenang dalam menyanggupinya.

"Sejak Dara mengalami kemalangan dan koma di hospital, kau pernah pergi jenguk dia tak?."

Tidak ada jawapan. Adrian terdiam menatap wajah Amar dengan dahinya yang berkerut.

"Ohh maknanya ini pasal Dara?."

Entah kenapa, minat Adrian untuk tahu isi sampul itu semakin mengendur. Bagaikan titisan peluh yang jatuh di padang pasir. Tak berbekas.

"Kau baliklah." Adrian kembali pada posisinya semula. Rasanya mengetahui nilai kewangan dari syarikat di bawah pimpinannya jauh lebih baik daripada harus membahaskan sesuatu yang berkaitan dengan si pengkhianat itu. Jelas dia tidak ingin membahaskannya lagi. Sudah cukup di rumahnya, dia terpaksa melihat wajah si pengkhianat meskipun dengan aura dan cara pandang yang berbeza. Dia tidak sudi mahu mendengar sesuatu tentang Dara lagi di luar rumahnya kerana itu semua hanya akan menambahkan rasa sakit kepalanya.

"Kau belum jawab lagi pertanyaan aku!"

"Untuk apa aku nak jawab pertanyaan kau tu?" Adrian tetap mencuba untuk berlagak tenang walaupun dalam hatinya ini sudah menyumpah seranah si Amar tetapi dia tetap berusaha untuk terlihat baik-baik saja.

Ternyata menghadapi si keras kepala ini bukanlah sesuatu yang mudah.

"Penting sangat ke benda tu?"

Amar mengerutkan dahinya.

"Yelah, betul tu!. Penting sangat ke?. Ini kan masalah kawannya si Adrian tu tapi kenapa pulak dia yang nak pening-pening kepala fikirkan masalah orang?." Detus hati Amar.

"Pentinglah Ad sebab aku dah tahu siapa lelaki yang bersama dengan Dara waktu tu!" Jelas Amar sebelum melemparkan sampul coklat itu tepat ke arah wajah Adrian.

Kerutan dahi Adrian terlihat jelas. Matanya fokus melihat sampul yang sudah berkeronyok di hadapannya. Ingin saja dia cepat-cepat mengoyakkan sampul itu dan mengetahui siapakah lelaki tak guna yang sudah membuat Dara berpaling darinya. Kedua-dua tangannya menggeletar. Adrian berusaha untuk menutupinya, hatinya seolah-olah memerintahkan tangannya untuk tetap diam. Mengambil tindakan dengan menerima isyarat yang dibisikkan oleh hatinya yang paling dalam.

"Simpan je benda tu. Aku tak perlukan semua tu." Sejenak, matanya tidak ikhlas melepaskan sampul itu jika ia harus diambil kembali oleh Amar sebelum dia tahu akan isinya. Namun, reaksi dari organ tubuhnya sepertinya tidak perlu diragukan lagi. Kedua-dua mata Adrian sudah sepenuhnya tertumpu pada dokumen yang merupakan rahsia dari asetnya di syarikat itu. Mengabaikan mulut Amar yang sudah memuncung beberapa kali.

"Kau tau tak selama ni aku dah banyak berusaha untuk dedahkan siapa lelaki tak guna tu pada kau?. Asal kau tahu Tengku Adrian Tengku Mazli, aku bahkan sanggup terima makian dari gadis alien yang memberikan aku semua maklumat tentang Dara dan skandalnya tu dan kau pulak dengan mudahnya mulut kau cakap yang kau tak perlukan semua ni?!" Amar melepaskan rasa sakit hatinya dengan perasaan yang mendidih.

"Kau memang melampau Adrian!"

Bagai angin lalu, Adrian hanya diam. Membaca satu persatu kalimat yang tertera dalam laporan kewangannya tanpa peduli dengan renungan Amar yang seolah-olah mahu menerkam dirinya, mahu siat-siat kulitnya ini.

"Kau tenanglah...aku tengah sibuk sekarang ni." Balasnya selamba.

"Kau yakin?." Amar cuba untuk bertanya lagi walaupun saat ini dia telah mengetap bibir menahan geram dengan sikap Adrian yang acuh tak acuh pada dirinya. Amar berasa kecewa saat melihat Adrian hanya mengangguk.

Si gila Adrian itu sepertinya memang tidak perlukan maklumat ini. Membuatkan Amar merasakan semua ini ternyata hanyalah sia-sia padahal jika difikir-fikirkan kembali, dia telah rela membiarkan gadis berkacamata alien yang menjadi pemberi maklumat mencaci maki dirinya demi info ini dan Adrian pula, dengan kejinya menolak itu semua.

"Aku balik dulu!" Dengan kesal, Amar merampas kembali sampul coklat itu sebelum akhirnya menghilang dari ruangan itu. Terasa seperti diperbodoh-bodohkan!. Dia berharap jika suatu saat nanti, Adrian akan menyesal dan mengemis padanya hanya untuk tahu siapa lelaki yang telah menghancurkan rancangan perkahwinannya bersama Dara. Itu sumpah Amar!.



Sepertinya gerimis akan turun sebentar lagi. Terlihat awan hitam sudah mulai beransur-ansur berarak menuju langit bandar. Membuatkan cahaya petang boleh dilihat dari sisi kegelapan awan hitam.

Kereta Adrian menderu dengan kelajuan sederhana. Rasa malas untuk menekan pedal minyak sedikit lebih dalam membuatnya terlihat seperti budak yang baru belajar pandu kereta.

Fikirannya masih dipenuhi dengan bayangan Dara sejak kepergian Amar dari pejabatnya tadi. Boleh dicatat di sini kalau yang membuatkan Adrian terfikir itu bukanlah lelaki menjengkelkan yang bernama Amar sebaliknya adalah sampul coklat yang dibawa oleh lelaki itu.

Boleh dikatakan kalau sekarang ini dia sedikit menyesal. Andai saja dia tidak begitu menurut akan kata hatinya yang kerdil untuk melihat isi sampul coklat itu, mungkin saja sekarang dia boleh mengetahui siapa lelaki yang ditemui Dara waktu itu. Atau mungkin sekarang dia sudah dalam perjalanan untuk mengejar lelaki tak guna tu!.

Adrian mendesah kecewa. Harusnya dia benci pada Dara. Persetankan wanita itu dan juga kekasih gelapnya. Hanya saja namun entah kenapa, dari jauh lubuk hatinya yang paling dalam, sepertinya dia tidak ingin mempercayai itu semua. Dia ingin Dara bangun dan membantah kebohongan itu semua. Jauh dari itu....dia berharap ini semua hanyalah kesalahfahaman semata-mata. Sesuatu yang membuatnya percaya kalau mungkin Dara tidak bersalah dalam hal ini. Kepercayaan yang menurutnya datang berdasarkan hal yang sangat dangkal dan sukar diterima logik akal. Setidaknya, itulah yang Adrian tahu dari seorang wanita yang selalu membuat onar dalam hidupnya.

Kelajuan kereta yang dipandu oleh Adrian boleh dikatakan agak lambat dan menjadi semakin lambat saat ia baru saja memasuki pintu gerbang utama kondominium, tempat tinggalnya bersama Dira. Terlihat seorang wanita yang baru beberapa detik yang lalu singgah di benaknya saat dia tengah berjalan menuju ke bangunan kondominium. Membawa sebuah plastik yang dapat Adrian agak apa isinya.

"Sepertinya dia memang harus diikat!" Gumam Adrian saat melihat wanita itu sukar untuk berjalan tetapi masih degil. Suruh duduk diam di rumah pun susah. Entah kenapa,

wajah cantik itu selalu membuatkan Adrian termenung sendiri. Entah itu milik seseorang yang tengah terbaring koma dengan membawa segala kemarahan Adrian ataupun milik seorang wanita kolot yang selalu membuatkan emosi Adrian berada di ambang kemusnahan.

Lihat!. Bahkan dengan kakinya yang masih berbalut rapi pun wanita itu tetap mahu keluar dari kondominium miliknya semata-mata mahu pergi ke mini market yang ada di persimpangan jalan.

Bagaimana Adrian tidak marah dengan dirinya kalau dia sendiri pun tidak pernah peduli dengan keadaannya?. Adrian hampir kehabisan nafas saat melihat luka itu mengeluarkan darah segar yang cukup banyak dan sekarang?. Wanita itu malah bersenang-lenang membawa luka itu bersamanya dan membuat hati Adrian mendidih saat melihatnya dari jauh.

Otak Adrian berputar ligat mencari cara agar wanita nakal itu serik dengan kekebalannya.

## Bab 14

Dira sedang melangkahhkan kakinya dengan sedikit berlari meskipun sesekali denyut di kakinya memaksanya agar berhenti namun dia tetap harus cepat sampai ke kondominium sebelum Adrian dapat tahu yang dia keluar dari rumah itu tanpa izin. Boleh putus saraf telinganya ini jika terpaksa mendengar segala teriakan dan bebelan dari lelaki itu.

”Nampak gayanya aku memang kena ikat kau!”

Tubuh Dira terangkat. Seolah-olah melayang sehinggalah dia sedar kalau dirinya saat ini sudah berada dalam dukungan lelaki itu....Adrian.

Mulutnya ternganga sedikit saat mendapati lelaki itu sedang merenungnya dengan dingin dan tajam. Rahangnya keras menandakan kalau dia pasti sedang marah saat ini.

”Ma...maa...maa-.”

”Diam!!.” Detik itu juga, mulut Dira terbungkam. Ia bahkan mengatup bibirnya menandakan kalau dia benar-benar menutupnya dengan rapat. Otaknya sudah menyalakan signal sebagai tanda peringatan agar berhenti mengucapkan kata maaf pada Adrian. Lelaki itu tidak suka!.

Adrian membawa tubuh kecil itu untuk masuk ke dalam kondominium miliknya tanpa perlu singgah ke mana-mana. Rasa kesalnya sudah berada di ubun-ubun kepala. Dia berasa seperti

seorang ayah yang memiliki anak berotak bebal seperti wanita yang ada dalam dakapannya saat ini. Padahal wanita itu bukan lagi kanak-kanak!.

Dira merasa panik saat Adrian meletakkannya di atas katil di dalam kamar tidurnya dan bukannya di atas sofa seperti yang biasa lelaki itu lakukan. Matanya menatap seram saat Adrian mendekatkan wajahnya pada Dira. Untuk dua hal, Dira sangat benci hal ini.

Yang pertama, dia mempunyai ingatan buruk dengan kamar itu kerana di dalam ruangan itulah dia harus kehilangan kesuciannya secara paksa. Yang kedua, dia benci aroma yang memenuhi ruangan itu. Aroma tubuh Adrian, membuatnya ingin muntah saat mengingati kembali akan malam di mana dia terpaksa menghidu aroma tubuh itu yang melekat padanya. Apatah lagi saat lelaki itu mula menyentuhnya dengan lebih dalam.

Dan sekarang?. Kenapa dia harus ada di sana lagi?.

“Luka di kaki kau tu masih belum cukup lagi ke untuk buat kau duduk diam dalam rumah ni?.” Bidas Adrian dengan wajahnya yang sangat hampir dengan wanita itu.

“Ke kau nak aku patahkan kedua-dua belah kaki kau yang kecil tu supaya kau boleh duduk diam dalam rumah?.” Tanya Adrian lagi dengan nada suaranya yang berbaur ugutan.

Walaupun dengan gerakan kaku, Dira tetap menggeleng. Di matanya, Adrian itu adalah seorang lelaki yang jahat dan kejam. Dia tidak mahu cuba-cuba melawan dengan diam saja seperti patung.

Tiba-tiba, Adrian menekan tengkuk wanita itu. Merapatkan wajah mereka sehingga bibir lelaki itu berada sangat dekat dengan telinga Dira.

“Atau kau lagi suka kalau aku ikat kau di atas katil ni dan menyetubuhi kau terus menerus sehingga kau tak mampu nak berjalan?.”

Kedua-dua mata Dira melihat Adrian dengan tatapan yang begitu menakutkan. Memaksa wajahnya menjauh dari lelaki itu.

Dia bukan binatang! Ataupun pemuas nafsu lelaki!!. Dia manusia!. Dia mempunyai hak untuk melakukan apapun termasuk menggelengkan kepalanya dengan cepat seperti sekarang.